

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

"PROMOSI MERDEKA KE 60!!"
LANGGAN AKHBAR AMANAH PERCUMA T-SHIRT



untuk urusan langganan
 011 3233 4322

Bertanding 42 kerusi sahkan Pas 'pengebom berani mati'



→ ms2

"TUN DR MAHATHIR BERSAMA WARGA RAKYAT TERENGGANU" PH yakin masalah nelayan dapat diselesaikan



→ ms8

Undi PAS umpama jayakan perancangan Umno



→ ms8



MAJLIS Presiden Pakatan Harapan (PH) menegaskan, gabungan itu tidak akan bekerjasama dengan Pas dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) sebaliknya PH sedang merangka strategi bagi kemungkinan menghadapi pertandingan tiga penjuru melawan Pas dan Barisan Nasional (BN).

Laporan penuh → muka 2

PH SEDIA 3 PENJURU

SELAMAT HARI MERDEKA... Para pemimpin Pakatan Harapan mengibarkan Jalur Gemilang sempena Hari Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos.

EZKEMBARA
NO. KP/14: 6874

TAWARAN ISTIMEWA & 2017

PROMOSI

TURKI

30 NOV - 9 DIS 2017	BIHARLA	RM4,199
TURKI WINTER	ALL IN	
07 - 16 FEB 2018	NOVEMBER	DISEMBER
TURKI WINTER	BIHARLA	RM4,100
15 - 22 APRIL 2018	BIHARLA	RM3,899
TURKI SPRING	ALL IN	
21 - 30 JUN 2018	BIHARLA	RM4,100
TURKI SUMMER	ALL IN	
OCTOBER	BIHARLA	RM4,100
TURKI AUTUMN	ALL IN	

SEOUL

09 - 13 NOV 2017	BIHARLA	RM3,150
SEOUL AUTUMN	ALL IN	
15 - 22 APRIL 2018	BIHARLA	RM3,150
SEOUL SPRING	ALL IN	
01 - 05 FEB 2018	BIHARLA	RM2,990
08 - 12 FEB 2018	BIHARLA	RM2,990
01 - 05 MAC 2018	BIHARLA	RM2,990
SEOUL WINTER	ALL IN	

PELBAGAI DESTINASI MENARIK!

PAKEJ UMRAH

TARIKH	HARCA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK*		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (BETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (BETARAF) 150M
JANUARI 17 - 20 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590	MEKAH LULU AT (BETARAF) 400-600M	MADINAH CONCORDE HOTEL (BETARAF) 150M
DISEMBER 10 - 20 DIS 2017	6,790	6,490		
APRIL 18 - 23 APRIL 2018	5,890	5,590		

PAKEJ RUMMAN

PAKEJ TAMAR

HUBUNGI +603 - 6184 1542

PH sedia 3 penjuru, tidak kerjasama dengan Pas

MAJLIS Presiden Pakatan Harapan (PH) menegaskan, gabungan itu tidak akan bekerjasama dengan Pas dalam Pilihan raya Umum ke-14 (PRU14) sebaliknya PH sedang merangka strategi bagi kemungkinan menghadapi pertandingan tiga penjuru melawan Pas dan Barisan Nasional (BN).

Penegasan itu dibuat dalam satu kenyataan selepas Majlis Presiden PH yang dipengerusikan Tun Dr Mahathir Mohamad bermesyuarat lebih empat jam malam 28 Ogos lepas.

Kenyataan itu ditandatangani oleh Dr Mahathir, Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan



Selamat Hari Merdeka... Pemimpin PH mengibarkan Jalur Gemilang ketika majlis perhimpunan mereka di Kelantan baru-baru ini.

Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin, Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu.

la timbul apabila Timbalan Presiden PKR Datuk Seri Azmin Ali minggu lalu

mengumumkan sedang ada usaha berbincang dengan Pas secara tidak rasmi, sebagai persediaan PKR menghadapi PRU14.

Beliau yang juga Menteri Besar Selangor bagaimanapun kemudiannya menjelaskan, perbincangan dengan Pas itu tiada kaitan dengan PH sebaliknya atas inisiatif PKR sepenuhnya.

Berikutan itu, Naib Presiden PKR Rafizi Ramli kelmarin mencadangkan parti itu mengadakan kongres khas peringkat kebangsaan bagi memutuskan sama ada mereka perlu terus berunding dengan Pas atau tidak.

Beliau mendakwa, ketika ini wujud dua kumpulan saling bertentangan dalam parti itu dan masing-masing membawa pendapat berbeza mengenai cara menangani Pas.

Menurut beliau juga, secara rasionalnya, sebarang rundingan di antara PKR-Pas yang tidak melibatkan PH adalah satu usaha yang mustahil membuahkan hasil kerana PKR tidak boleh berunding bagi pihak AMANAH dan Bersatu dalam keadaan sebahagian besar tuntutan Pas itu melibatkan AMANAH, Bersatu dan DAP.

Rafizi turut hadir di mesyuarat PH 28 Ogos lepas, bagaimanapun Azmin tidak kelihatan.

Bertanding 42 kerusi sahkan Pas 'pengebom berani mati'

KENYATAAN Pesuruhjaya Pas Selangor Sallehen Mukhyi bahawa Pas akan bertanding di 42 kerusi Dun Selangor mengesahkan parti itu sebagai 'suicide bomber' (pengebom berani mati) dan bukannya 'king maker' dalam politik tanah air.

Keputusan itu juga menunjukkan bahawa Pas tidak lagi bersama pembangkang malahan menjadi pengganggu (spoiler) dalam perjuangan rakyat menjatuhkan rejim Umno-BN pimpinan kleptokrat Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil bagaimanapun yakin rakyat akan memilih blok yang benar-benar kuat bagi menjatuhkan

kan Umno-BN iaitu Pakatan Harapan.

"Dalam keadaan ini, mustahil untuk Pas menjadi 'king maker' kerana mereka bukan lagi pilihan rakyat kerana tidak lagi berada bersama gabungan pembangkang," ujarnya.

Menurut beliau, dalam sejarah pilihan raya negara ini, Pas hanya mendapat sokongan kuat rakyat apabila berada dalam satu gabungan seperti mana bersama Barisan Alternatif dalam PRU 1999 dengan 27 kerusi parlimen, PRU 2008 (23 kerusi) dan PRU 2013 bersama Pakatan Rakyat (21 kerusi).

"Sebaliknya apabila bersendirian, Pas hanya

mendapat 1 kerusi dalam PRU 1986 dan 7 kerusi dalam PRU 2004," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan Pas sebagai 'suicide bomber' yang bukan sahaja akan membunuh dirinya sendiri, tetapi juga orang yang berada di sekelilingnya.

"Begitulah juga ibaratnya dengan kedudukan Pas yang akan ditolak rakyat kerana dilihat mesra Umno dan seringkali membela korupsi Datuk Seri Najib Razak yang mana parti-parti yang bersama Pas juga dibimbangi bakal ditolak rakyat," katanya.

Oleh itu, Faiz menyeru semua parti gabungan Pakatan Harapan supaya memberikan fokus

memperkuhkan Pakatan Harapan di semua peringkat dan menumpukan kepada objektif menjatuhkan Umno-BN.

"Masa yang diberikan kepada Pas untuk menyertai Pakatan Harapan telah lama dibuka, namun tidak disambut oleh Pas. Sebaliknya Pas lebih ketagih menyerang Pakatan Harapan dan parti-parti komponennya.

"Maka, punca dan agenda Pas di sebalik langkah sumbang Pas ini di kala Datuk Seri Najib Razak mengamalkan khurafat baru 'cash is king' demi survival politikanya bukan lagi suatu misteri," tegas beliau.

Rakyat perlu gabungan ampuh lawan BN

RAKYAT memerlukan gabungan yang ampuh untuk menghadapi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Oleh itu, Pemuda AMANAH Nasional menyambut baik pendirian Pakatan Harapan berhubung kerjasama politik dengan Pas, kata ketuanya Mohd Sany Hamzan.

Bagi beliau, keputusan Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan 28 Ogos lalu yang memutuskan tidak akan bekerjasama dengan Pas dalam Pilihanraya Umum ke-14 (PRU-14) merupakan satu pendirian yang sangat dinanti-nantikan.

"Rakyat sangat memberi harapan yang menggunung kepada Pakatan Harapan yang dianggotai oleh KeAdilan, DAP, AMANAH dan PPBM untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara daripada kerajaan kleptokrasi yang dipimpin oleh Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Oleh yang demikian rakyat mahukan satu gabungan yang ampuh bagi menghadapi PRU14 yang akan datang," katanya.

Katanya, PH telah membuka peluang dan ruang untuk mana-mana parti yang mahu bersama dalam gabungan besar pembangkang bagi menghadapi BN,

namun Pas bersikap angkuh dan sombong apabila enggan untuk bersama dalam satu pasukan sebaliknya parti itu telah menubuhkan blok ketiga iaitu Gagasan Sejahtera bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

"Sikap 'kluk klek' dan angkuh Pas ini tidak ada tempat di dalam gabungan pembangkang yang mengamalkan prinsip bekerjasama antara satu sama lain demi mencapai matlamat utama iaitu menjatuhkan kerajaan yang penuh kebobrokan ketika ini," katanya.

Bagi Pemuda AMANAH Nasional, katanya, pendirian rasmi PH ini akan memudahkan lagi perancangan gerak kerja bersama diantara keempat-empat parti di semua peringkat sama ada di nasional mahupun di peringkat bawahan.

"Ayuh, kita tingkatkan gerak kerja dan perkuat kerjasama bagi menarik sokongan rakyat terhadap Pakatan Harapan.

"Kami yakin, rakyat akan memberi sokongan kepada gabungan besar pembangkang iaitu Pakatan Harapan yang lebih realistik dan berkemampuan untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara," katanya.

Hancur luluh hati Tun Razak

JIKA Tun Abdul Razak Husein masih hidup, pasti akan kecewa dan ralat dengan apa yang berlaku pada negara Malaysia hari ini, kata Raja Nazrin Shah, Sultan Perak.

Baginda berkata demikian ketika melancarkan buku "Fulfilling a Legacy: Tun Razak Foundation" di sebuah hotel di Kuala Lumpur, 29 Ogos lalu, dua hari menjelang sambutan Hari Kemerdekaan Negara, 31 Ogos.

Baginda menyenaraikan empat perkara yang akan mengecewakan Tun Abdul Razak, perdana menteri Malaysia kedua yang menyentuh soal perpaduan rakyat, pendidikan, ekonomi dan moral.

"Tun Abdul Razak, andai kata masih bernafas, pastinya pada hari ini akan kecewa dan ralat melihat empat senario yang sedang berlaku di dalam negara," titah baginda.

Sultan Nazrin bertitah, wawasan Tun Abdul Razak bahawa masa depan negara ini bergantung pada satu perkara iaitu perpaduan rakyat berbilang kaum sedang dirosakkan oleh oleh pemimpin politik.

"Sedangkan dalam keghairahan mahu mendapat sokongan, parti-parti politik pada masa ini, semakin cenderung memilih untuk menyalakan bara-bara sensasi isu agama dan isu kaum," titah baginda.

Tun Abdul Razak juga, titah baginda, pasti kecewa dan ralat melihat bagaimana Dasar Pelajaran Kebangsaan gagal menjadikan sekolah sebagai "taman asuhan menyatupadukan warga".

Kata baginda, generasi muda daripada pelbagai kaum pada hari ini, yang melalui pelbagai aliran persekolahan, tidak akan mempunyai peluang untuk berinteraksi dan saling mengenali antara satu sama lain, di sebaliknya mereka membesar secara berasingan dalam kelompok kaum masing-masing.

Ketiga, Tun Abdul Razak akan kecewa melihat penyelewengan pembahagian kekayaan sehingga berlakunya ketirisan besar-besaran pegangan ekonomi bumiputera yang menyebabkan kaum bukan bumiputera menyifatkan Dasar Ekonomi Baru diskriminatif, malah mencetuskan kemarahan dalam kalangan bumiputera sendiri.

Dan yang keempat, titah baginda, Tun Abdul Razak akan kecewa dan ralat melihat amalan rasuah dan tahap integriti di Malaysia pada hari ini.

"Akan luluhlah hati Tun Abdul Razak, mengikuti pendedahan demi pendedahan, tangkapan demi tangkapan kerana perbuatan rasuah yang berlaku secara besar-besaran, melibatkan penjawat tinggi dan individu terpelajar, dengan amaun yang banyak, yang amat mencalar nama baik negara bangsa," titah baginda.

Tun Abdul Razak dilantik sebagai perdana menteri pada 22 September 1970, lebih kurang 10 bulan selepas peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Allahyarhan meninggal dunia di London pada 14 Januari 1976 akibat leukemia ketika berumur 53 tahun.

Perutusan Hari Kemerdekaan & Aidiladha Presiden AMANAH

Makna merdeka dan erti pengorbanan

Assalamualaikum wbt.
Rakyat Malaysia sekalian,

TANGGAL 31 Ogos setiap tahun, kita meraikan kemerdekaan Negara. Laungan keramat Merdeka! yang digemakan, mencerminkan betapa rakyat menghargai harga sebuah kemerdekaan.

Kemerdekaan tidak harus difahami hanya sekadar negara bebas dari penjajahan. Sebaliknya dalam makna yang lebih besar, merdeka adalah kebebasan jiwa dan minda daripada cengkaman sistem dan pemikiran yang menjerumus kepada kezaliman.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang menyebabkan kamu disentuh api neraka, dan sekali-kali*

kamu tiada mempunyai seorang penolong-pun selain daripada Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan." (Hud: 113)

Kita tidak harus membiarkan diri dan generasi akan datang terus dijajah dengan sistem yang menekan seperti yang ada hari ini. Tekanan ekonomi, isu perkauman dan agama yang dimainkan serta urus tadbir yang tempang sehingga negara dikuasai kumpulan kleptokrat.

Semua keadaan ini menuntut kita sebagai rakyat tanpa mengira kaum dan agama, bangkit sebagai jiwa yang merdeka dalam usaha menentang segala kerosakan yang berlaku.

Parti Amanah Negara (AMANAH) akan terus berperanan melakukan tajdid politik, memperjuangkan keadilan Islam dan kebebasan rakyat sejajar prinsip-prinsip

maqasid syariah dan atas semangat Islam Rahmat Untuk Semua.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada seluruh umat Islam yang akan menyambutnya sehari selepas tarikh ulang tahun kemerdekaan negara, iaitu pada 1 September ini.

Aidil Adha mengajar kita erti sebuah pengorbanan dalam memenuhi tuntutan pengabdian kepada Allah SWT. Semoga semangat pengorbanan ini juga mampu untuk kita sama-sama terjemahkan dalam menggapai cita-cita murni untuk membuat perubahan demi sebuah kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang.

Salam Merdeka,
Salam Aidil Adha.



MOHAMAD SABU
Presiden
Parti Amanah Negara

Perutusan Hari Kemerdekaan dan Aidiladha Ketua Awan Nasional

Wanita di sebalik Aidiladha dan perjuangan kemerdekaan

Assalamu'alaikum wbt.

ALHAMDULILLAH, minggu ini negara yang kita cintai akan menyambut dua perayaan iaitu Hari Raya Aidiladha dan Hari Kemerdekaan ke-60 yang sudah tentu keduanya mempunyai makna yang cukup besar kepada jati diri kita sebagai umat Islam dan rakyat Malaysia.

Ketika ini, di Tanah Suci Makkah, jutaan umat Islam dari seluruh dunia sedang mengerjakan rukun Islam kelima iaitu ibadah Haji yang sama-sama kita mendoakan agar semua tetamu Allah ini dikurniakan Haji yang mabrur.

Tatkala kita melaksanakan ibadah korban dengan tujuan mendekatkan diri dengan ALLAH Ta'ala seperti firman Allah:

"Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban." (Surah al-Kauthar: 2)

Janganlah pula kita lupa dengan situasi dunia Islam ketika ini yang terus berhadapan pelbagai konflik terkini seperti pembantaian etnik Rohingya di Myanmar, krisis kemanusiaan di Yaman seperti kebuluran dan taun serta krisis

yang melanda beberapa negara umat Islam yang lain.

Dalam menginsafi dan menghayati tujuan ibadah korban ini, sirah agung dari Nabi Ibrahim a.s dan puteranya, Nabi Ismail a.s sudah pasti cukup memberi kesan kepada jiwa umat Islam.

Namun di sebalik peristiwa agung tersebut, saya ingin mengajak khususnya para wanita dan ibu untuk turut menghayati kisah kecekalan dan pengorbanan seorang wanita iaitu Hajar yang juga isteri Nabi Ibrahim a.s yang sanggup berusaha memastikan kelangsungan hidup puteranya, Nabi Ismail a.s yang menanggung kehausan.

Kesungguhan Hajar yang berlari-lari secara sendirian antara Safa dan Marwah semata-mata untuk mencari sumber air bagi menampung dahaga puteranya ternyata bukan suatu tugas keibuan yang mudah. Peristiwa penuh keinsafan dan menyentuh hati inilah juga yang menjadi antara ibadah dan salah satu rukun Haji.

Bagi para pejuang agama Allah, kisah Hajar ini mempunyai makna yang cukup besar dan mendalam. Kisah ini menunjukkan betapa penting dan besarnya

kudrat seorang ibu bagi menjaga dan melindungi anak-anaknya dari sebarang ancaman dan malapetaka.

Sekiranya dibawa semangat kisah ini dalam realiti sekarang, tidak bolehkah para ibu melihat negara ini serta generasi muda sebagai seorang 'Ismail' yang perlu diselamatkan?

Ketika ini, negara menghadapi realiti ekonomi antara dua darjat dengan jurang yang terus melebar, hutang negara yang kian bertambah, skandal kewangan terburuk dalam sejarah sehingga menjatuhkan maruah negara di seluruh dunia.

Keadaan ini sudah tentu membuka peluang kepada kuasa asing untuk mengambil kesempatan dengan menawarkan pelbagai projek mega yang telah mendapat kritikan hebat dari beberapa ahli ekonomi.

Saya juga cenderung melihat pelbagai tawaran ini sebagai serampang dua mata oleh kuasa asing untuk menguasai ekonomi negara dan kepentingan awam. Sudah tentu dalam keadaan ini, rakyat perlu menyatakan kekusaran dan saya mengharapkan agar para wanita dan ibu untuk melakukan

perkara yang sama.

Kita juga perlu bimbang dengan budaya rasuah yang amat mencolok mata. Budaya keji ini sudah pasti akan mengancam masa depan anak cucu kita dan negara yang kita cintai ini.

Sudah tiba masanya, di samping kita menggarap kecekalan jiwa Hajar, kita turut menghayati semangat perjuangan kemerdekaan oleh golongan wanita di negara ini yang belum diberikan kedudukan yang sesuai dalam susunan sejarah negara ini.

Sejarah perjuangan wanita seperti Khatijah Sidek, Shamsiah Fakeh, Aishah Ghani, Suriani Abdullah serta sebuah angkatan wanita yang cukup bersejarah iaitu Angkatan Wanita Sedar (Awas) perlu kita baca dan wacanakan semula untuk memantapkan pemikiran dan gerak kerja golongan wanita dalam negara ini.

Sudah tentu ada kalangan yang tidak bersetuju dengan beberapa perkara mengenai para pejuang wanita yang cecal ini tetapi itu hal yang boleh didebatkan dan saya bersedia membuka pentas wacana untuk kita mendalami semula para pejuang wanita ini.

Tetapi apa yang lebih penting adalah



daya juang dan keberanian mereka untuk berada di barisan hadapan dalam perjuangan menentang penjajahan.

Ternyata pada zaman yang serba kekurangan, kesanggupan wanita menyertai politik dan berada di barisan hadapan bukanlah satu tugas yang spontan sebaliknya penuh kesedaran demi untuk memerdekan dan membebaskan negara ini dari cengkaman asing.

Maka, menilai semula pengertian pengorbanan dan kemerdekaan dalam konteks negara ini, saya menyeru untuk rakyat Malaysia seluruhnya termasuk para wanita dan ibu untuk bersama-sama menyelamatkan dan membangunkan semula negara ini.

DR SITI MARIAH MAHMUD
Ketua Angkatan Wanita AMANAH
Negara (AWAN) Nasional
Ahli Parlimen AMANAH Kota Raja

Kenyataan media Ketua Pemuda AMANAH Nasional

Ayuh kita galas harapan besar rakyat!

PEMUDA AMANAH Nasional menyambut baik pendirian Pakatan Harapan berhubung kerjasama politik dengan Pas. Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan malam tadi (28 Ogos) yang memutuskan tidak akan bekerjasama dengan Pas dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) merupakan satu pendirian yang sangat dinanti-nantikan.

Rakyat sangat memberi harapan yang mengunung kepada Pakatan Harapan yang dianggotai Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara

daripada kerajaan kleptokrasi yang dipimpin Datuk Seri Najib Razak. Oleh yang demikian rakyat mahukan satu gabungan yang ampuh bagi menghadapi PRU14 yang akan datang.

Pakatan Harapan telah membuka peluang dan ruang untuk mana-mana parti yang mahu bersama dalam gabungan besar pembangkang bagi menghadapi BN, namun Pas bersikap angkuh dan sombong apabila enggan untuk bersama dalam satu pasukan sebaliknya parti itu telah menubuhkan blok ketiga iaitu Gagasan Sejahtera bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

Sikap "kluk klek" dan angkuh Pas ini tidak ada tempat di dalam gabungan pembangkang yang mengamalkan prinsip bekerjasama antara satu sama lain demi mencapai matlamat utama iaitu menjatuhkan kerajaan yang penuh kebobrokan ketika ini.

Bagi Pemuda AMANAH Nasional, pendirian rasmi Pakatan Harapan ini akan memudahkan lagi perancangan gerak kerja bersama di antara keempat-empat parti di semua peringkat sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat bawahan.



sama menggalas harapan ini!
Menggalas Harapan Perubahan
#PemudaBekerja

MOHD SANY HAMZAN
Ketua Pemuda AMANAH Nasional

Minda Pengarang

Bersedia hadapi pertandingan tiga penjuru

BELUM sampai setahun Pakatan Harapan ditubuhkan atas sebuah cita-cita luhur gabungan mega pembangkang, yang mempunyai pelbagai latar belakang sejarah, fahaman dan ideologi serta kaedah dan cara kerja tersendiri.

Tetapi kini semuanya bersatu dalam sebuah wadah bernama Pakatan Harapan. Ia disokong oleh rakyat prihatin yang mahu melihat kemelut yang dihadapi negara sekarang ini akan berakhir segera. PH disokong oleh rakyat prihatin, tetapi dibenci oleh musuh politiknya dengan pelbagai latar belakang, kekeliruan dan emosi.

Namun dalam keadaan disokong dan dibenci, ia terus hidup dan berkembang, malah semakin digeruni. Jelajah Pakatan Harapan seluruh negara yang akan berakhir di Petaling Jaya 14 September ini dihadiri oleh puluhan ribu rakyat, membuktikan kesungguhan Pakatan Harapan untuk menghuraikan masalah yang dihadapi negara.

Seperti yang disebut oleh Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad ketika pelancaran Pakatan Harapan negeri Kelantan di Machang minggu lalu, bahawa PH akan menempa kemenangan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 nanti kerana semua parti di dalamnya menunjukkan semangat untuk bersatu. "Kita akan menang kerana kita bersatu," katanya.

Memang Pakatan Harapan berjuang untuk seluruh rakyat dan bukannya hanya melakukan kerja untuk parti masing-masing. Ikrar yang paling penting disebut oleh Dr Mahathir ialah bahawa jika PH menang dan menubuhkan kerajaan, rakyat bebas bersuara seperti yang dikehendaki oleh lunas-lunas demokrasi.

Beliau juga menyampaikan amanat yang penting bahawa Pakatan Harapan mahu memastikan bahawa kemenangan boleh dicapai apabila semua parti melupakan sementara

kepentingan parti masing-masing dan memberi tumpuan kepada agenda besar bersama.

Memang tugas terpenting PH sekarang ialah mengalahkan parti lawan, iaitu Umno-BN. "Memanglah semuanya perlu bersatu untuk mengalahkan kerajaan kleptokrasi yang ada sekarang dalam PRU akan datang," katanya.

Rakyat sudah tidak tertahan lagi berdepan dengan krisis ekonomi yang parah ini, dengan harga barang yang terus meningkat, dengan cukai GST yang mencengkam, nilai ringgit yang rendah.

Diberitakan, 300,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura dan enggan pulang kerana tingginya dollar Singapura. Dalam masa yang sama ribuan graduan yang menganggur, siswaswi pula berdepan dengan masalah kewangan yang parah dan pelbagai lagi masalah.

Oleh itu, dalam keadaan apapun, Pakatan Harapan mesti diperkukuh untuk menang dalam PRU14 akan datang bagi mengakhiri kemelut ini. Di sinilah peranan penting semua komponen dalam Pakatan Harapan untuk sama-sama memperkukuhnya, bukan berfikir simpang siur, hingga ada yang terjebak beria-ia untuk berunding dengan musuh Pakatan Harapan itu sendiri. Ini memang sangat pelik dan tidak munasabah sama sekali.

Bagi Parti Amanah Negara, seperti yang sering ditegaskan oleh pimpinannya, terus berdiri teguh bersama dengan Pakatan Harapan dan mempertahankannya. Akhirnya, dalam situasi politik yang ada, tidak dapat dielakkan akan berlaku pertandingan tiga penjuru. Oleh itu Pakatan Harapan perlu bersedia berdepan dengan situasi yang begini. Rakyat akan memilih calon dan parti terbaik yang boleh membawa perubahan.

Iktibar ibadah korban

SAYA berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya bertaqwa kepada Allah, dengan taqwa yang tulus dan luhur. Itulah bekalan terbaik. Mudah-mudahan dengan taqwa sebegitu, Allah mengurniakan kita kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

Bersempena dengan hari besar dan mulia ini, marilah kita bersyukur kepada Allah dengan memperbanyakkan takbir dan tahmid untuk membuktikan ketundukan dan kepatuhan kita kepada-Nya, yang mengurniakan kita pelbagai nikmat yang tidak ternilai, yang tidak berupaya untuk dihitungkan. Kita hanya mampu bertakbir, bertahmid dan melahirkan kesyukuran kepada semua nikmat itu dengan meningkatkan ketaqwaan dan ketaatan kepada-Nya.

Hari ini adalah hari besar, mulia dan agung, anugerah Allah kepada umat Islam di segenap belahan bumi. Imam al-Bukhari meriwayatkan, al-Bara' bin Azib melaporkan, Rasulullah s.a.w bersabda. maksudnya: "Perkara pertama yang perlu kita lakukan pada hari ini ialah mendirikan solat. Kemudian kita kembali (ke tempat masing-masing) lalu kita menyembelih haiwan korban. Sesiapa yang melakukan begitu, dia menepati sunnahku."

Ibadah korban adalah sunnah Nabi Muhammad s.a.w. bahkan sunnah nabi-nabi sebelumnya sejak Nabi Adam a.s., bertujuan mendekatkan diri kepada Allah. Al-Quran merakamkan kewajipan pelaksanaan ibadah ini ke atas anak-anak Nabi Adam a.s. iaitu Habil dan Qabil sebagai ujian kepada mereka dalam merungkai pertikaian yang berlaku antara mereka berdua.

Natijahnya, Allah menerima amalan mendekatkan diri kepada-Nya hanya daripada orang yang bertaqwa antara mereka berdua. Allah berfirman dalam surah al-Maidah ayat 27. maksudnya: "Dan bacakan (wahai Rasul) kepada mereka perihal berita dua orang anak Nabi Adam a.s. (iaitu Habil dan Qabil), ketika mereka berdua mempersembahkan pengorbanan utk mendekatkan diri (kepada Allah), lalu diterima pengorbanan salah seorang daripada kedua-duanya, dan tidak diterima daripada seorang lagi."

Syariat ini seterusnya menjadi ujian besar pula ke atas Nabi Ibrahim a.s. apabila baginda diperintah menyembelih anaknya sendiri, Nabi Ismail a.s. Jika diteliti, ibadah korban yang dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail a.s., mempunyai pengajaran yang sangat banyak. Saya akan berkongsi tiga pengajaran utama dalam konteks hubungan kita dengan Allah daripada ibadah korban.

Pertama, ibadah korban adalah ibadah yang menyatukan hati semua orang untuk bertawajjuh kepada Allah. Apabila Nabi Ibrahim a.s. bermimpi Allah SWT memerintahnya supaya menyembelih anaknya sendiri Nabi Ismail a.s., baginda terlebih dahulu membentangkan perintah itu kepada ahli keluarganya, bukan untuk memohon persetujuan mereka, tetapi untuk menegaskan tentang perintah Allah SWT yang tidak mungkin diban-



tah oleh sesiapa pun. Saidatina Hajar merestunya sama seperti beliau merestui dirinya ditinggalkan bersama anaknya Ismail yang masih kecil di sebuah lembah gersang Makkah sebelum itu.

Perintah ini juga dikemukakan kepada anaknya Ismail AS. Allah merakamkan peristiwa ini melalui firman-Nya dalam surah as-Saaffaat, ayat 102, maksudnya:

"Maka ketika anak itu sampai usia sanggup untuk berusaha bersama-sama, (Ibrahim) berkata, wahai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi, sesungguhnya aku menyembelihimu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu. (Ismail) menjawab, wahai ayahku, laksanakanlah apa yang diperintahkan kepadamu itu, insya Allah kamu akan mendapati aku termasuk dalam kalangan orang yang bersabar."

Jawapan yang sangat menyenangkan hati dari seorang anak untuk ayahnya. Mereka bertiga bertawajjuh kepada Allah tanpa sebarang keluh-kesah, apatah lagi untuk mempersoalkan perintah itu.

Kedua, ibadah korban mendidik manusia, perintah Allah SWT mengatasi segala kepentingan lain. Nabi Ibrahim a.s. sebelum itu sentiasa berdoa kepada Allah SWT supaya dikurniakan zuriat. Baginda sangat bersabar berdoa sehingga akhirnya dikurniakan anak ketika baginda berusia lanjut.

Ada riwayat menyebutkan, Nabi Ibrahim a.s. beroleh puteranya Nabi Ismail a.s. ketika berusia 90 tahun. Allah berfirman dalam surah Ibrahim ayat 90, maksudnya: "Segala puji-pujian bagi Allah yang telah menganugerahkan kepadaku ketika usia tuaku Ismail dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanku benar-benar Maha Mendengar."

Namun begitu, apabila Nabi Ismail a.s. mencecah usia remaja, kasih sayang yang mendalam sudah tertanam dalam jiwa Ibrahim a.s., baginda diperintah pula untuk mengorbankan anaknya itu. Sebelumnya baginda diperintah oleh Allah SWT untuk meninggalkan anaknya itu bersama isterinya di bumi gersang Makkah, kini diperintah untuk menyembelih anaknya sendiri pula. Namun perintah Allah dijunjung dengan pasrah dan semua perasaan itu diketepikan.

Ketiga, ibadah korban mengajar kita, dalam usaha mentaati perintah Allah, kita bukan sahaja perlu bertarung dengan kepentingan sendiri bahkan berdepan dengan hasutan syaitan.

Dalam perjalanan untuk melaksanakan perintah korban, Nabi Ibrahim a.s. telah dihasut beberapa kali oleh Iblis agar menilai semula tindakannya. Setiap kali dihasut, Nabi Ibrahim a.s. melontar Iblis dengan batu. Sunnah Nabi Ibrahim a.s. ini telah diabadikan dalam ibadah haji melalui ibadah melontar jamrah.

Ini suatu peringatan, apabila ses-

eorang hendak berkorban atas jalan Allah, syaitan pasti akan menyelip masuk dan membisikkan kata-kata pujuk rayu agar dia membatalkan niatnya itu.

Justeru, kita diajar untuk mendepani hasutan syaitan dengan melempar jauh-jauh perasaan ragu-ragu yang hadir serta membulatkan hati dan tekad untuk melaksanakan perintah Allah.

Di sebalik perintah Allah pasti terkandung hikmah yang sangat besar yang membawa kebaikan abadi untuk kehidupan manusia. Ketika kedua-dua beranak itu sudah membulatkan tekad untuk menjunjung perintah Tuhan mereka, ketika pisau Nabi Ibrahim a.s. telah mencecah leher Nabi Ismail a.s., pada ketika itu Allah SWT memerintah Nabi Ibrahim supaya menggantikan tempat Nabi Ismail a.s. dengan seekor kibasy.

Selanjutnya Allah SWT memuji serta memberi khabar gembira kepada Nabi Ibrahim tentang kelahiran puteranya yang kedua, Nabi Ishak a.s. Allah berfirman dalam surah as-Saaffaat ayat 107-112, maksudnya: "Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar. Dan Kami abadikan untuk Ibrahim (pujian) dalam kalangan orang yang datang selepasnya. (Dengan ucapan) salam sejahtera untuk Ibrahim. Begitulah, Kami membalas orang yang melakukan ihsan. Sesungguhnya dia termasuk dalam kalangan hamba Kami yang beriman. Dan Kami beri dia khabar gembira dengan (kelahiran) Ishak, seorang Nabi yang termasuk dalam kalangan orang yang saleh."

Dalam konteks hubungan sesama manusia pula, ibadah korban tidak wajar terhenti sekadar upacara menyembelih binatang korban sahaja, tetapi ibadah yang menyuburkan dalam diri setiap individu muslim rasa tanggungjawab untuk membantu saudaranya yang tertindas untuk bebas daripada penindasan itu.

Sudah tentunya kini, rakyat tertindas kerana hidup di bawah penguasa zalim. Setiap hari, segenap lapisan rakyat mengeluh dengan kehidupan yang semakin terhimpit. Himpitan kos sara hidup yang semakin meningkat, pelbagai cukai yang membebankan, ditambah dengan iklim ekonomi yang lembap, mendedahkan rakyat kepada kehidupan yang semakin terdesak dari sehari ke sehari.

Benarlah kata seorang ulama, Syeikh Ali Tantawi, "Ketika kamu temui sebuah negara yang pahlawannya sudah disemadikan di perkuburan, para pejuangnya berada di dalam penjara, sementara pencurinya berada di dalam mahligai, maka ucapkanlah kepada negara itu selamat tinggal."

Maksudnya, negara itu sudah berada dalam keadaan yang parah yang memerlukan segenap warganya bangkit untuk menjadi pahlawan dan pejuang untuk menghalau pencuri yang menghuni mahligai-mahligai negara.

Tulisan ini merupakan teks khutbah Aidiladha 1438H



Harta paling bernilai

APAKAH yang membuatkan anda paling bangga sebagai seorang rakyat Malaysia?

"Saya boleh bertutur dalam pelbagai bahasa," jawab seorang gadis Cina, dalam satu wawancara di tepi jalan sempena Hari Kemerdekaan ke-60. Rata-rata komuniti Cina Malaysia yang berasal dari sistem pendidikan aliran bahasa Cina, menguasai kelebihan ini. Kami menguasai bahasa Cina, Melayu, Inggeris, selain dialek seperti Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew, Hainan dan sebagainya.

Kebolehan ini membolehkan kami untuk berkomunikasi dengan Cina dari Taiwan, Hong Kong dan China, sedangkan seseorang Cina dari Hong Kong tidak semestinya mampu berkomunikasi dengan seseorang Cina dari Taiwan lantaran perbezaan dialek. Malah seandainya seseorang Cina Malaysia melancong di Indonesia, dia mungkin memilih untuk bertutur dalam bahasa Melayu untuk menunjukkan kita serumpun Nusantara.

Kelebihan ini lahir lantaran kemajmukan masyarakat Malaysia, yang terdiri daripada berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama. Kepelbagaian ini menjadikan lidah orang Malaysia paling bertuah di dunia, dengan roti canai sebagai sarapan, nasi lemak untuk tengah hari dan hokkien mee di sebelah malamnya.

Sungguhpun demikian, di

sebaliknya keenakan makanan yang pelbagai, kita berdepan dengan masalah yang rumit lagi runcing. Dari segi makanannya, sentiasa ditimbulkan persoalan halal, dari troli hinggalah kek yang dibawa non-muslim ke MacDonald. Dari segi bahasanya, kita berdebat dalam isu bagaimana sumber diagihkan untuk aliran pendidikan pelbagai bahasa. Dari segi budayanya, kita berbeza pandangan dalam hal pakaian. Dari segi agamanya, hal sekecil parking kereta di depan masjid ketika solat Jumaat hinggalah pelaksanaan hukum syariah, boleh mencetuskan perselisihan, malah perbalahan di kalangan kita.

Bagaimanapun, kita mengharungi semuanya. Sedar atau tidak, keterangkuman atau inklusif telah menjadi aset paling bernilai di Malaysia. Sememangnya ia pahit pada peringkat permulaan. Kita berdebat dalam isu pembentukan identiti rakyat Tanah Malaya, atau Malaysia kemudiannya, dan antara kebimbangan yang timbul adalah kewujudan aliran pendidikan bahasa ibunda bakal menghalang perpaduan rakyat.

Namun selepas 60 tahun, kita menampilkan kompiang, gendang urumi, gendang Cina pualuan 24-musim untuk beraksi sepentas dalam upacara perasmian Sukan SEA 2017. Sama ada atlet yang berhempas-pulas dalam gelanggang, mahupun penyokong yang



Siang-Malam
Lim Hong Siang

bersorak hingga serak suaranya di tepi gelanggang, semuanya untuk Malaysia. Buktinya, bahasa tidak melunturkan semangat patriotik. Pendidikan bahasa ibunda bukan batu penghalang kepada perpaduan negara.

Satu forum bertemakan "Peranan Pendidikan Bahasa Ibunda Dalam Pembinaan Negara" telah dianjurkan di Madrasah Tarbiyah, seminggu sebelum sambutan Hari Kemerdekaan ke-60. Saya bersetuju dengan cikgu Ishak Surin, yang menekankan bahawa apa yang lebih penting untuk dibincangkan adalah soal "pembinaan negara".

Saya cuba menggambarkan betapa bertuahnya bumi Malaysia. Dari segi geografinya, bumi ini dirahmati dengan sumber semulajadi. Dari segi sejarahnya, bumi ini menjadi pusat yang memperkemukakan beberapa tamadun manusia, India, China dan Islam, dan kemudiannya kita mewarisi sistem demokrasi berparlimen daripada

penjajah British.

Seandainya kita membincangkan pembinaan negara dalam konteks politik, sudah tentu Malaysia memiliki kelebihan yang tersendiri lantaran kemajmukan masyarakatnya. Untuk tempoh se-dekad kebelakangan, dunia Islam mengalami Arab Spring, lantaran jurang kaya-miskin yang terlalu lebar dalam masyarakat. Rantau Taiwan-Hong Kong-China pula menyaksikan pergolakan politik yang sengit. Proses demokrasi menemui kebuntuan. Semua pihak perlu memikirkan formula penyelesaian mengikut konteks masyarakat masing-masing.

Taiwan, rantau yang mengamalkan pilihan raya, malah pertukaran parti pemerintah telah berlaku, tetapi masyarakat dikecewakan apabila mendapati politikus semuanya berpotensi untuk menjadi korup. Maka bangkitlah masyarakat siviknya melalui gerakan sosial yang memperjuangkan pelbagai isu. Dunia Timur Tengah juga terbantut proses demokrasi selepas revolusi yang menggulingkan diktator. Semangat anak muda yang turun ke jalan raya untuk menuntut semula hak mereka dari pihak tentera, amat terharu buat semua.

Mustahil kita memahami denyutan nadi politik dunia dengan lebih baik tanpa penguasaan bahasa yang pelbagai. Di sini wacana dan

pengalaman negara asing harus dipinjam, bukan divedok sebulat-bulatnya, tetapi diterapkan intipatinya, untuk diadunkan mengikut acuan negara kita yang tersendiri. Dengan kata lain, penguasaan bahasa yang pelbagai pada hakikatnya telah memperkayakan wacana kita sepanjang proses perjuangan pendemokrasian tanah air.

Bahasa ibunda adalah hak asasi manusia. Bahasa bukan saham, yang mana nilainya ditentukan jatuh naik pasaran. Bahasa adalah harta pusaka yang tidak ternilai, diwarisi dari zaman ke zaman dalam tamadun manusia. Bahasa adalah pokok, dan bukannya kayu. Maka bahasa memiliki akar, batang, dahan, ranting dan daun. Ia bercambah, berkembang, berbunga dan berbuah. Namun ia berakar di bumi yang bernama Malaysia. Seseorang Cina Malaysia tidak akan luntur ke-Malaysia-an jikalau menguasai bahasa Cina. Ini kerana di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Tempoh 60 tahun sepatutnya memadai untuk menyedarkan kita, bahawa bahasa bukan penghalang perpaduan, tetapi prejudis yang memecah-belahkan kita. Apa maknanya kita duduk sebumbung di bawah sekolah satu aliran, tetapi gelasny diasing-asingkan mengikut muslim dan bukan muslim?

Sistem nilai baru masyarakat kita menggerunkan

KETIKA rakyat Malaysia menyambut Ulangtahun ke-60 kemerdekaan tanahair, ada kebimbangan rakyat prihatin negara ini mengenai munculnya norma baru atau sistem nilai baru yang menakutkan.

Norma baru yang menerpa kehidupan rakyat ini meleburkan norma lama atau sistem nilai lama rakyat Malaysia.

Norma lama menghargai kasih sayang, toleransi antara kaum dan parti politik, menjunjung tinggi perintah agama di mana akhlak diamalkan dengan baik, persetujuan politik terhad kepada kempen menjelang pilihan raya saja, kebendaan tidak menjadi buruan utama dan pelbagai lagi.

Tetapi kini dengan norma baru ini, ia digantikan dengan sistem nilai yang sangat menakutkan dan dikhuatiri akan memusnahkan segalanya. Norma baru atau

sistem nilai baru yang berlegar dalam kehidupan rakyat sekarang -- yang sangat dibimbangi oleh rakyat prihatin -- antara lain ialah:


- Perseteruan politik yang sangat panas dan tajam di antara kelompok tertentu, hinggalah "tiada maaf bagimu".

- Sama ada kamu menyebelahi kumpulanku ataupun memusuhi aku. Jika engkau menyebelahi aku dan kumpulanku, maka kami akan bantu dan mendapat segala peluang dan habuan.

- Jika kamu memusuhi aku dan kumpuanku, maka kamu akan menjadi musuh kami.

Norma baru yang lain ialah:

- Rasuah, penyelewengan, tipu daya, pembaziran dan segalanya dianggap biasa atau



itulah ciri-ciri kehidupan dunia moden.

- Sesetengah agamawan tidak mengengahkan isu ini untuk

dihalang. Maka benalah kata-kata Napoleon Bonapart bahawa "The world suffer a lot. Not because tyrani of bad people, but because the silance of good people."

- Jarang orang hendak bercakap mengenai kemungkaran ini, kerana konon 'hendak menjadi orang baik' dan tidak mahu menghadapi pelbagai risiko.

- Golongan elit yang hidup bermewah-mewah dianggap sebagai mereka yang berjaya dan perlu diteladani, tanpa menyoal dari mana mereka mendapat kekaayaan itu.

- Para pemimpin yang tidak menjalankan amanah, tidak

berintegriti tidak menjadi ukuran, asalkan mereka bersedia menaburkan pelbagai habuan kepada rakyat.

- Perkauman dibiarkan berkembang subur, kerana itu menguntungkan golongan politik yang berasaskan perkauman.

- Dunia ilmu dan intelektual dibiarkan tidak berkembang atau terus lesu, justeru masyarakat tidak memerlukan mereka yang berfikir. Pemberhentian begitu ramai profesor dan tenaga intelek yang lain di universiti tidak dirasakan suatu kerugian, bahkan normal.

- Kekecohan yang berlaku dalam majlis 'Debat *Nothing To Hide*' baru-baru ini tidak dilihat bagaimana mundurnya sifat keterbukaan, rendahnya daya intelek walaupun memalukan.

- Norma baru menggambarkan bahawa keutamaan hidup ini

ialah 'sandang pangan' (makan pakai dalam bahasa Indonesia). Bukan keperluan yang lain. Ini mengingatkan kita kepada kata-kata Saidina Ali k.r.w. bahawa "mereka yang hanya memikirkan sekitar mulut dan perutnya (habuan perutnya saja), maka nilai orang itu sama dengan apa keluar dari perutnya saja."

Inilah sebahagian dari fenomena norma atau sistem nilai dunia baru yang menyerup masyarakat Malaysia sekarang, sama ada disadari atau tidak. Ia diakibatkan oleh merosotnya tahap daya berfikir sesetengah rakyat Malaysia yang tidak prihatin.

Dapatkah norma atau sistem nilai yang buruk ini berubah? Jawapannya kita saksikan selanjutnya, terutama dalam PRU14 akan datang. Namun setiap rakyat prihatin berkewajipan merubahnya.

Pakatan Keadilan-Pas akan kecewakan pengundi

KUALA LUMPUR: Pemimpin Keadilan mesti mengambil iktibar daripada pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada 2016 berikutan beberapa pemimpin parti itu meneruskan usaha untuk memujuk Pas, kata bekas anggota biro politik parti itu, William Leong.

Dalam temubual dengan Malaysiakini, Leong berkata ramai penyokong Demokrat tidak keluar mengundi calon parti mereka Hillary Clinton, yang membawa kepada kemenangan mengejut Donald Trump.

Dalam konteks Malaysia, tinjauan menunjukkan bukan Islam di negara ini tidak menyokong BN, tetapi ia tidak bermakna mereka akan mengundi Keadilan dalam pilihan

raya nanti.

"Ini sama seperti Clinton. Mereka yang menyokong Demokrat tidak mengundi Trump, tetapi mereka tidak keluar mengundi (langsung). Trump masih akan menang.

"Saya rasa ada bahayanya jika kita terus mengecewakan rakyat sehingga membuat mereka berfikir tiada bezanya sama ada mereka mengundi atau tidak," katanya.

Sekiranya ini berlaku, maka tidak ada harapan untuk Pakatan Harapan (PH) memenangi pilihan raya umum akan datang.

Leong yang juga Ahli Parlimen Selayang dan bekas bendahari parti itu, berkata Pas kini sedang bersiap sedia untuk pertandingan pelbagai



William Leong

penjuru manakala Keadilan tidak berbuat demikian dan masih cuba berbincang dengan bekas sekutunya itu.

Sebagai sebuah parti politik, katanya Pas sedang melakukan apa yang sepatutnya dilakukan, tetapi Keadilan tidak berbuat demikian kerana mahu terus memujuk Pas.

"Bayangkan anda mempunyai teman wanita yang mengatakan tidak. Berapa kali anda mahu teman wanita anda mengatakan tidak?" tanya Leong.

Bagi Selangor, satu-satunya negeri yang dikuasai Keadilan, Pas dilihat menjadi ancaman kepada PH kerana ahli-ahli parti itu bukan sahaja menjadi sebahagian daripada pentadbiran negeri, tetapi juga di peringkat akar umbi.

"Pas bukan sahaja memegang tiga jawatan exco, mereka mempunyai jawatan dalam majlis tempatan dan jawatankuasa kampung," tegas Leong.

Dengan ini, tambahnya, Pas mempunyai kuasa, dana dan sumber yang ia gunakan untuk

memperkuat diri mereka.

Sebagai contoh, Leong menyebutkan bagaimana Pas menguasai sebahagian besar masjid dan surau di negeri itu.

"Kita ada ustaz kita, tetapi mereka tidak boleh masuk (ke masjid-masjid berkenaan), alasannya mereka bercakap mengenai politik, tetapi apa yang anda rasa yang dicakapkan oleh ustaz Pas?" soalnya.

Leong berkata tinjauan menunjukkan Pas mempunyai sokongan sekitar 20 hingga 30 peratus daripada pengundi, tetapi ini tidak seharusnya menjadi asas untuk kerjasama Keadilan-Pas kerana parti itu adalah halangan terhadap perubahan sebenar yang diperlukan oleh negara.

"Kita mesti bertanggung-

jawab terhadap masa depan kita. Jadi ramai rakyat kita turun ke jalanan untuk protes, berdepan dengan tangkapan, penjara dan ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960). Mereka ini telah menunjukkan keberanian untuk mencari perubahan.

"Sekiranya kita tiba-tiba menjadi pragmatik dan mengikuti arus perdana, kita sebenarnya mengorbankan usaha semua orang-orang ini sejak tempoh 20 tahun yang lalu," katanya.

Mengenai sama ada dengan mengetepikan terus Pas akan memberi kesan kepada peluang PH untuk menang, Leong berkata ia tidak pasti dan jika pun ia berlaku, maka prinsip Keadilan masih utuh.

PH akan kaji 2 projek landasan kereta api

KUALA LUMPUR: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan PH akan mengkaji semula beberapa projek mega termasuk 2 projek landasan kereta api yang memakan belanja keseluruhan RM115 bilion, sekiranya menang pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Dua projek itu ialah Laluan Kereta Api Pantai Timur (RM55 bilion) dan Kereta Api Berkelajuan Tinggi KL-Singapura (RM60 bilion).

Bercakap di forum tentang pelaburan China di ibu negara 24 Ogos lalu, pengerusi PH berkata banyak projek China di negara ini 'membazir'.

"Kita mungkin perlu batalkan be-

berapa projek. Kita mungkin terpaksa bayar sejumlah pampasan, tetapi itu lebih baik daripada menanggung hutang berterusan," katanya seraya menambah kereta api laju "tidak diperlukan".

Dr Mahathir berkata negara terpaksa "mengikat perut" untuk membayar hutang yang ditanggung.

ECRL akan mewujudkan laluan sepanjang 250km yang akan memendekkan laluan perdagangan Selat Melaka di samping memintas Singapura, sementara laluan HSR sepanjang 350km akan memendekkan waktu perjalanan antara KL dan Singapura kepada hanya 90 minit.

Dr Mahathir mengulangi kebim-

bingan mengenai milikan tanah oleh pihak asing di Malaysia, dan berkata pelaburan langsung asing (FDI) dialu-alukan, tetapi penjualan tanah kepada pihak asing bukanlah FDI.

Beliau sekali lagi menyasarkan kritikan terhadap projek Forest City dengan kos AS\$100 bilion di Iskandar, Johor.

Menurutnya, orang tempatan tidak mampu membeli rumah di situ, dan ia bermakna orang asing akan dibawa untuk membeli hartanah tersebut.

"Bererti kita mempunyai dasar imigrasi yang longgar. Sebelum ini tidak ada, tetapi sekarang disebabkan keadaan tertentu, kita mengalu-alukan pemilikan tanah berharga oleh

pihak asing."

Dr Mahathir berkata pembangunan yang sedang berjalan di Melaka dan Langkawi, Kedah sahaja boleh memuatkan sekitar 3 juta orang asing.

"Ini boleh mewujudkan perkelahian, seperti apabila bendera Indonesia diterbalikkan," katanya dalam nada gurauan.

"Kalau kita menyebabkan China marah, walaupun kita semua sertai angkatan tentera, kita tidak mampu menandingi China."

Dr Mahathir berkata tidak salah bersahabat dengan China, tetapi itu bukan bererti Malaysia harus dijual kepada pihak asing.

"Bukan kerana mereka berbangsa Cina, tetapi kalau kita bawa masuk 3

juta warga Bangladesh ke negara ini, saya fikir mereka akan membuang undi pada pilihan raya akan datang.

"Saya juga tidak selesa walaupun orang Arab yang memberikan kita sumbangan."

Dr Mahathir berkata beliau tiada masalah dengan pelaburan China, tetapi jika pelaburan mereka terlalu besar, China mungkin merasakan keinginan untuk melindungi pelaburan itu.

"Kita tidak mahu dalam proses mana-mana negara mempertahankan pelaburan di negara ini, kita hilang kawalan di negara sendiri.

"Pelaburan kita harus diimbangi dengan pelaburan dari negara lain," katanya.

ECRL hanya untuk bawa kargo dan penumpang

KUALA LUMPUR: Bekas Penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) Prof Jomo Kwame Sundaram berkata, ECRL hanya akan menambah hutang negara dengan cepat, sementara bebannya ditanggung oleh generasi akan datang.

"ECRL dijangka akan bawa kargo dalam tempoh 8 tahun. Adakah dapat diterima akal?

Mengapa sistem rel semasa tidak boleh diguna?" soalnya.

Jomo yang kini berkhidmat di Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) berkata, muatan kargo tidak perlu diangkut menggunakan

kereta api kelajuan tinggi, sambil mempersoalkan sama ada ia dapat menarik penumpang setiap hari.

"Jadi ia untuk siapa? Adakah orang akan datang kerja dari Kuantan dan Kelantan ke Kuala Lumpur setiap hari? Tidak masuk akal," katanya pada forum 'Pelaburan negara China: Adakah ia keterlaluan' di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur-Selangor, dekat sini, 24 Ogos lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak merupakan antara penyokong kuat projek sepanjang 690km itu yang merupakan salah satu daripada memorandum persefaha-

man (MoU) ditandatangani Malaysia dengan China.

Ia diumumkan Najib pada Bajet 2017 yang dibentangkan tahun lalu, melibatkan syarikat gergasi China, China Communications Construction Co (CCCC) dengan pinjaman dibiayai Export-Import Bank of China (Exim).

Awal bulan ini, ketika merasmikan projek tersebut, Najib berkata ECRL akan menjadi 'game changer' kepada Pahang, Terengganu dan Kelantan, dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi tambahan 1% hingga 1.5% setiap tahun.

Jomo mengakui sementara ada

pelaburan asing yang membawa kepada keuntungan, ada juga yang akan menyebabkan kerajaan menanggung beban hutang yang banyak.

"Ini ditanggung generasi akan datang dan ini bahaya besar sebab akhirnya beban hutang itu akan ditanggung oleh kita," katanya.

"Sikap yang ada sekarang membolehkan pelabur asing makin menguasai negara kita. Saham di Malaysia, Cina dan Melayu berlawan siapa yang lebih memiliki, tetapi sebenarnya saham pemilik asing yang mempunyai lebih.

"Jangan kita jadi boneka kuasa-

kuasa luar," katanya.

Prof Jomo Kwame Sundaram



Sokong PAS sekarang umpama restui jenayah 1MDB

MENYOKONG PAS dalam pilihan raya umum akan datang umpama merestui jenayah yang dilakukan oleh parti pemerintah sekarang khususnya skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kata pemimpin Pakatan Harapan (PH).

Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa ketika berceramah di Kuala Terengganu baru-baru ini berkata, apabila PAS menyebelahi Umno, ia seolah-olah merestui salah laku jenayah yang dilakukan parti pemerintah.

Misalnya, kata beliau, pemimpin PAS tidak mengecam temasya mewah yang dianjurkan ahli perniagaan Low Teck Jho yang didakwa menggunakan wang hasil rompakan 1MDB, kata Husam dalam ceramahnya di Chabang Tiga, Kuala Terengganu 26 Ogos lalu.

Sehingga kini, katanya, pemimpin PAS Terengganu termasuklah Presiden Abdul Hadi Awang turut gagal menentang isu 1MDB ketika ia mula berlaku sedangkan ia berasal di negeri itu daripada agensi yang dikenali sebagai Terengganu Investment Authority (TIA).

"Apa yang ustaz PAS cakap tentang semua arak yang dibeli guna duit 1MDB?" soal Husam kepada hadirin di ceramah "Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi".

Husam merujuk kepada dakwaan pihak berkuasa Amerika Syarikat yang dianggarkan AS\$4.5 bilion yang dirompak daripada 1MDB digunakan untuk mengadakan majlis keraian mewah, membeli arak mahal dan dihabiskan



Orang ramai mendengar ceramah Tun Dr Mahathir di Kuala Terengganu 26 Ogos lepas.

kepada model terkenal.

"Apa yang mereka kata tentang semua parti arak yang mereka buat? Semua model bogel mereka upah untuk parti dalam bot? Saya tak faham bagaimana ustaz ini boleh puas hati dengan penjelasan 1MDB," katanya.

Pemimpin PAS sebelum ini dilaporkan berkata yang mereka berpuas hati dengan pelan rasionalisasi 1MDB selepas pertemuan dengan presiden syarikat sarat hutang itu, Arul Kanda Kandasamy.

Tetapi pada masa yang sama, mereka juga mahukan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja

(RCI) untuk menyiasat skandal itu.

Husam juga mengkritik Hadi kerana mendakwa perlu adanya empat orang saksi bagi membuktikan pertuduhan ke atas 1MDB.

"Seperti Hadi nak lindungi Najib. Jadi dalam pilihan raya nanti, pilihan adalah antara Umno yang dibantu PAS lawan Pakatan Harapan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, rakyat Terengganu perlu menghapuskan idea mereka yang hanya ada dua pilihan undi, sama ada untuk BN atau PAS, katanya lagi.

"Sekarang dacing (BN) dah tak seimbang, bulan (PAS) pun dah gerhana, Jadi tolong fikir tentang ini," katanya lagi.

Selain Husam, turut berceramah pada malam itu adalah Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir, Presiden AMANAH, Mohamad Sabu dan lain-lain.

Adun PAS Batu Burok, Dr Syed Azman Ahmad Nawawi turut menyokong bahawa satu-satunya pilihan yang perlu pada pilihan raya akan datang adalah antara PH atau Barisan Nasional bukan lagi PAS.

"Undi kepada pembangkang ketiga seperti PAS adalah undi kepada BN," kata Syed Azman.

Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad turut mengecam PAS, mengatakan yang parti itu menggunakan agama untuk meraih sokongan politik dan ini menyebabkan wujud percanggahan sesama mereka dan mengelirukan ramai orang Islam.

"Pada 1980-an, PAS mengkafirkan ahli Umno dan kalau mati sebab lawan Umno maknanya mati syahid," kata Dr Mahathir yang merupakan bekas perdana menteri Umno-BN sejak 1981 hingga 2003 tetapi kini menerajui pembangkang.

"Tetapi sekarang Umno dah tak haram nak kerjasama. Sebabnya PAS hanya gunakan Islam untuk membezakan diri mereka daripada Umno sebab nak dapat undi," katanya.

Amanat Hadi antara punca tragedi Memali, dakwa Tun M



Tun Dr Mahathir bersama Syed Azman dan Raja Bahrin ketika berdialog dengan pemimpin tempatan di Kuala Terengganu.

BEKAS perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa, peristiwa Memali berlaku akibat dari pengaruh yang disebarkan oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Ketika berdialog dengan sekumpulan pemimpin dan penyokong PH di Kuala Terengganu 26 Ogos lalu, beliau mendakwa pemimpin Pas itulah yang menghasut penduduk Memali.

"Ini sebenarnya dosa besar Haji Hadi kerana dia yang menghasut sehingga berlakunya peristiwa Memali.

"Ibrahim Libya ini begitu taksutkan ajaran Hadi ini sehingga sanggup nak dirikan satu tentera di semua negeri-negeri di semenanjung ini lawan polis untuk ambil alih kerajaan. Bukan secara demokrasi," kata Mahathir.

Menurut Mahathir, dalam peristiwa ini, Ibrahim Libya sedang cuba mendirikan kerajaan bebas Islam di Memali ketika itu.

"Macam IS jugalah. Itu tujuan Ibrahim. Mereka sanggup bunuh orang Islam lain," katanya.

"Peristiwa ini disebabkan oleh ajaran Abdul Hadi. Dia anggap dirinya maksiat dan boleh buat apa saja kerana selain pengikut partinya, semuanya bukan Islam," katanya.

Mahathir berkata, pihak polis yang diserang terlebih dahulu

dalam peristiwa ini.

"Bila polis sampai ke situ, mereka tidak sangka mereka diserang. Empat polis diserang, tiga dari mereka mati. Seorang polis inspektor, seorang sarjan dan seorang konstabel mati dan yang ke empat cedera.

"Matinya orang ini menyebabkan polis ambil tindakan. Kalau kita serang polis, apa jadi. Tentulah mereka serang kita balik. Itulah yang berlaku. Dengan itulah berlakunya peristiwa Memali," katanya.

Bagi Mahathir, mereka tidak sepatutnya bertindak sedemikian itu kerana mereka tidak akan berjaya melawan polis.

"Ukur baju dibadan sendirilah. Dengan parang, buluh runcing, senapang patah nak lawan polis kononnya nak dirikan negara Islam," katanya.

Dalam dialog itu juga, Mahathir berkata, Abdul Hadi sepatutnya telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Namun kerana bimbang huru hara akan berlaku kerana ramainya pengikut Hadi yang taksut, ia tidak dilakukan.

PH yakin masalah nelayan dapat diselesaikan

PAKATAN Harapan (PH) yakin masalah pencerobohan nelayan asing sehingga menyukarkan kehidupan nelayan khususnya di Terengganu akan dapat diselesaikan.

Keyakinan itu diberikan oleh bekas perdana menteri yang juga Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad ketika berdialog dengan nelayan di Kuala Terengganu baru-baru ini.

Apa yang berlaku sekarang, kata Tun Mahathir, apabila ada masalah pencerobohan dan hasil tangkapan kurang, kerajaan memberi duit kepada nelayan.

"Duit bukan boleh menyelesaikan semua masalah," kata Tun Mahathir.

"Masalahnya adalah pencerobohan. Kalau kita tidak menjalankan tugas mengawal perairan kita, sudah tentu nelayan kita tidak dapat bersaing melawan nelayan asing yang datang dengan bot besar, yang datang dari Thailand, Vietnam.

"Sudah tentu mereka yang dapat hasil apabila kita bina tukun untuk menambah ikan. Kita bekerja bina tukun, hasil dapat kepada mereka," katanya.

Sebab itu, katanya, kecekapan pentadbiran amat penting untuk menyelamatkan negara.

"Isunya pencerobohan, jadi kena selesaikan. Tetapi apabila patrol bot kita pun tidak ada minyak untuk diisi macamana mereka nak kawal," kata Tun Mahathir ketika menjawab rungutan nelayan di majlis itu.

Kedatangan bekas Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad ke Terengganu telah dijadikan peluang oleh nelayan di Terengganu

untuk meluahkan nasib mereka.

Mereka berharap, Pakatan Harapan dapat memperjuangkan nasib mereka selepas menang dalam pilihan raya umum nanti.

Masalah besar mereka adalah pencerobohan dari nelayan asing yang menangkap ikan dengan menggunakan pukat dan peralatan yang tidak dibenarkan oleh kerajaan Malaysia.

"Saya sudah buat macam-macam dengan bantuan ahli parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Bahrin.

"Mula-mula saya jumpa Ismail Sabri kemudian Shabery Cheek menteri berkaitan bagi menyelesaikan masalah kami.

"Namun janji tinggal janji, masalah kami tidak diselesaikan," kata wakil persatuan nelayan dalam dialog dengan Mahathir di sebuah hotel petang Sabtu 26 Ogos.

Mahathir menjawab masalah ini dengan berkata, apa yang dibuat kerajaan dengan memberikan bantuan kewangan RM300 sebulan kepada nelayan tidak akan menyelesaikan masalah.

"Apa yang perlu dibuat adalah dengan menghalang kemasukan nelayan asing dengan mengawal perairan kita.

"Apa yang dibuat Najib dengan bekerjasama dengan China mengawal perairan negara. China mana nak jaga nelayan kita.

"Masalahnya kita ada banyak petrol bot yang sepatutnya mengawal perairan kita tetapi ia tidak digunakan dengan alasan tidak cukup duit untuk beroperasi kerana bajet kurang," kata Mahathir.

KTM komuter lewat aniaya rakyat

WALAUPUN Pengerusi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Datuk Ir. Nawawi Ahmad dua tahun lalu mendakwa ketepatan masa operasi komuter telah mencapai 98 peratus tetapi gangguan tren selama seminggu mulai 21 Ogos lalu bagai mengundang trauma kepada pengguna.

KTMB dilihat mengambil tempoh begitu lama memulihkan tren kargonya yang tergelincir di KM386.900 antara stesen Kuala Lumpur dan Kepong sekali gus menjejaskan ribuan pengguna di Lembah Klang yang bergantung pada perkhidmatan itu.

Salah seorang pengguna setia komuter, Azuan Abd Rahman dari Rawang sudah masak benar dengan tahap servis rel tersebut walaupun Perdana Menteri baru-baru ini mendakwa pengangkutan awam di Malaysia antara terbaik di dunia.

Berulang-alik setiap hari ke pejabatnya yang terletak di Jalan Chan Sow Lin, kerap kali beliau merasakan bukan sahaja dirinya bahkan ribuan pengguna lain yang tinggal di utara Kuala Lumpur menempuh perjalanan yang meletihkan.

Menurutnya, tanpa insiden tergelincir itu pun tren komuter selalu lewat tiba jauh sekali menepati janji yang kononnya muncul setiap 30 minit sehingga sejam sekali seperti terpapar pada jadual perjalanan di platform.

Akibatnya, waktu puncak pagi dan petang dengan pengguna terpaksa bersesak sebaik tren yang lama dinanti tiba mengundang amarah yang kemudiannya melimpah pada deretan komentar di Facebook rasmi KTM Berhad.

"Suasana hiruk-pikuk macam baru keluar stadium tengok Sukan SEA. Ada yang mahu naik ETS balik ke Ipoh kata tunggu lebih tiga jam tren tidak sampai-sampai," kata Azuan menggambarkan suasana di stesen KTM Sungai Buloh pada petang 23 Ogos lalu.



Pengguna komuter di stesen Sungai Buloh baru-baru ini terkandas lebih empat jam. Foto Spark Nauza

Beliau berkata, pengguna komuter menjelang sambutan Hari Kemerdekaan itu terpaksa mengejar MRT sehingga ke Sungai Buloh sebelum meyambung perjalanan menggunakan komuter.

"Sampai di Sungai Buloh, kami terpaksa pula berlari lagi sebab nak kejar tren. Ada ramai orang di platform tapi mereka di situ beritahu tren tiada, kena naik bas," ujarnya.

Menurut Azuan, masalah kelewatan tren berjam-jam lamanya turut berulang pada keesokan harinya sekali gus memperlihatkan pihak KTMB tiada langkah meminimumkan kesan gelinciran tren kargonya terhadap pengguna walaupun insiden itu sudah tiga hari berlalu.

"Tiada staf ditugaskan bantu pelanggan. Pelanggan disuruh tunggu macam orang bodoh. Paparan perjalanan dipadamkan.

"Mana Pengerusi KTMB merangkap Ahli Parlimen Umno? Bukankah Najib (Razak) kata sistem pengangkutan Malaysia ni maju sangat?" bidasnya lagi.

Lebih garang apabila ada pengguna

komuter menghasilkan rakaman video merakamkan detik-detik seksanya penantian kira-kira empat jam pada petang 23 Ogos lalu menunggu tren di stesen komuter Sungai Buloh.

Ezrin Nazan dalam perjalanan menuju ke Rawang ketika itu mewakili ribuan penumpang komuter yang berasa teraniaya apabila wang yang dikeluarkan untuk menggunakan perkhidmatan rel itu jauh daripada memuaskan hati.

Berdurasi tiga minit, beliau memberitahu terdapat juga pengguna komuter menunggu tren sejak tengah hari dengan rasa sakit hati dipermainkan apabila paparan masa dari semasa ke semasa memaklumkan tren akan tiba dalam tempoh 30 minit sehingga sejam.

"Tren janji akan muncul setiap 30 minit hingga satu jam. Apa masalah KTM sebenarnya? Empat jam tunggu Komuter jadi orang bodoh," soalnya lagi sambil menunjukkan slip tiket lengkap dengan masa dan tambang sebanyak RM2.70.

ANTARA ISU KOMUTER

22 OGOS 2011 - Pengguna komuter mengeluh parkir di stesen Bangi yang sebelum ini percuma dikenakan bayaran RM3 untuk kereta dan RM1 bagi motosikal sekaligus menjadi bebanan baru kepada penumpang.

2 DISEMBER 2015 - Tambang komuter naik sehingga maksimum RM7.10 tetapi mutu servis masih di tahap tidak memuaskan dengan paling ketara tren tiba lewat tidak mengikut jadual perjalanan seperti paparan di platform.

18 APRIL 2016 - Pengguna komuter mengamuk di media sosial apabila perjalanan ke destinasi masing-masing pada pagi hari bekerja tergendala lebih dua jam.

2 JUN 2016 - Lebih 40 minit terseksa menunggu tren dari stesen Angkasapuri ke stesen KL Sentral dan tempoh sama dari KL Sentral ke stesen Salak Selatan dengan kemudahan bangku yang amat terhad.

20 OKTOBER 2016 - Pengguna terpaksa beratur panjang untuk membeli tiket selepas sehari pelaksanaan sistem tiket baharu dikuatkuasakan. Mesin jual token di Rawang tidak berfungsi dengan urusan membeli tiket hanya di kaunter.

21 OGOS 2017 - Tren kargo KTMB tergelincir di KM386.900 antara stesen Kuala Lumpur dan stesen Kepong pada jam 1.32 pagi mengakibatkan gangguan paling teruk dialami pengguna komuter sehingga 27 Ogos lalu.

23 OGOS 2017 - Suasana stesen KTM Sungai Buloh hiruk-pikuk ketika waktu puncak ribuan warga Lembah Klang pulang bekerja apabila tren menghala ke Rawang tiada sehingga melebihi empat jam.

25 OGOS 2017 - KTMB melalui laman webnya selamba memaparkan aturan pergerakan dan kekerapan komuter bagi 26 dan 27 Ogos dengan menjanjikan tempoh antara 30 sehingga 60 minit ketika penumpang berangkat berjam-jam menanti tren.

26 Ogos 2017 - Pelanggan di KL Sentral merungut jadual status pergerakan tren pada paparan skrin tidak dikemaskini menyebabkan banyak masa terbuang dan sukar merancang perjalanan.

'Pergi marah Menteri Pengangkutan'

IDEA Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai untuk memeterai Perjanjian Akses Rangkaian Kereta Api (RNAA) melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dibimbangi akan menyebabkan ramai pekerja KTMB diberhentikan.

Menurut Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB (RUM), Subramaniam a/l M Ramakrishnan, perjanjian itu hanya mengecilkan skop perniagaan di syarikat KTMB dengan pengurangan kakitangan daripada 5,000 orang sehingga hanya sekitar 1,000 bahkan mungkin 500 pekerja sahaja.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Pekerja-pekerja KTMB (RUM), Abdul Razak Md Hassan berkata, sudah banyak bantahan dan desakan disuarakan sejak tahun lalu termasuk beberapa pucuk surat kepada Tiong Lai yang juga Presiden MCA itu namun masih tidak mendapat maklum balas sewajarnya.

"Menteri Pengangkutan sewenang-wenangnya menolak kepakaran pekerja tempatan yang dilaksanakan oleh KTMB sejak 130 tahun dahulu dengan keinginan melaksanakan RNAA.

"Menteri Pengangkutan dan Timbalannya ini telah mewujudkan idea (RNAA) yang kononnya baik tapi memberi implikasi besar kepada pekerja, KTMB, rakyat dan negara.

"Mereka sendiri memperlekehkan usaha-usaha dan kepakaran pekerja tempatan khususnya KTMB," dipetik daripada kenyataan rasmi RUM pada 23 Ogos lalu.

Razak juga menegaskan pihaknya bila-bila masa sahaja bersedia

untuk berdebat dengan Tiong Lai kerana mempunyai segala bukti dokumen dan fakta berkaitan kesan buruk RNAA.

"Bukan bercakap kosong. Implikasi RNAA cukup besar dalam melenyapkan KTMB, menghapuskan periuk nasi pekerja dan menghapuskan khazanah kerajaan bernilai lebih 130 tahun. Kami bukan mahu menyerang semborono.

"Ini pengangkutan rakyat dan kami tetap teguh dalam mempertahankan 'perkhidmatan sosial' ini agar terus kekal daripada lenyap dek kerakusan atas kepentingan individu," tegasnya lagi.

Mengulas insiden ribuan penumpang komuter berjam-jam terkandas baru-baru ini, RUM mengakui pihaknya tersepit akibat kelembapan Kementerian Pengangkutan sehingga KTMB dan warga kerjanya menjadi mangsa tohmahan pengguna.

"RUM tetap berpendirian segala masalah yang berlaku adalah 'berpunca' dari Kementerian Pengangkutan seperti mana kenyataan-kenyataan yang pernah RUM keluarkan.

"Kalau pihak Kementerian Pengangkutan tidak berpuas hati dengan kenyataan ini, RUM sedia berdebat, jangan fikirkan RUM ini tidak tahu apa-apa.

"Kepada pengguna tiada perkataan lain yang sesuai selain dari memohon maaf. Jangan marah kami. Pergi marah Menteri Pengangkutan dan Timbalan Menteri Pengangkutan, mereka perlu bertanggungjawab," tegasnya lagi pada 24 Ogos lalu.

Bertanding 42 kerusi Dun Selangor

Pas 'pengebom bunuh diri'

KUALA LUMPUR: Kenyataan Pesuruhjaya Pas Selangor Sallehen Mukhyi bahawa Pas akan bertanding di 42 kerusi Dun Selangor mengesahkan parti itu sebagai 'suicide bomber' (pengebom bunuh diri) dan bukannya 'king maker' dalam politik tanah air.

Keputusan itu juga menunjukkan bahawa Pas tidak lagi bersama pembangkang malahan menjadi pengganggu (spoiler) dalam perjuangan rakyat menjatuhkan rejim Umno-BN pimpinan kleptokrat Datuk

Seri Najib Razak. Timbalan ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil bagaimanapun yakin rakyat akan memilih blok yang benar-benar kuat bagi menjatuhkan Umno-BN iaitu Pakatan Harapan.

"Dalam keadaan ini, mustahil untuk Pas menjadi 'king maker' kerana mereka bukan lagi pilihan rakyat kerana tidak lagi berada bersama gabungan pembangkang," ujarnya.

Menurut beliau, dalam sejarah pilihan raya negara ini, Pas hanya

mendapat sokongan kuat rakyat apabila berada dalam satu gabungan seperti mana bersama Barisan Alternatif dalam PRU 1999 dengan 27 kerusi parlimen, PRU 2008 (23 kerusi) dan PRU 2013 bersama Pakatan Rakyat (21 kerusi).

"Sebaliknya apabila bersendirian, Pas hanya mendapat 1 kerusi dalam PRU 1986 dan 7 kerusi dalam PRU 2004," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan Pas sebagai 'suicide bomber' yang bukan sahaja akan membunuh dirinya

sendiri, tetapi juga orang yang berada di sekelilingnya.

"Begitulah juga ibaratnya dengan kedudukan Pas yang akan ditolak rakyat kerana dilihat mesra Umno dan seringkali membela korupsi Datuk Seri Najib Razak yang mana parti-parti yang bersama Pas juga dibimbangi bakal ditolak rakyat," katanya.

Oleh itu, Faiz menyeru semua parti gabungan Pakatan Harapan supaya memberikan fokus memperkukuhkan Pakatan Harapan di semua peringkat dan menumpukan kepada objektif

menjatuhkan Umno-BN.

"Masa yang diberikan kepada Pas untuk menyertai Pakatan Harapan telah lama dibuka, namun tidak disambut oleh Pas. Sebaliknya Pas lebih ketagih menyerang Pakatan Harapan dan parti-parti komponennya.

"Maka, punca dan agenda Pas di sebalik langkah sumbang Pas ini di kala Datuk Seri Najib Razak mengamalkan khurafat baru 'cash is king' demi survival politiknya bukan lagi suatu misteri," tegas beliau.

Bukan tugas pengarah pilihan raya berunding dengan musuh

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Gerakan Aktivis Harapan (GAH) mengingatkan Pengarah Pilihan Raya Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Azmin Ali bahawa peranannya bukan berbincang dengan Pas.

Jurucakap GAH, Zanirun Baba berkata, Menteri Besar Selangor itu juga gagal mengumumkan Sekretariat Pakatan Harapan di negeri dikuasai blok pembangkang sejak 2008.

"GAH ingin menyatakan kepada Azmin bahawa tugas Pengarah Pilihan Raya bukannya seorang perunding (negotiator) dengan musuh politik.

"Bukan sahaja Azmin gagal membentuk sekretariat PH (Pakatan Harapan) di negerinya (Selangor), malah dia juga gagal menguruskan jentera pilihan raya PH dengan baik pada saat ini," tegas kumpulan itu dalam satu kenyataan, 25 Ogos lalu.

Zanirun yang turut disokong Othman Ismail, Annuar Ismail dan Mohd Saad Ismail mendakwa wujud percaturan jawatan pimpinan Pakatan Harapan di beberapa negeri.

"GAH menyedari beberapa jawatan-jawatan PH kini sedang dicatur di beberapa negeri. Mereka cuba menempatkan dirinya seolah-olah wujud peranan penting sungguhpun selama ini merekalah yang tidak mepedulikan kewujudan PH.

"Hakikatnya penglibatan mereka di dalam program bersama komponen parti PH sangat minima dan mendukacitakan," kata kenyataan itu lagi.

GAH turut menyokong keputusan Ahli Parlimen Selayang, William Leong melepaskan jawatan dalam Biro Politik Keadilan kerana menolak keputusan partinya meneruskan perbincangan kerjasama dengan Pas.

"GAH bersama-sama William dalam perkara ini malah memandang bahawa Azmin Ali dan beberapa kerat kelompoknya gagal berfungsi sebagai seorang Pengarah Pilihan Raya yang baik," ujarnya.

Pada 23 Ogos lalu, William juga mengumumkan untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang tetapi kekal sebagai ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) kerana telah dipilih oleh perwakilan.

Mengulas pertandingan satu lawan satu pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14), GAH menyifatkan hal itu sebagai pilihan terbaik bagi Pakatan Harapan tetapi realitinya pada masa ini Pas tidak dilihat

sebagai menentang keangkuhan Umno-BN.

"PH tidak punya opsyen lain, melainkan bergerak terus melawan BN dan mereka yang membantu BN seperti Pas dan kartel," ujarnya.

Sehubungan itu, GAH menasihatkan Azmin yang juga Timbalan Presiden Keadilan supaya sedar bahawa PH telah wujud sebagai sebuah keluarga besar dan perlu mengukuhkan sokongan.

"Dia (Azmin) mahu atau tidak, harus menerima kondisi sekarang, jika tidak kelompoknya akan dilabel sebagai entiti yang tidak punya maruah kerana masih mahu bersenggama dengan bekas pasangan selepas bercerai," bidas GAH.

Kumpulan pendesak itu turut mengulangi pendirian sebelum ini bahawa kelompok Azmin sangat tidak membantu Pakatan Harapan sebaliknya akan merosakkan gabungan AMANAH, Bersatu, DAP dan Keadilan dari dalam.

"Oleh itu, PH harus menimbang secara serius untuk menjarakkan diri daripada kelompok kartel memandangkan pendekatan mereka akan merugikan PH," tambah mereka lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, kumpulan Anti Kartel Movement (PAKM) juga bernada sama menuntut supaya rundingan dengan Pas dihentikan sebaliknya memberi tumpuan untuk mengukuhkan Pakatan Harapan.

Penyelaras PAKM, Syed Shafie Abdul Rahman menyifatkan Pas menjadi semakin angkuh apabila usaha memujuk parti dikepalai Abdul Hadi Awang itu sejak kira-kira dua tahun lalu langsung tidak menunjukkan hasil positif.

"Bukan sahaja semakin angkuh, bahkan Pas lebih kelihatan terjurus bersama Umno dalam satu pakatan sulit untuk pastikan PH tersungkur dalam PRU-14.

"Ternyata rekod-rekod Pas pada masa silam termasuk tatkala bersama PR (Pakatan Rakyat), Pas adalah rakan politik berisiko tinggi," bidasnya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, PAKM katanya, secara tegas menyeru kartel Azmin khususnya dan Keadilan amnya agar segera menamatkan rundingan dengan Pas.

"Jika masih berdegil, lebih elok untuk Keadilan sertai sahaja blok ketiga yang dipimpin Pas. Terus bersikap sebagaimana sekarang hanya mengundang padah kepada PH. Tolak musuh dalam selimut," tambah Shafie lagi.

Zuraidah dakwa Anwar mahu teruskan formula 1-lawan-1

KUALA LUMPUR: Tanpa menghiraukan bantahan beberapa pemimpin parti dan perisytiharan Pas untuk bertanding di 42 kerusi Dun Selangor termasuk Dun Kajang yang diwakili Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Dun Bukit Antarabangsa yang diwakili Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Azmin Ali, Ketua Wanitanya Zuraidah Kamaruddin masih komited untuk meneruskan rundingan dengan Pas.

Zuraidah yang juga Ketua Wanita Pakatan Harapan (PH) mendakwa rundingan satu lawan satu telah menjadi formula yang diolah Ketua Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam gabungan pembangkang sewaktu siri-siri pilihan raya umum lalu dan ianya terbukti ampuh menentang jentera BN.

"Keadilan telah berusaha keras meneruskan rundingan dengan Pas walaupun parti tersebut tidak menyertai gabungan Pakatan Harapan. Mengelak pertembungan tiga penjuror adalah tidak mustahil dilakukan walaupun mungkin bukan untuk semua kerusi, tetapi sekurang-kurangnya cukup bagi menumpukan BN dan mengambil-alih Putrajaya," katanya dalam satu kenyataan.

Kenyataan media itu dikeluarkan setelah ahli parlimen Selayang William Leong mengumumkan meletakkan jawatan sebagai ahli Biro Politik Keadilan kerana kecewa dengan sikap parti yang mahu meneruskan rundingan dengan Pas.

Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli dan ahli Majlis Pimpinan Nasional Keadilan Datuk Johari Abdul pula mahu tarikh akhir (deadline) ditetapkan dalam rundingan dengan Pas.

Zuraidah menambah, Wanita Keadilan melihat adalah lebih strategik untuk menyertakan Pas dalam blok pembangkang daripada turut menentanginya dalam pilihan raya.

"Walaupun Pas tidak bersama Pakatan Harapan, Keadilan mempunyai peranan untuk memastikan pertembungan tiga penjuror dielakkan atas usaha menawan 130 kerusi Parlimen.

"Di kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Muslim, pecahan undi hanya bermakna BN akan menang mudah," katanya yang banyak terpengaruh dengan kajian dibuat Institut Darul Ehsan (IDE), agensi penyelidikan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

Menurutnya, walaupun ada 'segelintir' rakan-rakan dalam parti dan PH yang mungkin tidak menghargai usaha rundingan itu, manfaat besarnya adalah untuk semua parti dalam gabungan PH sekiranya Pas bersetuju untuk tidak bertembung tiga penjuror.

"Perkara ini bukanlah berkaitan dengan usaha menarik Pas agar bersetuju dengan ideologi dan polisi bersama Pakatan.

"Keutamaan terbesar rundingan ini sekarang ialah berkaitan dengan angka-angka dan misi memenangi pilihan raya umum kali ini.

"Dengan PRU yang semakin hampir, ahli akar umbi Pas masih jelas bersama dengan pembangkang. Kami optimistik bahawa penyelesaian praktikal adalah segalanya yang kita perlukan kini untuk meningkatkan peluang Pakatan untuk memenangi PRU akan datang," katanya.

Zuraidah tidak pula mengulas kenyataan Timbalan Presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man bahawa Pas berhasrat untuk menjadi 'king maker' dalam politik negara yang merujuk kepada kemungkinan parti itu membentuk kerajaan bersama BN atau PH berdasarkan kerusi yang diperolehi dalam PRU.

Ahli Parlimen Ampang itu bertegas bahawa usaha memikat Pas adalah teras kepada strategi terbaik menumbangkan BN.

"Apa yang perlu kita lakukan sekarang adalah mengusahakannya bersama dan menjadikannya satu gerakan bersama.

"Dan yang paling penting, Keadilan perlu mempunyai kepekaan dan kepedulian terhadap situasi di akar umbi dengan memperkukuhkan jentera pilihan raya dan bersedia mendepani cabaran sebagai barisan hadapan dalam PRU yang akan datang ini," katanya.

ASH-HAR
TRAVEL & TOURS SDN BHD
شركة أشهر للسياحة
Ditubuhkan Sejak: 1994 منذ ١٩٩٤
No. Lesen Haji: PJH 19/1438H
No. Lesen KPL: 5259

Ibadah Umrah Lebih Mudah Bersama

ASH-HAR

TRAVEL & TOURS SDN BHD

UMRAH • HAJI • PELANCONGAN

HARGA
SERENDAH
RM 5,990
SEORANG

Kami Menyediakan Pakej:

UMRAH TERUS

UMRAH EKONOMI 12 HARI 10 MALAM

Penginapan: Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf
Makkah: NADA DEAFAH /Setaraf
Harga: **RM 5,990**

UMRAH EKSKLUSIF 5 BINTANG 12 HARI 10 MALAM

Penginapan: Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf
Makkah: AL SAFWAH HOTEL /
HILTON TOWER/Setaraf
Harga: **RM 7,390**

UMRAH MUSIM CUTI SEKOLAH

Penginapan: Jarak Hotel (Makkah): 200-350 meter
TERMASUK Cuti Sekolah Bulan Mac
Harga: **RM 6,790**

UMRAH MUSIM BIASA

TIDAK TERMASUK Cuti Sekolah dan Musim Perayaan
Harga: **RM 5,990**

UMRAH & ZIARAH

UMRAH TRANSIT

BADAL HAJI & UMRAH

Serta Pakej:

HAJI EKONOMI & VIP

- **PAKEJ EKONOMI :** RM 29,700 - RM 40,700
- **PAKEJ KHAS :** RM 36,700 - RM 45,700
- **PAKEJ AL SAFWAH :** RM 53,900 - RM 61,900
- **PAKEJ AL SAFWAH (VIP 1) :** RM 99,900 - RM 109,900
- **PAKEJ DAR AL TAWHID (VIP 2) :** RM 149,000 - RM 159,000

PELANCONGAN LUAR NEGARA

AMAZING TURKEY (WINTER)	RM 4,699 (11-19 NOV 2017), RM 4,999 (1-9 DEC 2017)
YOGJAKARTA	RM 2,099 (26-29 AUG 2017/15-18 DEC 2017)
KOREA (WINTER)	RM 4,299 (1-5 DEC 2017)
MELBOURNE (SUMMER)	RM 4,799 (1-6 DEC 2017)
HO CHI MINH	RM 1,599 (22-26 JUL 2017/25-28 NOV 2017)
BRISBANE GOLDCOAST (SUMMER)	RM 5,500 (26-31 DEC 2017)
GUANGZHOU (SUMMER & WINTER)	RM 1,880 (16-20 DEC 2017/13-17 DEC 2017)
BALI	RM 1,850 (16-20 SEPT 2017/1-5 DEC 2017)
BEIJING (WINTER)	RM 3,550 (27 DEC 2017-2 JAN 2018)
LOMBOK	RM 1,899 (10-13 AUG 2017/9-12 DEC 2017)
BRUNEI	RM 1,550 (6-8 OCT 2016/8-10 DEC 2017)
BANGKOK PATTAYA	RM 1,850 (25-29 OCT 2017)
HONGKONG SHENZHEN	RM 3,550 (28 DEC 2017-1 JAN 2018)
UZBEKISTAN TOUR (WINTER)	RM 5,399 (29 NOV-6 DEC 2017)

HUBUNGI KAMI DI:

ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD
23-1 JALAN 3/76D, DESA PANDAN, 55100 KUALA LUMPUR

03-9200 7050

ashhartravel@gmail.com +6017-367 5070

UNTUK MAKLUMAT TERKINI, LAWATI KAMI DI:

f Ash Har Travel & Tours Sdn Bhd
ig ash_har94 **tw** @ashhartravel
yt toursashhartravel.
wixsite.com/desapandan

EJEN DIPERLUKAN

Najib jangan jadi ayam jantan!

BELUM sempat PM Najib Razak dan Putrajaya hendak 'berkokok' selepas pengumuman pertumbuhan 5.8% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua baru-baru ini, adiknya Nazir Razak sudah 'potong stim', kata orang muda. Beliau mengingatkan bahawa separuh kedua tahun 2017 ini, dijangka pertumbuhan lebih perlahan.

Pertumbuhan dalam suku pertama (1Q) 2017 adalah 5.6%, sekaligus menjadikan pertumbuhan separuh tahun 2017 (1H 2017), purata 5.7%. Nazir dan juga penganalisis dari bank-bank pelaburan lain, meramalkan suku ketiga (3Q) dan keempat (4Q) tahun 2017 ini, ekonomi akan tumbuh lebih perlahan.

Ini menjadikan separuh tahun kedua (2H 2017) purata pertumbuhan lebih rendah. Pun begitu, pertumbuhan KDNK tahun 2017 pastinya lebih tinggi berbanding pencapaian 4.2% untuk 2016.

Lalu bolehkah Najib berbangga dengan angka ini? Sebabnya, sementara angka pertumbuhan KDNK adalah antara kayu-ukur kesihatan ekonomi sesebuah negara, pakar-pakar ekonomi akan mengingatkan Najib angka itu bukan segala-galanya.

Ya, disamping faktor (i) 'pertumbuhan' (growth), sebagai target 'ekonomi makro' (macroeconomy) yang dipertanggungjawabkan kepada sebuah kerajaan, ada dua lagi aspek ekonomi makro yang juga tidak kurang penting iaitu (ii) inflasi (inflation) dan (iii) pengangguran (unemployment).

Penulis tidak berhajat beri kuliah Ekon 101, tentang perhubungan antara 'inflasi dan pengangguran' (yang ditentukan oleh "Keluk Phillips"), cuma sekadar peringatan keras kepada Najib supaya jangan acap-acap nak temberang rakyat dengan angka-angka pertumbuhan ini.

Sehubungan dengan hal ini, amat menasabah Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), merakamkan bahawa data ekonomi pertumbuhan ini tidak pula diterjemahkan dalam realiti kehidupan rakyat. Wujud satu 'disconnect' atau 'kesenjangan' antara data ekonomi dan sentimen serta realiti rakyat.

Perkara ini disahkan oleh kajian yang dijalankan tentang Indeks Sentimen Pengguna (ISP), oleh pihak MIER (Malaysian Institute Economic Research) di segi sentimen.

ISP masih berada di bawah 'aras optimistik' 100. Walaupun ISP meningkat ke 80.7% dalam 2Q dari 76.6% dalam 1Q, ia masih di bawah aras optimistik. Pada 4Q 2016, ISP jatuh ke paras 69.8% menunjukkan kekusaran rakyat dan pengguna.

Najib tidak diperingatkan akan tahap inflasi dan kenaikan kos harga barang dan perkhidmatan yang membebaskan rakyat. Inflasi dianggarkan berada pada tahap 3% hingga 4% sepanjang tahun ini. Sementara kenaikan gaji adalah amat minima, kenaikan harga rumah, contohnya adalah berlipat kali ganda.

Kumpulan belia dan golongan muda sememang tidak tertarik dengan angka pertumbuhan ini. Mereka mahu tahu, bagaimana angka ini memberi kesan dan kebaikan kepada mereka di segi peluang pekerjaan dan mendapat gaji yang munasabah dan 'bermaruah'.

Pertumbuhan 4.2% KDNK tahun 2016 lalu, tidak menjamin kesejahteraan hidup serta gaji atau tahap upah mereka. Sesungguhnya, kenaikan gaji secara 'penengah' (median) dan bukan purata (average) tahun 2016 adalah hanya RM20 sebulan (setelah diambil kira faktor inflasi).

Sesungguhnya gaji purata golongan graduan baru dari 2007-2015, mengambil

faktor inflasi, tidak banyak berubah.

Najib mesti diingatkan bahawa menangani pengangguran juga adalah salah satu objektif atau target ekonomi makro ke atas kerajaan.

Dengan pertumbuhan tahun lalu, jumlah yang menganggur meningkat 13% berbanding waktu yang sama. Rata-ratanya pekerjaan yang dijana adalah dalam rantaian nilai-tambah yang rendah. Sekaligus menjadikan capak-capak tentang ekonomi berpendapatan tinggi satu impian.

Yang paling parah adalah di kalangan belia. Pengangguran di kalangan belia mencecah hampir 11% yakni 3 kali ganda kadar pengangguran keseluruhan di negara ini (yakni 3.1%).

Di kalangan belia, kelompok graduan adalah yang paling malang. 23% penganggur di kalangan belia adalah graduan. Menteri Pendidikan Tinggi baru-baru ini menjawab soalan di Dewan Negara bahawa seramai 54,103 siswazah universiti menganggur dalam tempoh enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian masing-masing pada tahun lepas (dari 238,187 siswazah).

Apakah yang Najib hendak berbangga ketika kerajaan gagal membekalkan pekerjaan? Itu belum lagi kita bercakap tentang pekerjaan yang memberi upah dan gaji yang tinggi. Sudahlah graduan ini berhutang kurang lebih RM30,000 kepada PTPN bergantung kursus yang mereka ikuti, kini ancaman pengangguran mencekik mereka.

Jelasnya kerajaan gagal menjana pekerjaan di bidang-bidang yang akan membangunkan daya saing dan produktiviti negara. Ya, pastinya mudah memacu kegiatan pembangunan dalam sektor pembinaan atau perladangan.

Secara lebih khusus contohnya, yang perlu dilaburkan Felda dan FGV adalah pelaburan



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

atau M&A atau 'Penggabungan dan Perolehan' yang membangunkan industri hiliran (downstream activities) yang berteraskan kelapa sawit. Bukan melebarkan ladang dengan pembelian Eagle High Plantation yang penuh kontroversi itu dengan harga 2.5 kali ganda harga pasaran.

Ketika rancak kegiatan hiliran ini sekaligus 'permintaan' untuk graduan kita akan dijana, sama ada ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD.

Begitulah pada seluruh bidang-bidang lain termasuk aerospace, solar teknologi, elektrik dan elektronik, bioteknologi, pembuatan dan sebagainya.

Najib jangan cepat untuk mendabek dada kononnya setiap yang baik adalah hasil usaha kerja buatnya.

Sama ada dalam ekonomi mahupun sukan, Najib "jangan jadi ayam jantan yang menyangka matahari terbit kerana kokokannya".

Lebih dikhuatiri, takut-takut kitalah petualang besar negara kerana bak pepatah orang Melayu, "harapkan pegar, pegar makan padi".

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Bebaskan rakyat daripada kepalsuan kemerdekaan BN

Oleh **SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL**

ALHAMDULILLAH segala pujian dan rasa kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kita dapat bersama-sama mengharungi 60 tahun kemerdekaan bagi negara ini, Malaysia.

Sekali lagi menjelang 31 Ogos, kita akan meraikan Hari Merdeka iaitu hari yang cukup gilang gemilang dan begitu bermakna bagi seluruh rakyat Malaysia. Kini tiba masanya untuk kita mengimbuai kembali segala pencapaian mahupun kegagalan untuk terus memandangi ke hadapan bagi mengharungi hari-hari dan bulan-bulan mendatang.

Kini jugalah masanya untuk bermuhasabah dan bertanya apakah sebenarnya erti merdeka dan apa yang boleh dipelajari dari masa silam dan harapan di masa hadapan.

Pembangunan daripada aspek ekonomi, politik dan sosial telah mula bercambah sejak sebelum mencapai kemerdekaan lagi. Segala hal bermula daripada pengorbanan para pejuang negara yang sanggup bermati-matian demi mencapai kemerdekaan.

Pengorbanan mereka mestilah dikenang dan dihargai oleh generasi masa kini.

Kemerdekaan ialah apabila suatu bangsa atau umat merdeka daripada segala bentuk penjajahan undang-undang ciptaan manusia kepada pengabdian diri hanya kepada Tuhan, bebas daripada kezaliman kepada keadilan dan bebas daripada kejahatan kepada berilmu baik lahiriah mahupun zahiri.

Menyentuh isu ketelusan, tatakelola dan kebertanggungjawaban, rasuah kekal menjadi barah yang begitu merisaukan. Merujuk kepada hal ehwal semasa, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mesti segera melaksanakan tugas mereka tanpa rasa takut dan memihak. Pada masa yang sama, saya mendesak Peguam Negara supaya tidak menghalang pendakwaan yang melibatkan amalan rasuah di kalangan pimpinan atasan.

Berasaskan fahaman itulah juga, Pakatan Harapan bertekad untuk melakukan perubahan dan menumbangkan kerajaan kleptokrasi Umno-BN. Tiada gunanya dicanang laungan kemerdekaan sekiranya masih ramai yang terpinggir tatkala khazanah negara dikongsi oleh sekelompok kecil yang rapat

dengan penguasa. Apakah kita sudah bebas dari segala bentuk penindasan dan kezaliman?

Oleh kerana itu, sebagai sebuah negara demokrasi, kita akan terus bebas bersuara, bebas berpendirian sendiri, berkecuali dan dapat menangkis tekanan ke atas negara kita.

Bersamalah kita berdiri, bersamalah kita bangun dan bersamalah kita bangkit, dengan hati yang ikhlas dan tekad yang diperbaharui, memandang masa depan dengan jiwa yang gagah dan merdeka dalam satu solidariti.

Yakinlah bahawa Malaysia boleh menjadi bangsa yang besar tetapi tidak boleh menjadi bangsa yang besar sekiranya rakyatnya tidak bebas dan merdeka. Oleh itu, rakyat bebas menentukan kepimpinan negara ini.

Sampai bila lagi rakyat mahu diperbodohkan dan disempitkan ruang untuk mereka berfikir? Rakyat perlu mewariskan sebuah Malaysia yang makmur dan sejahtera untuk generasi akan datang.

Bagi pihak Keadilan, saya sebagai Setiausaha Agung, sebagai seorang rakyat

dan warganegara, sebagai seorang bapa bersama isteri, anak dan cucu, saya ucapkan selamat merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke-60 negara tercinta ini dan saya berdoa mudah-mudahan akan selamat dan majulah kita sebagai rakyat Malaysia.

Sesungguhnya rakyat punyai satu peluang untuk bebaskan negara ini daripada cengkaman kuku besi, iaitu dengan menumbangkan Umno-BN. Peluang itu sudah semakin hampir di depan mata (PRU14).

Rebutlah peluang ini, bebaskan Malaysia daripada sebuah kerajaan legasi penjajah dan seterusnya membebaskan Ketua Umum Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Insya Allah.

Moga usaha kita semua untuk memaknai erti sebuah kemerdekaan diredhai dan diberkati hendaknya. Dirgahayu Malaysia tanahairku.

■ **Datuk Saifuddin Nasution Ismail ialah Setiausaha Agung Keadilan. Tulisan ini adalah perutusan beliau sempena sambutan Hari Kemerdekaan.**

Bagi tempoh dua tahun berturut-turut Laporan kewangan Felda gagal dibentangkan

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad perlu menjelaskan sama ada penyata kewangan Felda bagi tahun 2015 dan 2016 akan dibentangkan dalam sesi Parlimen Oktober ini.

Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli berkata, kali terakhir laporan tahunan dan penyata kewangan Felda yang diaudit diserahkan ke Parlimen adalah bagi tahun kewangan 2014.

Semakan beliau juga mendapati setakat 11 Februari 2017, penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun 2015 belum lagi dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

"Saya pasti Datuk Seri Najib Razak pasti menarik nafas lega kerana beberapa langkah politik beliau mengenai Felda dirasakan membuahkan hasil menjelang pilihan raya umum ke-14," ujarnya.

Menurut beliau, sejak skandal Felda memuncak di akhir 2016 dan awal 2017 akibat keputusan Felda membeli pegangan di dalam Eagle High Plantations (EHP) pada harga tiga kali ganda melebihi harga pasaran, isu Felda menjadi reda apabila Pengerusi Felda Tan

Sri Isa Samad digantikan dengan Tan Sri Shahrir Samad, Isa dipecat dari FGV dan kemudian ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Bagaimanapun beliau mengingatkan orang ramai tentang kedudukan kewangan Felda yang parah sejak penyenaian FGV malah angka-angka yang dikemukakan beliau dari penyata kewangan Felda yang diaudit gagal dijawab pentadbiran Najib.

"Sebab itu saya tidak terkejut kenapa sehingga sekarang Felda masih tidak menghantar laporan tahunan dan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun-tahun 2015 dan 2016 kepada ahli-ahli parlimen seperti kebiasaannya di tahun-tahun lepas," tambah Rafizi.

Menurut Naib Presiden Keadilan itu, sebagai sebuah agensi kerajaan Felda tidak perlu menerbitkan laporan tahunan dan penyata kewangan kepada orang awam seperti yang perlu dipatuhi oleh syarikat-syarikat awam berhad seperti FGV.

Malah Felda, jelasnya tidak perlu memfailkan ringkasan penyata kewangan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(SSM) seperti syarikat-syarikat biasa.

"Satu-satunya badan yang Felda perlu melaporkan penyata kewangan diaudit ialah kepada ahli-ahli parlimen kerana itu kehendak undang-undang," ujarnya lagi.

Sebelum ini, jelas Rafizi laporan tahunan Felda dan penyata kewangan yang diaudit dihantar pada pertengahan tahun kerana urusan audit dan pengesahan di Lembaga Pengarah Felda mengambil masa hingga 6 bulan dari tarikh akhir tahun kewangan iaitu 31 Disember setiap tahun.

"Sebab itu saya mempunyai penyata-penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun-tahun 2012, 2013 dan 2014.

"Pada ingatan saya, kali terakhir saya mendapat laporan tahunan dan penyata kewangan Felda yang diaudit ialah bagi penyata kewangan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

"Saya juga telah menyemak laporan berita dan mendapati setakat 11 Februari 2017, penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015



belum lagi dibentangkan kepada Lembaga Pengarah," ujarnya.

Beliau turut memetik laporan NST yang menyebut pengerusi Felda Shahrir Samad pernah berjanji untuk membentangkan penyata kewangan Felda yang diaudit bagi tahun 2015 pada sesi parlimen Mac 2017.

"Saya telah pun menyatakan sebelum ini berdasarkan kedudukan kewangan Felda setakat tahun 2014 pun, Felda tidak lagi mampu untuk menampung perbelanjaan menguruskan ladang tanaman peneroka yang memerlukan sekitar RM3 bilion setahun, dalam keadaan pendapatan Felda telah

berkurang kepada sekitar RM500 juta setahun saja iaitu dari bayaran pajakan ladang dari FGV kepada Felda.

"Itu belum mengambil kira bayaran faedah tahunan yang perlu dibuat oleh Felda akibat jumlah hutangnya yang mencecah RM6 bilion setakat 2014.

"Jika Datuk Seri Najib dan Tan Sri Shahrir beranggapan saya terlupa mengenai penyata kewangan Felda bagi tahun-tahun 2015 dan 2016 yang belum dibentangkan, mereka tersalah langkah kerana saya akan terus mengikuti dengan dekat sehinggalah penyata-penyata kewangan ini dikeluarkan," tegas beliau.

Jangan serah salinan geran untuk dapat insentif

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) menyeru peneroka dan waris atau pentadbir tanah rancangan itu supaya tidak melampirkan salinan geran hak milik ladang dan rumah seperti yang dituntut pihak pengurusan Felda.

Presidennya Mazlan Aliman berkata, mereka yang telah berbuat demikian sebelum ini boleh mengambilnya semula ekoran penafian Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad tentang adanya arahan penyerahan salinan geran terbabit.

Shahrir dalam kenyataan 27 Ogos lalu berkata, dakwaan perlunya peneroka menyerahkan salinan kedua-dua geran itu bersama dokumen lain bagi mendapatkan insentif khas RM5,000 adalah fitnah pembangkang untuk memburukkan kerajaan.

Walau bagaimanapun, peneroka sebelum ini mengadu kepada Anak bahawa salinan geran hak milik rumah dan ladang adalah dua dokumen terakhir dalam 10 senarai semak Borang Maklumat Peneroka yang perlu ada serta mendapat pengesahan terlebih dahulu.

Setiap borang terbabit kemudiannya sekali lagi hendaklah disahkan oleh Pengurus Rancangan sebelum dihantar pula ke Pejabat Wilayah Felda.

"Sehubungan itu, ANAK mengingatkan Tan Sri Shahrir agar segala kenyataan beliau mestilah selari dengan amalan yang berlaku dalam pengurusan Felda," tegasnya dalam satu kenyataan 28 Ogos lalu.

Menurut Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional itu, 'sindrom penafian' seperti isu geran hak milik dan bebanan hutang pene-

roka sehingga mencecah RM100,000 akan menjejaskan reputasi Shahrir sebagai Pengerusi Felda yang diharap membawa perubahan.

Turut cuba dinafikan sekali gus mengikis kepercayaan umum terutama warga Felda kepada Shahrir adalah isu berkaitan kehilangan baki RM4.3 bilion ekoran penyenaian Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV).

"Adalah diharapkan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-60 ini sama ada Tan Sri Shahrir mahupun Pengarah Besar Felda, Datuk Hanapi Suhada untuk jujur dalam melaksanakan tanggungjawab kepada warga Felda.

"Jangan khianati kepercayaan yang telah diamanahkan. Semoga ia bertepatan dengan tema kemerdekaan, Negaraku Sehati Sejiwa," kata Mazlan.

Beliau sebelum ini mendedahkan ramai peneroka Felda dan waris atau pentadbir tanah rancangan itu yang keliru dengan arahan melengkapkan semua dokumen termasuk melampirkan geran hak milik kebun dan rumah bagi layak memperoleh insentif tersebut yang diumumkan Datuk Seri Najib Razak pada 23 Julai lalu.

Walhal, jelasnya, dokumen yang sama telah diserahkan kepada Felda ketika pengumuman durian runtuh RM15,000 kepada 112,635 peneroka menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 pada 2013 lalu.

"Jika rekod dan maklumat peneroka telah sedia ada sama ada di ibu pejabat Felda mahupun Felda di peringkat rancangan seperti diminta sebelum ini, apa perlunya diberi lagi?"

"Di saat Felda bermasalah,

pemberian dokumen dan salinan hak milik tanpa alasan kukuh, tentu sekali menimbulkan kebimbangan.

"Ia boleh terdedah kepada manipulasi yang akhirnya menjerat peneroka," tegas Mazlan dalam kenyataannya pada 24 Ogos lalu.

Menurutnya, ANAK menyokong warga Felda mengambil wang RM5,000 itu kerana ia merupakan hak peneroka tetapi mengingatkan supaya tidak sesekali mengikat diri atau ber'aku janji' bagi memenangkan kerajaan yang korup dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) ini.

"Harga diri peneroka dan warga Felda umumnya tidak semurah dedak ditabur. Sebaliknya kerajaan yang baru dipilih mestilah membawa agenda perubahan bagi mengembalikan Felda ke landasan yang betul," tegas Mazlan lagi.

Kit Siang sudah saran RCI Memali 32 tahun lalu

KUALA LUMPUR: Gesaan supaya ditubuhkan suruhanjaya bebas menyasat tragedi berdarah Memali bukanlah perkara baru malah telah disuarakan bekas Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang lebih 32 tahun lalu.

Bagaimanapun, Kit Siang yang kini menjawat Ketua Parlimen DAP menegaskan ia perlu diwujudkan untuk mendapatkan keadilan kepada mangsa yang

terlibat dan bukannya dijadikan alat bagi memenuhi agenda parti politik tertentu.

"Pada 32 tahun lalu, saya telah mendesak kerajaan supaya sebuah suruhanjaya bebas ditubuhkan menyasat tragedi Memali - ianya bukan masalah orang Melayu atau Islam; mahupun isu antara Umno dan Pas, tetapi masalah rakyat Malaysia yang perlu ditangani secara adil

dan non-partisan," kata dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Gelang Patah bersetuju dengan cadangan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam supaya Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasat tragedi berdarah itu ditubuhkan selepas pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Menurut Musa, penubuhan

RCI selepas PRU14 wajar bertujuan ia tidak disalahguna pihak tertentu bagi kepentingan politik.

Dalam masa yang sama kerajaan tidak perlu tergesa-gesa menubuhkan RCI memandangkan insiden tersebut telah berlaku lebih tiga dekad lalu.

"Perlu pilih masa yang sesuai untuk tubuhkan (RCI) dan mengikuti prosiding untuk pastikan

penubuhannya mencapai tujuan dan bukan menjadi sekadar agenda politik jangka masa singkat.

"Bagi saya, tidak ada masalah untuk tubuhkannya asalkan ia dilakukan dengan niat yang betul untuk mencari kebenaran dan keadilan tanpa sebarang prejudis dan dilaksanakan mengikut Perlembagaan dan undang-undang negara," kata Musa.

Lawan Umno-Pas bukan lawan Melayu-Islam

Oleh **ARIF ATAN**

MELAKA: Bukan sekadar Umno dan Pas sahaja yang mewakili orang Melayu dan penganut Islam di negara ini seperti yang digembar-gemburkan sesetengah pihak, tegas Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional, Khalid Samad.

Menurut beliau, AMANAH, PPBM, PKR dan DAP juga dipimpin dan dianggotai ramai Melayu Islam sekaligus menjamin masa depan golongan majoriti rakyat berkenaan jika Pakatan Harapan (PH) diberi mandat membentuk kerajaan pusat.

"Bersatu (PPBM), AMANAH, PKR

bukan Melayu? Dalam DAP, 15 peratus daripada ahlinya Melayu Islam.

"Kalau lawan Umno-Pas menentang Melayu Islam. Ini satu hujah terdesak nak pertahankan Umno-BN guna sentimen Melayu Islam," ujarnya dalam ceramah Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi di Telok Emas, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, kesedaran palsu bangsa dan agama yang dimainkan hanya untuk mempertahankan rejim kleptokrasi sedia ada yang pada masa ini menyaksikan sejumlah fail mahkamah dibuka oleh banyak negara luar berhubung penyelewengan dana syarikat pelaburan negara 1MDB.

"Nabi pesan akan datang selepas

diriku mereka adalah penipu, melakukan kezaliman. Maka sesiapa yang mengiyakan pembohongan mereka dan membantu mereka dalam kezaliman mereka, dia bukan daripada aku dan aku bukan daripada dia.

"Tapi sekarang ini tidak boleh (lawan) walaupun zalim sebab dia Melayu-Islam, kena dipertahankan. Macam mana ni? Seolah-olah Umno-BN dan Pas sahaja Melayu-Islam? Agama, bangsa diperalat untuk mempertahankan rejim yang zalim," bidasnya.

Mengulas sikap pimpinan Pas mutakhir ini yang dilihat banyak menyebelahi kerajaan Umno-BN, Ahli

Parlimen Shah Alam itu berpendapat parti yang pernah dianggotai beliau lebih tiga dekad itu semakin hilang punca.

"Tidak boleh jatuhkan kerajaan Melayu-Islam, haram kecuali kalau ditukar kepada Pas. Ini 'fatwa' baru. Terbaru ini, tidak boleh jatuhkan kerajaan Islam, nasihat dengan cara baik, jangan malukan dia (Umno).

"Itu hujah cara Umno dulu. Tiba-tiba parti lama saya bawa. Parti lama saya sudah tidak tentu arah. Kiri pun tidak, kanan, tengah pun tidak. Tidak tahu mana dia mahu pergi.

"Saya dengan Pas ini 32 tahun, lebih daripada separuh hayat cuba jadikan Pas parti yang bawa risalah Islam agar

boleh diterima masyarakat umum.

"Jangan jadi parti Islam yang hanya tahu gaduh dengan bukan Islam sebab Islam ini untuk seluruh manusia," luahnya.

Tambah Khalid, Pas sebelum ini tetap pendirian dengan bertindak dalam usaha menentang ketidakadilan rejim Umno-BN bukan sekadar berdoa dengan berharap situasi menjadi lebih baik.

"Islam tidak ajar begitu (berdoa tanpa melawan). Seolah-olah ajaran Islam itu berdoa. Dulunya parti lama saya tolak, sekarang bawa pula fahaman begitu," tegasnya lagi dalam program anjuran AMANAH Kawasan Kota Melaka itu.

Urusniaga forex BNM: Anwar dakwa Murad berbohong

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan kenyataan bekas Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Murad Abdul Khalid berhubung taklimat berkaitan kerugian urus niaga mata wang asing (forex) BNM dalam sebuah penerbangan ke Hawaii.

Anwar mengulas kenyataan diberikan Murad bahawa pada awal 1994, beliau yang pada waktu itu menjawat Menteri Kewangan telah diberikan taklimat berkenaan kerugian urusniaga mata wang asing yang dialami BNM.

"Saya kononnya berkata jika kerugian tersebut diketahui umum maka saya terpaksa meletakkan jawatan Menteri Kewangan. Sindiran berniat jahat beliau (Murad) cukup jelas - bahawa makna tersirat kata-kata saya itu ialah isu tersebut perlu ditutup. Tuduhan ini adalah palsu belaka. Saya tidak pernah berkata sedemikian kepada beliau.

"Saya menegaskan bahawa saya tidak perlu berkata sedemikian kepada seorang pegawai seperti Murad yang diarah Gabenor BNM Tan Sri Jaffar Hussein untuk memberi taklimat kepada saya berkenaan aspek teknikal perakaunan dan isi kandun-

gan laporan tahunan BNM.

"Saya ingin menegaskan bahawa selain satu taklimat ini, saya telah berurusan secara terus dengan Tan Sri Jaffar," terangnya.

Anwar berkata, beliau telah mengendalikannya isu kerugian mata wang asing BNM sejak April 1993 sewaktu diminta menjawab di Parlimen berdasarkan angka dan maklumat yang terkandung di dalam laporan BNM yang diterbitkan pada 1992 serta taklimat-taklimat BNM.

"Saya sekali lagi menjawab di Parlimen pada April 1994 berdasarkan laporan BNM pada 1993 serta taklimat BNM," ujarnya.

Anwar mendakwa Murad mulai memusuhinya secara peribadi sejak 1999 apabila membuat akuan berkanun (statutory declaration) yang palsu terhadapnya.

"Akuan ini telah disiasat Badan Pencegahan Rasuah pada ketika itu dan didapati tidak berasas.

"Seorang hakim Mahkamah Tinggi mengesahkan hal ini dan berkata 'akuan tersebut meragukan (discredited)', apabila hakim memutuskan New Straits Times bersalah di dalam kes saman saya berkenaan satu laporan akhbar tersebut yang merujuk akuan berkenaan.

"Saya akan mengulangi kenyataan

saya ini kepada pihak Suruhanjaya apabila saya dipanggil untuk membantu siasatan ini. Saya berkata 'apabila saya dipanggil' kerana saya berasa amatlah tidak adil jika saksi-saksi lain dibenarkan membuat kenyataan dan dakwaan yang memudaratkan terhadap saya di hadapan Suruhanjaya walhal saya tidak dibenarkan memberi respon kepada mereka dengan cara yang sama," ujarnya.

Malah Anwar juga bimbang beliau tidak akan dipanggil memberi keterangan dalam sesi pendengaran Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) kerugian urusniaga mata wang asing BNM walaupun nama beliau telah disebut berkali-kali oleh beberapa saksi.

"Sudah pasti saya seorang yang ada 'kena mengena dalam perkara yang sedang disiasat' seperti terkandung di dalam seksyen 18, Akta Suruhanjaya Siasatan 1950.

"Walaupun begitu saya hanya dapat mengikuti perkembangan pendengaran melalui pertemuan dengan peguam-peguam saya di Penjara Sungai Buloh," ujarnya yang mendakwa hanya membaca keterangan Murad berhubung taklimat yang disampaikan kepada beliau semasa penerbangan ke Hawaii pada 1994.

Khalid nafi mahu 'tendang' PKR keluar PH

KUALA LUMPUR: Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad menafikan mengeluarkan kenyataan rasmi mendesak Keadilan dikeluarkan daripada Pakatan Harapan (PH) ekoran sikap segelintir pemimpin parti itu yang mahu terus menjalin kerjasama dengan Pas.

Kenyataan palsu yang mengaitkan nama beliau itu tersebar di media sosial 24 Ogos lalu sejurus selepas Pas Selangor mengumumkan akan bertanding di 42 kerusi Dun termasuk kawasan Dun yang kini diwakili presiden dan timbalan presiden Keadilan.

"Satu kenyataan media menggunakan nama saya kononnya 'AMANAH sedia mengarahkan Keadilan keluar Pakatan Harapan ekoran kegagalan rundingan dengan Pas' sedang disebarkan melalui aplikasi whatsapp dan di media-media sosial ketika ini.

"Untuk makluman, kenyataan tersebut adalah palsu dan bukan daripada saya," ujarnya dalam satu kenyataan.

Khalid mengingatkan bahawa AMANAH ditubuhkan untuk mengukuhkan muafakat antara parti-parti pembangkang setelah Pakatan Rakyat berpecah dan berkubur.

"Dengan kewujudan AMANAH maka ditubuhkan Pakatan Harapan untuk menyatukan kembali yang sudah berpecah. Pakatan Harapan yang asalnya terdiri daripada AMANAH, Keadilan serta DAP kini dikukuhkan lagi dengan penyertaan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)," ujarnya.

Menurut beliau, komitmen AMANAH kepada konsep politik bergabung akan mendorong parti itu berusaha mengukuhkan muafakat dalam Pakatan Harapan dan bukan merobekkannya.

Usaha ini, kata beliau penting supaya perubahan politik dapat dilakukan dan demi menentang kerajaan kleptokrasi.

"Komitmen ini tidak pernah pudar jauh sekali berubah," tegasnya.

Kerugian forex tiada kaitan dengan politik saya, kata Tun M

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan akan terus memimpin Pakatan Harapan sebagai Pengerusi sekalipun disabitkan bersalah dalam isu skandal Forex Bank Negara.

"Saya tak terima, ia tidak ada kena mengena dengan politik saya," ujarnya

ringkas ketika ditanya media.

Beliau hadir pada hari kedua sidang Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai skandal kerugian Bank Negara akibat aktiviti perdagangan mata wang asing (forex) di Istana Kehakiman, dekat sini, 24 Ogos lalu.

RCI dibentuk untuk menyiasat kerugian Bank Negara dan implikasinya ke atas ekonomi negara ketika pentadbiran beliau sebagai perdana menteri.

Ia juga akan menentukan sama ada pembabit Bank Negara dalam aktiviti forex melanggar Ordinan Bank

Pusat 1958 atau undang-undang berkaitan.

Suruhanjaya berkenaan akan menentukan sama ada wujud percubaan untuk menyembunyikan fakta dan maklumat mengenai isu berkenaan dan akan mengesyorkan tindakan

yang akan diambil terhadap mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Pengkritik melihat usaha itu sebagai tindak balas terhadap sikap Dr Mahathir yang lantang mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Isu Memali, 1MDB uji akauntabiliti

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Profesional Melayu dan Pewaris Bangsa (ProWaris) mahu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bertanggungjawab terhadap skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagaimana bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Musa Hitam bertanggungjawab menangani isu Memali pada 1986.

Dalam satu kenyataan media, ProWaris menjelaskan telah mengkaji Kertas Perintah 21 Tahun 1986 berkaitan Peristiwa Memali yang ditandatangani oleh Tun Musa Hitam pada 25 Februari 1986.

ProWaris telah menganalisa pengakuan peribadi Tun Musa sendiri dan rentetan perdebatan Pas di Dewan Rakyat.

"Ternyata ia berpunca dari 'fatwa sesat' Datuk Seri Haji Hadi Awang yang berfahaman ekstremis lagi teroris terhadap kerajaan BN-Umno. Berdasarkan penelitian kami ke atas Kertas Perintah 21 Tahun 1986 tersebut.

"ProWaris memberi penghormatan tertinggi kepada Tun Musa Hitam kerana sanggup mengaku bertanggungjawab (accountable) dengan menggariskan secara terperinci sebab-musabab di atas tindakan yang terpaksa diambil bagi mengelakkan kerosakan dan kemusnahan yang lebih besar demi menjamin keselamatan negara pada ketika itu," kenyataan 17 Ogos itu dipetik.

ProWaris mengulas insiden kekecohan yang berlaku dalam program wacana 'Nothing To Hide' yang menampilkan bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad, 13 Ogos lalu.

Ketika Tun Mahathir menjawab soalan mengenai tragedi Memali, kekecohan berlaku apabila sekumpulan remaja bertindak membalik kerusi, kasut dan botol air ke arah pentas dan membakar suar.

Insiden itu memaksa penganjur menamatkan program lebih awal atas faktor keselamatan.

“Budaya kebertanggungjawaban yang semakin lupus ekoran golongan yang rakus mengejar kuasa dan harta perlu disuburi semula di kalangan para pemimpin agar lebih telus dan telus.”

Menurut ProWaris lagi, sekiranya Tun Musa Hitam mampu untuk mengaku bertanggungjawab (accountable) terhadap peristiwa berdarah Memali, mengapa masih ada sindrom penafian (denial syndrome) oleh pemimpin-pemimpin negara yang lain terhadap skandal, krisis atau salah laku pada zaman pentadbiran mereka?

"Dalam kes Memali, sangat jelas bahawa arahan dan tindakan ke atas perusuh itu sebenarnya adalah daripada IGP dan OCPD, namun Tun Musa Hitam secara budiman (gentleman) mengaku bertanggungjawab terhadap peristiwa Memali tersebut.

"Sikap bertanggungjawab (accountable) ini adalah kunci kepada proses meletakkan jawatan secara terhormat, yakni satu amalan terpuji kepimpinan antarabangsa yang tidak dipraktikkan langsung di Malaysia.

"Jika sikap Tun Musa ini dapat dicontohi oleh para pemimpin negara pada era terdahulu, mereka tidak perlu risau untuk bertanggungjawab sekiranya dipalitkan dengan skandal pada zaman pentadbiran mereka kerana mereka tidak lagi mentadbir dan berkuasa," ujar kenyataan itu.

Justeru ProWaris kesal kerana Najib masih mengelak, menafi dan tidak mahu mengaku bertanggungjawab terhadap skandal berkaitan 1MDB.

"Beliau masih mentadbir negara dan nampaknya mahu terus mengekalkan kuasanya selama mungkin.

"Yang lebih kritikal dan perlu mendapat perhatian semua rakyat adalah sindrom penafian ini yang menular di dalam pentadbiran Umno-BN setelah sekian lama.

"Pada hari ini kita dapat menjadi saksi bagaimana perdana menteri yang memegang punca kuasa utama negara sentiasa menafikan penglibatan beliau di dalam skandal 1MDB," ujar ProWaris.

Menurut ProWaris, sekiranya para pemimpin negara terdahulu mengaku bertanggung jawab dalam semua skandal atau krisis yang berlaku dengan memberi sebab-musabab secara telus dan tulus, adalah sesuatu yang memalukan bagi Najib kerana masih tidak menjawab dan terus menafikan penglibatan beliau dalam skandal 1MDB.

"Sikap penafian yang jijik ini juga telah mengakibatkan ekonomi negara dikepung oleh dana modal antarabangsa (international capital ambush) yang menuntut keadilan bagi pihak Rakyat Malaysia dan masyarakat dunia.

"Budaya kebertanggungjawaban yang semakin lupus ekoran golongan yang rakus mengejar kuasa dan harta perlu disuburi semula di kalangan para pemimpin agar lebih telus dan telus.

"Budaya ini jika diamalkan dengan baik, mampu mengelakkan kos untuk menubuhkan Badan Siasatan Diraja atau Badan Siasatan Bebas yang akhirnya dibiaya oleh dana rakyat, walhal sepatutnya ia digunakan untuk perkara-perkara jauh lebih bermanfaat," ujarnya.

Justeru ProWaris sebagai NGO yang bersifat apolitical menyuarakan kebimbangan terhadap kemuncak 'sindrom penafian' ini yang pastinya akan mencalarakan roh generasi muda yang bakal menerajui kepimpinan negara di masa hadapan.

"ProWaris telah berkali-kali mengingatkan para pemimpin negara bahawa Malaysia ini dipinjam dari mereka yang akan mewarisinya dari kita.

"Maka pastikanlah Malaysia ini diserahkan dalam keadaan makmur dan sejahtera bukan dalam keadaan yang porak-peranda sebagaimana yang berlaku pada hari ini," kenyataan itu dipetik.



Exco P. Pinang mahu saman media pro-BN

BEBERAPA akhbar pro-BN akan berhadapan tindakan undang-undang ekoran penyiaran berita palsu kononnya empat akaun milik Exco Pulau Pinang, Phee Boon Poh dibekukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Phee dalam satu kenyataan 22 Ogos lalu telah mengarahkan peguamnya RSN Rayer supaya menghantar notis undang-undang kepada media terbabit demi membersihkan nama dan melindungi keselamatan keluarganya.

"Saya dan pihak keluarga amat terperanjat dan marah dengan laporan palsu yang disiarkan dalam Utusan Malaysia, New Straits Times, The Star, begitu juga akhbar berbahasa Cina; Sin Chew Jit Poh dan Guan Ming Daily kononnya sejumlah RM2 juta dalam empat akaun bank saya telah dibekukan SPRM.

"Saya tidak memiliki RM2 juta seperti yang dilaporkan dalam akaun-akaun bank tersebut. Saya akan memfailkan saman terhadap media kawalan BN ini yang dilihat mahu memusnahkan reputasi dan integriti saya termasuk imej bersih kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang," katanya.

Adun Sungai Puyu itu turut melahirkan rasa hairan dari mana maklumat-maklumat palsu tersebut diperoleh.

Isa kekal pemangku pengerusi SPAD

BEKAS Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad kekal sebagai pemangku Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy berkata kedudukan Mohd Isa tidak harus dipertikaikan memandangkan beliau hanya dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu siasatan dan tiada pertuduhan dikenakan.

Bagi kami, beliau masih pemangku pengerusi, kedudukan beliau masih lagi sama, lagipun kuasa melantik adalah di tangan perdana menteri.

Tidak timbul soal kena tunggu kes selesai kerana beliau belum dituduh dan tiada tuduhan pun, katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan lesen teksi individu kepada kumpulan ketiga di bawah Program Transformasi Industri Teksi (TITP) di ibu pejabat SPAD, 21 Ogos lalu.

Beliau mengulas mengenai status Mohd Isa yang dibebaskan sehari sebelumnya selepas direman lima hari bagi membantu siasatan kes pembelian hotel di Kensington, London oleh Felda Investment Corporation (FIC).

Rundingan Keadilan-Pas mesti dilapor kepada PH

PRESIDEN AMANAH, Mohamad Sabu menegaskan sebarang rundingan antara Keadilan dan Pas perlu dimaklumkan kepada Pakatan Harapan (PH).

Menurutnya, Keadilan boleh berunding dengan mana-mana pihak sekalipun tetapi apa yang dibincangkan itu harus turut diketahui AMANAH, Bersatu dan DAP.

"Dia berunding dengan siapa pun boleh berunding tapi mesti lapor pada mesyuarat Pakatan Harapan.

"Kita akan tentukan had masa (perbincangan Keadilan-Pas)," katanya ketika ditanya Malaysia Dateline semasa sidang media sempena Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan di Central Plaza, Bukit Bintang, 20 Ogos lalu.

Walaupun Pas pada Mei lalu memutuskan tahluf siyasi dengan Keadilan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail baru-baru ini dilapor tidak menolak kemungkinan untuk bekerjasama dengan parti di luar PH itu.

DAP bersedia adakan pemilihan, RoS pula berlengah

PETALING JAYA: DAP berkemungkinan terpaksa menangguhkan pemilihan semula yang dicadangkan pada 10 September berikutan kelewatan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) menyelesaikan beberapa perkara.

Naib Presiden DAP Kebangsaan, Teresa Kok berkata, RoS terus berlengah dalam berurusan dengan DAP sedangkan pihaknya telah bersungguh-sungguh mahu mengadakan pemilihan segera.

"Semalam (21 Ogos) RoS berkata mereka akan hantar surat kepada DAP dalam tem-

poh sehari dua ini, jadi kita tunggu, kerana kita perlukan masa untuk menghantar surat kepada perwakilan.

"Kita memang mahu adakan pemilihan pada 10 September, tapi kita perlu tunggu surat itu hari ini atau esok," katanya pada sidang media di ibu pejabat DAP, dekat sini, 22 Ogos lalu.

Ahli Parlimen Seputeh itu juga berkata, adalah penting bagi RoS untuk hadir dan mengikuti pemilihan semula parti itu.

Julai lalu, Ketua Pengarah RoS Muhammad Razin Abdullah mengarahkan

DAP mengadakan pemilihan semula Jawatankuasa Tertinggi Pusat kerana tidak mengiktiraf keputusan pemilihan semula yang telah diadakan empat tahun lalu.

Arahan itu dikeluarkan beberapa hari sahaja selepas Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Tengku Sariffuddin menjawab analisis DAP tentang majikannya dengan mengancam bahawa parti tersebut mungkin tidak boleh menggunakan lambang roket ekoran masalah dengan RoS yang belum selesai.

Oleh ZIKRI ABDULLAH

RIBUAN hadirin menyaksikan majlis bersejarah pelancaran Pakatan Harapan (PH) di pinggir bandar Machang pagi Jumaat, 25 Ogos lalu.

Ketibaan pengerusi PH, Tun Mahathir Mohamad di acara kemuncak sekitar jam 11 pagi memahat memori mempesona kepada semua yang hadir.

Sebaik Tun Mahathir dan konvoi pengiringnya tiba, bendera empat parti komponen PH iaitu PKR, DAP, AMANAH dan PPBM diarak berbaris mengiringinya memasuki khemah besar di mana program telah berjalan seawal 8.30 pagi.

Pengumuman ketibaan beliau menghentikan seketika ucapan Presiden AMANAH Mohamad Sabu dan semua yang hadir berdiri menyambut kehadiran bekas perdana menteri itu.

Laungan selawat bergema ketika sebahagian hadirin menyerbu ke laluan tengah untuk bersalaman dengan beliau.

Berselang seli gema selawat terdengar laungan takbir dan suara 'hidup Tun'.

Majlis pagi itu menyaksikan buat pertama kali pemimpin-pemimpin utama empat parti dalam PH bersama atas satu pentas di Kelantan.

Pengerusi PH Kelantan Datuk Husam Musa membuka tirai apabila majlis bermula jam 9 pagi.

Beliau cukup yakin rakyat akan bersatu menukar kerajaan pada pilihan raya umum kali ini di Putrajaya dan Kota Darulnaim.

Di Kelantan, kata beliau telah dipersetujui semua parti tentang tawaran-tawaran untuk rakyat bila PH mentadbir nanti.

Antara janji penting demi ketelusan dan merencanakan pembangunan adalah menetapkan perantaraan Menteri Besar terhadap kepada dua penggal.

Beliau memperincikan dasar-dasar utama pentabiran PH nanti.

Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang, Ketua Wanita Keadilan Zuraidah Kamarudin, Timbalan Presiden PPBM, Datuk Mukhriz Mahathir dan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu menyampaikan ucapan mewakili parti masing-masing.

Selepas ucapan bersemangat yang memukau pendengar, Tun Mahathir meyempurnakan gimik perasmian dengan melepaskan belon besar bersimbol empat parti komponen PH.

Beliau dan rombongan kemudian solat Jumaat di Banggol Judah dalam perjalanan ke satu majlis perjumpaan dengan masyarakat Pasir Puteh di Tok Bali.

Malamnya beliau hadir di majlis ceramah umum anjuran PH di Besut.

Sebelum berlepas pulang pagi berikutnya, Tun Mahathir sekali lagi diraikan pemimpin PH Kelantan di majlis sarapan pagi di pejabat PPBM Kelantan di Kota Bharu.

Seia sekata di pe Pakatan Harapan



Mohamad sedang berucap mewakili AMANAH.



Mengaminkan doa di majlis pelancaran PH Kelantan.



Zuraidah yang juga Ketua Wanita PH sedang berucap.



Mengibarkan Jalur Gem

Belancaran n Kelantan



Ada sesuatu yang menarik dibisikkan Mohamad kepada Kit Siang.



Penulis politik, Mohd Sayuti Omar berkata sesuatu kepada Timbalan Pengerusi AMANAH Kelantan Ustaz Mohamad Husin sambil diperhatikan Mohamad dan Dr Abdul Halim.



Ketibaan Tun Mahathir disambut meriah.



Pemimpin PH bersarapan pagi di Pejabat PPBM Kota Bharu.



nilang sambil menyanyikan lagu patriotik.



Antara aktivis wanita PH yang hadir.

Gerak kerja empat parti lebih mudah

Kelolaan ARIF ATAN

Pemuda AMANAH Nasional berpendapat pendirian rasmi Pakatan Harapan pada 29 Ogos lalu akan memudahkan lagi perancangan gerak kerja bersama di antara ke empat-empat parti di bawah Pakatan Harapan.

Ketuanya, Sany Hamzan berkata, keputusan muktamad Majlis Presiden Pakatan Harapan untuk tidak bekerjasama dengan Pas dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) itu melancarkan jentera kesemua parti di segenap peringkat sehingga ke akar umbi.

Turut diputuskan adalah Pakatan Harapan sedang merangka strategi untuk kemungkinan menghadapi pertandingan tiga penjurua dalam PRU-14.

Menyifatkan pendirian tersebut sebagai sangat dinanti-nantikan, beliau berkata, rakyat



sangat memberi harapan yang menggunung kepada Pakatan Harapan yang dianggotai oleh PKR, DAP, AMANAH dan Bersatu bagi mengambil



Gabungan pembangkang yang kuat akan meningkatkan keyakinan pengundi kepada Pakatan Harapan.

alih tampuk pemerintahan negara daripada kerajaan kleptokrasi diketuai Datuk Seri Najib Razak.

"Oleh yang demikian, rakyat mahukan satu gabungan yang ampuh bagi menghadapi PRU-14 yang akan datang. Kami yakin, rakyat akan memberi sokongan kepada gabungan besar pembangkang iaitu Pakatan Harapan yang lebih realistik dan berkemampuan untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara.

"Kita membawa harapan besar rakyat, mari kita bersama menggalas harapan ini! Ayuh, kita tingkatkan gerak kerja dan perkuatkan kerjasama bagi menarik sokongan rakyat terhadap Pakatan Harapan," tegasnya lagi.

Mengulas ruang yang diberi kepada Pas untuk turut menyertai Pakatan Harapan, Sany berkata peluang telah dibuka kepada mana-mana parti yang mahu bersama dalam gabungan besar pembangkang bagi menghadapi BN.

"Namun, Pas bersikap angkuh dan sombong apabila enggan untuk bersama dalam satu pasukan sebaliknya parti itu telah menubuhkan blok ketiga iaitu Gagasan Sejahtera bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

"Sikap 'kluk klek' dan angkuh Pas ini tidak ada tempat di dalam gabungan pembangkang yang mengamalkan prinsip bekerjasama antara satu sama lain demi mencapai matlamat utama iaitu menjatuhkan kerajaan yang penuh kebobrokan ketika ini," tambahnya.

Pakatan Harapan pegang tawaran 100 hari



Faiz Fadzil

Pakatan Harapan akan melaksanakan tawaran 100 hari yang diumumkan sebelum ini apabila diberi mandat di Putrajaya dalam usaha menyelesaikan pelbagai masalah rakyat yang gagal ditangani kerajaan Umno-BN.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH, Faiz Fadzil berkata, kadar gaji minimum juga akan ditingkatkan sesuai dengan situasi semasa kos sara hidup yang semakin melambung tinggi.

"Kita berpegang pada tawaran 100 hari Pakatan Harapan. Kita memerintah kita akan

selesaikan masalah 1MDB, keyakinan pelabur semakin pulih seterusnya merencanakan ekonomi dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada generasi muda.

"Kita perlu meningkatkan gaji minimum dengan kos sara hidup hari ini tidak mungkin RM1,000 mampu menampung perbelanjaan seharian.

"Kenaikan gaji kita juga agak rendah walaupun pertumbuhan ekonomi dikatakan rancak tetapi kenaikan gaji di Malaysia memang tidak memuaskan berbanding negara-negara jiran lain," ujarnya pada forum 'Janji Yang Tak Ditepati' anjuran Pemuda AMANAH Ampang baru-baru ini.

Faiz turut menegaskan iltizam Pakatan Harapan untuk mengatasi situasi jurang lebar sosio-ekonomi pada masa ini yang menyaksikan wujudnya banyak projek berkos tinggi ketika ramai rakyat tertekan untuk mendiami rumah mampu milik.

"Kita dikagumkan dengan projek mega tetapi tidak seimbang dengan peningkatan pendapatan rakyat. Isu pekerjaan juga kritikal. Ekonomi negara meruncing dengan nilai mata wang jatuh.

"Saya sendiri ada firma (guaman) dan dapat merasakan pengangguran anak muda begitu ketara apabila ramai memohon kerja kosong," tambahnya lagi.



>>>> **PEDULI UMAT...** Exco Pemuda AMANAH Nasional, Khairul Najib Hashim membacakan memorandum mengutuk keras kekejaman terbaharu junta Myanmar terhadap penghapusan etnik Rohingya sebelum menyerahkannya kepada Kedutaan Myanmar di Jalan Ampang Hilir di ibu negara pada 29 Ogos lalu. Turut hadir Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan.

Pakatan Harapan Kelantan isi kekosongan

GABUNGAN Pakatan Harapan Kelantan berazam mengisi kekosongan kepimpinan kerajaan negeri yang pada masa ini lemah dan tidak telus, kata Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan.

Menurutnya, iltizam tersebut demi masa depan negeri di Pantai Timur itu yang unik dan sebagai contoh keislaman sebagai ciri utama tradisinya.

"Selepas pemergian Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Kelantan telah menjadi sebuah negeri yang sepi. Ia ibarat kapal terbang yang kehilangan arah dan mungkin gagal untuk didaratkan



Hazmi Hassan

semula," ujarnya.

Beliau berkata, Kelantan tidak boleh dibiarkan diurus oleh pemimpin yang bersikap 'sedap duduk' atau selesa.

"Gagal bersifat telus dan

lemah dalam wawasan dan gagasan baru. Lembab dalam bertindak balas kepada masalah-masalah berbangkit dan ketiadaan ketrampilan," jelasnya mengaitkan ciri kepimpinan Pas sekarang.

Pada 25 Ogos lalu, Pakatan Harapan Kelantan dilancarkan di Machang dengan pertama kali menyaksikan berkibarnya bendera AMANAH, Bersatu, PKR dan DAP sebagai simbolik kesiapsiagaan gabungan keempat-empat parti menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang pada bila-bila masa sahaja akan diumumkan Najib Razak.

BN tewas di 8 negeri jika pembangkang bergabung



Kaji selidik dijalankan Institut Darul Ehsan (IDE) mendapati BN akan tewas di peringkat Persekutuan dan kehilangan lapan negeri jika Pakatan Harapan (PH) dan Pas bekerjasama mewujudkan pertembungan satu lawan satu menentang BN di semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Apa yang nak saya tonjolkan berdasarkan survei kita adalah apa akan berlaku sekiranya gabungan pakatan pembangkang kekal.

"Rakyat dibahagi dua, satu pakatan pembangkang dan satu lagi BN dan ini hasilnya PH campur Pas, tak kiralah apapun namanya, mendapat 59 peratus undi termasuk lapan negeri jatuh ke tangan pembangkang," kata Timbalan Pengerusi Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman.

Beliau berkata demikian pada sidang media Survei Malaysia 2017, #MoodRakyat – Kajian Trend Masyarakat Malaysia Dalam Isu Semasa di Auditorium IDE, Bangunan IDE di Shah Alam, 28 Ogos lalu.

IDE adalah badan di bawah kerajaan negeri Selangor pimpinan menteri besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. Sidang media ini diadakan menjelang mesyuarat Majlis Presiden PH yang diadakan pada malamnya.



Redzuan Othman ketika sidang media baru-baru ini.

Dalam sidang media itu, Redzuan berkata, BN akan tewas di peringkat Persekutuan dan kehilangan lapan negeri sekiranya PRU14 diadakan dalam tempoh enam bulan daripada sekarang.

Negeri tersebut menurutnya ialah Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Melaka, Kelantan dan Wilayah Persekutuan.

Katanya, sokongan 59 peratus itu merupakan satu kedudukan yang kukuh bagi menjamin kemenangan

pembangkang di peringkat Persekutuan pada PRU14 nanti.

Katanya lagi, kajian terbaru ini juga mendedahkan sokongan diperoleh BN sebanyak 46 peratus pada PRU13 merosot tujuh peratus kepada 39 peratus ketika kajian ini dijalankan.

Kata beliau, sokongan terhadap pembangkang pula melonjak lima peratus daripada 54 peratus pada PRU-13 kepada 59 peratus dalam tempoh sama.

Dalam kaji selidik itu, responden

ditanya parti atau pakatan politik manakah yang akan mereka undi pada PRU14 sekiranya pilihan raya umum itu diadakan dalam masa enam bulan dari sekarang.

Kaji selidik itu juga mendapati 50% responden sudah membuat keputusan parti mana yang akan mereka pilih pada pilihan raya nanti, manakala 22% akan membuat keputusan selepas penamaan calon, 9% seminggu sebelum pengundian dan 19% pada hari pengundian.

Daripada soalan yang sama, kaji selidik itu mendapati kelompok pengundi muda yang berumur antara 21 hingga 30 tahun rata-rata masih belum menentukan parti mana yang akan mereka undi.

Kaji selidik itu turut mendedahkan hanya 19% pengundi berpuas hati dengan keadaan semasa politik dan amalan demokrasi di Malaysia dan rasa tidak puas hati itu merentas semua kaum utama Melayu, Cina dan India.

Ditanya tentang keadaan ekonomi negara dalam masa dua tahun ini, hanya 8% pengundi merasakan keadaan ekonomi negara meningkat, membayangkan mood rakyat kesan daripada kenaikan harga barang dan kos hidup.

Kaji selidik itu juga mendapati faktor ekonomi merupakan isu utama

yang jadi perhatian pengundi dengan urutan keutamaan didahului oleh harga barang dan inflasi diikuti isu-isu kenaikan kos sara hidup, kemiskinan dan ketidakseimbangan sosial, jenayah dan keganasan, dan akhir sekali pengangguran dan peluang kerja yang terhad.

Berhubung persepsi terhadap pentadbiran kerajaan, 29% pengundi menganggap prestasi Putrajaya cemerlang dan sangat cemerlang manakala 49% berpuas hati dengan prestasi kerajaan Selangor yang diketuai oleh PKR, 40% berpuas hati dengan prestasi kerajaan Pulau Pinang diketuai oleh DAP dan 39% terhadap kerajaan Kelantan di bawah PAS.

Sementara itu, Redzuan berpendapat ada dua kemungkinan bilakah masanya Parlimen akan dibubarkan, sama ada selepas penganjuran Sukan SEA atau apabila pakatan pembangkang berpecah.

"Bila Najib akan adakan pilihan raya? Ada dua keadaan: mood selepas Sukan SEA terutamanya apabila Malaysia lawan Thailand dalam akhir bola sepak, atau apabila pembangkang berpecah.

"Kalau dua keadaan ini berlaku, itulah masa terbaik untuk mengadakan pilihan raya. Tidak perlu tunggu sampai tahun depan," katanya.

Setuju dengan Said, tetapi ini lebih dari 1999

Oleh Dr Ong Kian Ming

SAYA sedikit terkejut untuk membaca respons dari Menteri Komunikasi, Datuk Seri Panglima Said Salleh Keruak, kepada kenyataan media saya mengenai kemungkinannya berlaku peralihan undi Melayu sebanyak 15% dari BN ke pembangkang pada PRU 14 nanti.

Biasanya, Menteri Barisan Nasional (BN) tidak begitu suka memberi balasan kepada kenyataan media saya yang mengandungi angka dan fakta.

Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Komunikasi atas kepekaan beliau terhadap peralihan undi Melayu di PRU 14.

Saya setuju dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Said Salleh.

Pertama, saya setuju bahawa Pakatan Harapan tidak boleh menganggap bahawa pengundi muda akan lebih cenderung kepada pihak pembangkang walaupun di PRU 2008 dan 2013, berdasarkan kajian undi mengikut saluran, kadar sokongan kepada pembangkang di saluran pengundi muda lebih tinggi berbanding dengan saluran pengundi tua.

Tidak boleh dinafikan bahawa senjata utama BN untuk menarik pengundi muda, Menteri

Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, mendapat sambutan yang baik di kalangan orang muda, terutamanya melalui media sosial.

Pada pendapat saya, strategi media sosial beliau jauh lebih berkesan berbanding dengan Perdana Menteri kita.

Populariti Khairy melonjak lagi kerana beliau bukan sahaja turun padang untuk memberi galakkan kepada para atlet sukan SEA kita tetapi juga turun padang untuk mewakili negara dalam sukan polo.

Kedua, saya setuju bahawa negara kita tidak mengalami kegawatan ekonomi buat masa sekarang, bukan seperti situasi menjelang PRU 1999.

Tetapi saya rasa Said Salleh patut sedar 2017 bukan 1990.

Menjelang PRU 1990, parti pembangkang hanya memegang 27 daripada 177 kerusi parlimen ataupun 15% daripada jumlah kerusi parlimen.

Menjelang PRU 14, parti pembangkang (termasuk ahli parlimen bebas) memegang 89 daripada 222 kerusi parlimen ataupun 40%.

Menjelang PRU 1990, parti pembangkang tidak menguasai mana-mana kerajaan negeri. Menjelang PRU 14, pihak pembangkang adalah

kerajaan di tiga negeri.

Menjelang PRU 1990, semua media dikawal oleh kerajaan. Menjelang PRU 14, online media memberi persaingan yang hebat kepada media arus perdana dari segi pengguna.

Media sosial memberi satu lagi arus kepada pihak pembangkang untuk menyampaikan maklumat kepada pengundi.

Menjelang PRU 1990, pihak pembangkang diketuai oleh seorang bekas Menteri Kewangan yang keluar dari parti UMNO.

Menjelang PRU 14, pihak pembangkang dipimpin oleh seorang bekas Perdana Menteri Malaysia, dua orang bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, ketua pembangkang, seorang bekas Menteri Besar (Kedah), seorang Menteri Besar (Selangor) dan seorang Ketua Menteri (Pulau Pinang).

Menjelang PRU 1990, pemimpin parti pembangkang muda tidak beberapa diketahui orang ramai.

Menjelang PRU 14, pemimpin muda Pakatan Harapan yang berusia 40 ke bawah termasuk Nurul Izzah, Syed Saddiq, Nik Nazmi, Wong Kah Woh, Hannah Yeoh, Zairil Khir Johari, Steven Sim, Yeo Bee Yin, Kasturi Patto dan ramai lagi.

Selain daripada Khairy Jamaluddin, pe-

mimpin muda Barisan Nasional yang dikenali orang ramai adalah Jamal Yunus yang berminat untuk bertanding jawatan ketua Pemuda UMNO.

Menjelang PRU 1990, GST tak wujud dan subsidi minyak, gula, minyak masak dan sebagainya masih wujud. Menjelang PRU 14, pelaksanaan GST dan penarikan balik subsidi-subsidi mengurangkan pendapatan orang ramai dan meningkatkan kos kehidupan dari bandar hingga ke kampung.

Menjelang PRU 1990, Perdana Menteri masa itu tidak terlibat dalam skandal mega yang memburukkan nama negara di seluruh dunia.

Menjelang PRU 14, Malaysia lebih dikenali sebagai negara 'kleptokrat' akibat daripada skandal 1MDB di mana duit berbilion-bilion disyaki dicuri daripada rakyat Malaysia dan digunakan untuk membeli permata, rumah mewah, lukisan dan poster, kapal layar dan sebagainya.

Semua faktor ini tidak bermakna peralihan undi Melayu sebanyak 15% daripada BN kepada pembangkang semestinya akan berlaku.

Tetapi, adakah blogpost Said Salleh menunjukkan bahawa UMNO sendiri takut peralihan undi orang Melayu kepada pembangkang akan menjadi suatu realiti di PRU 14?

Kerana nafsu kepentingan diri

KENAPA kita tidak juga mahu menolak orang yang ternyata dan terbukti jahat dan bersalah? Kenapa kita masih juga hendak menyokong dan mempertahankan orang itu untuk memimpin kita walaupun kita tahu dia jahat dan bersalah?

Ya, kita tahu dia memang jahat dan bersalah. Boleh dikatakan semua orang tahu. Kerana hal itu terlalu terang dan jelas. Memang nampak. Tetapi kenapa ramai orang menunjukkan respon seperti mereka tak nampak? Apakah sebenarnya mereka tak nampak?

Lama sudah saya dan beberapa orang kawan bercakap dan berbincang hal ini. Maka banyakkah sudah jawapan dan andai-an yang diberikan. Namun saya belum berpusing hati dengan jawapan-jawapan dan andaian-andaian tersebut. Lalu muncullah baru-baru ini satu pemikiran mudah.

Kenapa? Sebab kita selalunya mudah terpengaruh dengan nafsu kepentingan diri, yang selalu menenggelamkan pemikiran-pemikiran dan kesedaran-kesedaran asas. Contoh paling mudah ialah wang. Orang selalu kata wang itu ada 'hantu'nya. Dia sangat mudah mempengaruhi dan menguasai kita.

Saya tak fikirkan 'hantu'nya itu. Tetapi saya percaya wang memang 'berhantu'. Asasnya kita semua memerlukan wang. Untuk pelbagai tujuan dan sebab. Tetapi keperluan kita itu pun ada asasnya, ada had dan batasannya. Namun nafsu kepentingan diri selalunya tidak mengenal had dan batasan. Maka terjadilah apa-apa yang selalu terjadi itu.

Orang-orang yang berpendidikan tinggi, orang-orang yang berjawatan tinggi,

orang-orang yang kelihatannya kuat beragama, orang-orang yang kewangannya melimpah-limpah, tetapi mereka tetap menyokong pemimpin yang ketara jahat dan bersalah - mengapa, kalau bukan kerana nafsu kepentingan diri!

Nafsu kepentingan diri itu menutup segala kesedarannya mengenai baik dan buruk, mengenai wajar dan tidak wajar, mengenai adil dan tidak adil, dan mengenai dosa dan pahala.

Hal ini sebenarnya telahpun dijelaskan oleh al-Quran dalam kisah yang masyhur mengenai mengapa Adam dan Hawa diusir daripada syurga dan turun ke dunia. Peristiwa Nabi Adam memakan buah larangan itu. Mengapa dia memakan buah larangan itu?

Dari segi kewajaran, ia memang tidak wajar. Fikirkan bahawa Adam dan Hawa sudahpun berada di syurga. Mereka boleh buat apa saja, apa saja, kecuali satu - jangan dekati sebuah pohon. Itu sahaja yang dilarang. Tetapi kenapa larangan itu dilanggar oleh Adam? Sedangkan sebelum itu Tuhan telah mengajarkan dia "segala nama", yakni segala ilmu yang diperlukan.

Jawapan saya, dalam konteks ini ialah kerana nafsu kepentingan diri, berdasarkan bisikan syaitan. Adapun nafsu kepentingan diri itu di bawahnya atau di sebaliknya ialah wujudnya bisikan syaitan. Suatu fakta keagamaan Islam yang menjadi salah satu asas penting dalam fahaman kehidupan manusia (mengikut ajaran Islam).

Ia sentiasa ada. Di sebalik tiap perkara, sentiasa wujud 'bisikan syaitan' yang mengajak manusia melakukan kejahatan/kesalahan, dengan kewajaran-kewajaran palsu yang menutup kewajaran hakiki yang

terdapat dalam asas ajaran agama Islam.

Dan inilah yang berlaku sekarang. Di hadapan kita, di sekeliling kita. Kewajaran-kewajaran palsu akibat bisikan syaitan, yang tak dipedulikan oleh manusia moden hari ini, malah dinafikan. Dinafikan oleh nafsu kepentingan diri itu.

Semua orang hari ini ditenggelamkan oleh nafsu kepentingan diri. Apakah maksudnya nafsu kepentingan diri di sini? Sama seperti yang dijelaskan dalam kisah peristiwa Adam dan Hawa memakan buah larangan itu, nafsu kepentingan dirinya bukanlah sesuatu yang real, tetapi yang diada-adakan oleh 'bisikan syaitan' yang sengaja hendak menyesatkan manusia.

Maka keperluan manusia hari ini kepada wang (misalnya) adalah suatu keperluan yang tiada batas sempadannya, tiada mengenal sebarang lojik dan kewarasan. Dan ia sentiasa mengubah sempadan, berdasarkan kedudukan atau pencapaian kita masing-masing.

Sebab itu kita selalu hairan dan tak faham melihat orang-orang yang kaya dan berkuasa tetapi kesungguhan mereka terus merebut, merompak dan mengumpul kekayaan dan kuasa itu seperti tidak tahu hendak berhenti. Hendak lagi dan lagi, walaupun yang sudah ada itu sudah jauh melebihi tahap yang sepatutnya mereka perlukan.

Maka kita selalu bertanya: Mereka nak buat apa lagi dengan kekayaan dan kuasa itu? Ia sudah lebih dari mencukupi untuk mereka dan keluarga mereka. Mereka nak buat apa lagi?

Memang kita tak akan faham. Seperti kita tak faham mengapa perlunya Adam hendak melanggar perintah Tuhan supaya



TEKAD
BUDAYA
DINSMAN

dia jangan hampiri pohon yang satu itu di syurga. Tak ada keperluan langsung, pada fikiran kita. Tetapi begitulah... kuasa dan pengaruh yang Tuhan izinkan kepada syaitan (untuk menyesatkan manusia).

Kita perlu balik kepada pemikiran yang asas itu, yang selalu kita lupa, dan yang selalu dilupakan oleh semua manusia, kecuali orang-orang yang benar-benar beriman dan bertaqwa.

Ya, kita perlu balik kepada pemikiran yang asas itu, untuk memahami gelagat manusia yang sukar kita fahami hari ini. Dan dari perspektif yang asas ini, apakah yang perlu dan boleh kita lakukan sekarang terhadap masyarakat kita yang ternyata sudah sangat rosak hari ini?

Bagaimanakah mungkin kita menggagalkan strategi 'Cash is King' yang dikatakan sedang digunakan semaksimum mungkin oleh pihak berkuasa sekarang?

Bagaimanakah kita 'menyedarkan' golongan yang berpengaruh dalam pentadbiran kerajaan dan dalam media awam supaya mereka kembali berperanan menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamankan kepada mereka, untuk "amar makruf dan nahyi mungkar" dalam konteks ruang kuasa mereka masing-masing?

Marilah kita sama-sama fikirkan! Dan dalam berfikir ini janganlah pula kita lupa kepada perkara-perkara asas yang diajarkan dan dituntut oleh Islam itu! ■

Peranan parti kecil dalam politik negara

Oleh **ABU FIRDAUS**

ADA orang kata Parti Amanah Negara hanya sebuah parti kecil dan mampu merebut satu peratus saja undi yang, diberikan pada pilihan raya akan datang. Itu tentulah cuma agakan kerana pilihan raya belum berlangsung. Setelah pilihan raya diadakan barulah dapat dikira berapa jumlah boleh diperolehi oleh mana-mana parti.

Tetapi apakah yang dikatakan parti kecil atau parti besar? Adakah ia dikira dengan undi yang diperolehi? Atau dikira dengan jumlah kerusi yang dimenangi? Jumlah undi dan kerusi pula tentulah tidak selari. Atau dikira dengan berapa ahli parti? Atau berapa penyokongnya? Tentulah semuanya relatif.

Malah kalau hendak dikira daripada undi yang diperolehi juga tidak tepat. Ini kerana tidak semua parti bertanding bersendirian.

Sebagai contoh. Buat masa ini rekod AMANAH hanyalah dalam pilihan raya kecil Sungai Besar, Kuala Kangsar dan pilihan raya negeri Sarawak sebelumnya.

Tetapi AMANAH tidak bertanding sendirian. Ia bertanding sebagai parti dalam Pakatan Harapan. Maka undi yang diperolehi dalam pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar itu bukan semata-mata dari pengundinya tetapi juga dari pengundi parti Pakatan Harapan lain iaitu Parti Keadilan Rakyat dan DAP.

Sememangnya secara terperinci boleh diukur sama ada daripada kawasan itu, parti mana lebih besar, AMANAH, PKR atau DAP. Tetapi itupun andaian saja kerana tidak ada sesiapa yang boleh bertanya setiap pengundi mana parti yang mereka sokong.

Kemudian ukuran sama ada sebuah itu parti kecil atau besar

perlu dibuat secara perbandingan.

Jadi jika AMANAH dianggap sebuah parti kecil, ia kecil dibandingkan dengan parti mana? Sebagai parti baharu, rekod undi yang diperolehi belum banyak ada. Jika berdasarkan pada pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar ia boleh dibuat dengan menganggap AMANAH sebagai mewakili Pakatan Harapan.

Seperti mana sukarnya hendak diukur berapa undi yang Umno perolehi kerana parti itu mewakili keseluruhan Barisan Nasional yang dianggotai oleh 14 parti dan disokong beberapa parti lain. Tetapi boleh diandaikan bahawa di kawasan Melayu itu, majoriti undi yang diperolehi oleh Barisan Nasional datangnya daripada pengundi Umno.

Tetapi dengan ukuran sewajarnya, AMANAH boleh dianggap lebih kecil daripada PKR dan DAP.

Tetapi apabila Parti Pribumi Bersatu Malaysia sertai Pakatan Harapan, tidaklah dapat diukur parti mana yang lebih kecil, AMANAH atau Bersatu? Kalau ikut usia yang lebih sedikit tua, AMANAH adalah lebih besar daripada Bersatu. Tetapi tidaklah diketahui siapa yang akan dapat undi lebih banyak dalam pilihan raya akan datang.

Dari segi kecil dan besar, tentulah AMANAH lebih kecil dari Pas seperti Bersatu lebih kecil daripada Umno. Umno tentulah lebih besar daripada Pas. Maka pertimbangan ringkas ialah AMANAH akan memperoleh undi yang selama ini berada dalam Pas. Sementara Bersatu akan ambil undi daripada Umno.

Kalau dilihat Barisan Nasional pula, akan dilihat bahawa Umno adalah parti amat besar diikuti dengan parti lain yang dianggap

kecil. Tetapi di Sarawak, tentunya Parti Pesaka Bumiputera Bersatu adalah parti yang besar di negeri itu dengan langsung tiada Umno.

Kemudian lihat pula PKR. Ketika ia ditubuhkan pada tahun 1998, ia adalah parti kecil. Pas lebih besar. Malah DAP lebih besar daripadanya. Tetapi ia mempunyai peranan besar dalam mengetuai Barisan Alternatif. Tetapi ia kemudian bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia. Tidaklah jadi besar manapun. Namun peranannya adalah besar.

Jadi kedudukan parti itu tidak kira kecil atau besar, ia mempunyai peranan tersendiri yang tidak diketahui juga nasib masa akan datangnya. Pakatan Harapan sendiri adalah lebih kecil daripada Barisan Nasional. Tetapi itu tidak bermakna ia tidak mampu menang. ■

Tamatkan polemik faktor Pas

Oleh **RAFIZI RAMLI**

PERSOALAN mengenai bentuk kerjasama di antara PKR dengan Pas berpanjangan kerana ia satu keputusan yang memberi kesan kepada semua, bukannya PKR semata-mata.

Keputusan sama ada PKR menumpukan kepada persediaan pilihan raya bersama Pakatan Harapan sepenuhnya (termasuk bersedia menghadapi pertandingan tiga penjuror dengan Pas) atau "berada di dalam dua kolam" (bersama Pakatan Harapan tetapi juga bekerjasama dengan Pas untuk mengelakkan pertandingan tiga penjuror) adalah keputusan yang perlu mengimbangi perkara-perkara berikut:

1. Soal prinsip - adakah keperluan mengekalkan kemenangan di Selangor atau mengekalkan kemenangan di kerusi-kerusi PKR di seluruh negara mengatasi perkara-perkara prinsip yang selama ini menjadi roh perjuangan PKR? KEADILAN?

2. Soal realiti semasa - apakah situasi sokongan rakyat sekarang kepada setiap parti untuk menilai sama ada pertandingan tiga penjuror yang sangat ditakuti itu benar-benar memberi kelebihan mutlak kepada Umno seperti yang dikehendaki beberapa pihak?

3. Soal tanggungjawab moral - bahawa PKR mempunyai tanggungjawab moral untuk berada di barisan paling hadapan dalam usaha menumpaskan pentadbiran Najib Razak demi membela rakyat. Keutamaan membela rakyat adalah nadi yang menghidupkan parti ini sejak hari pertama saya mengenalinya.

Sudah tentu ketiga-tiga perkara di atas adalah pertimbangan berat dan saling berhubung kait. Ia disukarkan lagi kerana penilaian kepada ketiga-tiga perkara itu banyak bergantung kepada persoalan tahap sokongan pengundi semasa yang tidak dapat dipastikan dengan mudah.

Satu-satunya cara yang paling objektif untuk menentukan tahap sokongan pengundi semasa ialah dengan bersandarkan kepada laporan kajiselidik tahap sokongan pengundi. Masalahnya badan kajiselidik yang berlainan memberi gambaran dan laporan yang sangat berbeza.

Sebab itu, kepimpinan kanan PKR baik di Biro Politik atau Majlis Pimpinan Pusat (MPP) memang berbeza pendapat mengenai perkara ini sejak sebelum pun Pakatan Harapan ditubuhkan. Malah semasa Presiden PKR, Dr Wan Azizah Wan Ismail mengumumkan penubuhan Pakatan Harapan dan saya mengatur langkah-langkah sebelum dan selepas itu, kumpulan yang tidak bersetuju dengan penubuhan Pakatan Harapan telah mengumpul satu petisyen untuk memecat saya dari jawatan Setiausaha Agung ketika itu.

Hakikatnya, perbezaan pendapat itu berlarutan sejak pertengahan 2015 hingga sekarang di antara dua pemikiran berbeza di dalam PKR. Di satu pihak merasakan keutamaan parti yang tertinggi ialah mengekalkan tampuk pemerintahan di Selangor. Oleh itu, sebarang keputusan politik PKR mestilah

mengambil kira terlebih dahulu kesannya kepada penguasaan PKR sebagai tonggak kerajaan Selangor.

Hasil dari pendapat ini adalah mudah: PKR tidak sepatutnya mengambil langkah yang ada risiko kerana sebarang risiko boleh menyebabkan ketidaktentuan kepada kerajaan Selangor. Maka, pihak ini sangat menolak sebarang perbincangan yang boleh menyebabkan berlakunya pertembungan tiga penjuror dalam pilihan raya.

Pendekatan pragmatis begini tidaklah mengejutkan kerana itu perkara biasa dalam politik. Keakraban segelintir sahabat-sahabat pimpinan di dalam PKR dengan Pas dalam perkara ini bukanlah atas kecintaan kepada Pas kerana beberapa orang pemuka utama yang membawa aliran ini (seperti Latheefa Koya, N Surendran dan Sivarasa) mempunyai rekod yang panjang mengkritik Pas sebelum itu.

Di satu pihak lagi merasakan PKR mempunyai tanggungjawab moral untuk terus memimpin pembelaan rakyat melalui pembentukan satu gabungan pembangkang yang berpandukan kepada prinsip keadilan sosial dan merangkumi semua kumpulan, kaum dan agama bagi menyambung usaha yang dimulakan melalui Barisan Alternatif dan Pakatan Rakyat. Relevannya PKR di dalam politik tanahair adalah kerana PKR adalah orang tengah yang menyatukan pelbagai kumpulan dan parti di dalam barisan pembangkang.

Kumpulan ini meletakkan tanggungjawab itu mengatasi kepentingan memenangi kerusi kerana prinsip dan rekod perjuangan adalah lebih penting dari pragmatis politik untuk berkuasa semata-mata. Kemenangan yang menampakkan PKR sanggup mengorbankan prinsip perjuangan akan menyebabkan PKR dilihat sebagai tidak berbeza dengan Umno atau parti-parti lain.

Seluruh dunia tahu bahawa antara pimpinan kanan PKR yang berpendapat begini adalah saya, Saifuddin Nasution Ismail (Setiausaha Agung), Johari Abdul (Ketua Whip), Nik Nazmi Nik Ahmad (Ketua AMK), Tan Yew Kew (Bendahari Agung), Syed Ibrahim Syed Noh (Ketua Penerangan) dan William Leong sendiri.

Sudah tentu perbezaan pendapat dalam perkara besar yang berlanjutan panjang seperti ini akan meresahkan mana-mana parti. Ramai juga pimpinan yang menjadi serba salah kerana perbezaan pendapat di antara dua pihak seperti ini dan kelihatan tersepit di tengah-tengah.

Maka, tugas Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai presiden parti bukanlah mudah. Saya faham beliau terpaksa mengemudi PKR tanpa dilihat menyebelahi mana-mana pihak kerana kedua-dua pendapat tadi masing-masing ada baik dan buruknya. Walau apa pun kritikan terhadap beliau, saya terhutang budi kepada beliau kerana memimpin PKR membidani lahirnya Pakatan Harapan di celah-celah kecelaruan politik negara tanpa mengendahkan bantahan termasuk dari aktivis-aktivis civil society.

Keputusan awal sejak 2015 ialah supaya PKR membina Pakatan Harapan dan dalam masa yang sama mengambil pendekatan

bersaudara dengan Pas atas kepercayaan perselisihan Pas dengan rakan-rakan di dalam Pakatan Harapan dapat diredakan. Matlamat utama ialah untuk membina satu barisan pembangkang yang kuat untuk masuk PRU14 dan kaedah paling logik ke arah itu ialah dengan mendapat persetujuan satu lawan satu di antara parti-parti pembangkang utama negara (termasuk Pas, sama ada ia berada di dalam Pakatan Harapan atau tidak).

Bagaimanapun, dalam keadaan PRU14 semakin hampir dan banyak perkembangan terkini membayangkan Pas tidak akan ber-setuju untuk tidak bertanding di kerusi-kerusi yang diagihkan kepada AMANAH dan PPBM, sudah tentu persoalan timbul sama ada strategi pragmatis untuk terus mendampingi Pas itu wajar.

Pertembungan di antara dua pendekatan ini (pragmatis lawan prinsip) dirumitkan lagi apabila tiadanya persetujuan mengenai laporan kajiselidik yang mana yang perlu dijadikan panduan. Lebih-lebih lagi, laporan kajiselidik yang digunakan kedua-dua pihak bukan sahaja berlainan tetapi dapattannya juga adalah bertentangan.

Kumpulan yang masih mahu mendampingi Pas sering memetik dapatan-dapatan dari Merdeka Centre dan Institut Darul Ehsan yang menurut mereka menunjukkan bahawa Pas adalah parti Melayu yang paling kuat. Oleh itu, sebarang pertandingan tiga penjuror dengan Pas akan menyebabkan Umno menang besar.

Malah, perkembangan terakhir yang mendorong keputusan untuk terus berunding dengan Pas walaupun Pakatan Harapan telah jauh berlari ke depan adalah bersandarkan pembentangan terkini Prof Dr Redzuan Othman (dari Institut Darul Ehsan) dan Prof Mohd Noor Nawawi (dari Unisel).

Mereka memberi pendapat, berdasarkan kajian, pengundi bukan Melayu sangat membenci Umno sehinggakan mereka akantetap mengundi PKR/Pakatan Harapan walaupun PKR dilihat terus berunding dan menjalin kerjasama dengan Pas. Oleh itu, demi mencapai pertandingan satu lawan satu, rundingan mesti diteruskan kerana ia tidak ada kesan besar kepada sokongan pengundi bukan Melayu kepada PKR.

Sudah tentu dapatan kajiselidik INVOKE sangat berbeza malah bertentangan dengan dapatan Merdeka Centre dan Institut Darul Ehsan itu. Seawal Januari 2017, dalam kajiselidik yang terbesar pernah dibuat di negara ini mengenai kecenderungan mengundi, kami dapati undi Umno sudah pun jatuh ke tahap 40%. Itu memungkinkan senario pertandingan 3 penjuror yang berpihak kepada Pakatan Harapan jika undi bukan Melayu kekal tinggi dan Pakatan Harapan berjaya mendapatkan 30% sokongan Melayu. Setakat kajiselidik terkini iaitu Julai 2017, kajiselidik INVOKE menyimpulkan undi Melayu Pakatan Harapan adalah hampir sama dengan undi Melayu

Umno iaitu sekitar 30+ %.

Pertembungan dua set data berbeza yang masing-masing menyokong pendapat satu pihak juga disebabkan oleh latar belakang setiap badan yang mengeluarkan dapatan tersebut.

Mengambil kira hal ini, saya bimbang perkara ini akan terus berlanjutan dalam bulan-bulan terakhir sebelum PRU14 kerana ia mengheret sama Pakatan Harapan dalam keadaan secara rasionalnya, sebarang rundingan di antara PKR-Pas yang tidak melibatkan Pakatan Harapan adalah satu usaha yang mustahil membuahkan hasil.

Saya menyebut begitu kerana PKR tidak boleh merundingkan bagi pihak AMANAH dan PPBM dalam keadaan sebahagian besar tuntutan PAS itu melibatkan AMANAH, PPBM (dan juga DAP). Pas berkehendakkan supaya kerusinya di Selangor dan seluruh negara tidak disentuh. Ini bermakna AMANAH dan PPBM tidak ada kerusi untuk bertanding. Saya tidak yakin PKR dan DAP akan menyerahkan kerusi kepada AMANAH dan PPBM semata-mata untuk memenuhi tuntutan Pas.

Oleh itu, dalam keadaan rundingan itu mustahil membuahkan apa-apa kerana PKR tidak ada kuasa dan mandat untuk memaksakan persetujuannya ke atas Pakatan Harapan, rundingan pada saat ini hanya akan melengahkan rundingan kerusi di peringkat Pakatan Harapan yang sedang berjalan.

Dengan kenyataan demi kenyataan Pas yang bukan sahaja menolak pelawaan kumpulan dari PKR yang mahu berkawan tetapi menghina PKR dari semasa ke semasa, strategi terus melayan karenah Pas dan menyakitkan hati rakan dari Pakatan Harapan hanya akan menyebabkan kekalahan seberapa ramai calon PKR termasuklah dari kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan pendekatan itu.

Ini kerana dalam proses cuba memujuk Pas itu, PKR akan dilihat tidak berprinsip dan mementingkan diri. Apabila rundingan itu gagal akhirnya (kerana ia mustahil dicapai seperti disebut di atas), PKR bukan sahaja tidak mendapat undi dari penyokong Pas, malah hilang undi bukan Melayu dan pengundi tegar Pakatan Harapan yang marah dengan tindakan membelakangkan Pakatan Harapan itu.

Itulah latar belakang kenapa tidak ada titik pertemuan atau kompromi di kalangan pimpinan PKR di peringkat Biro Politik atau Majlis Pimpinan Pusat mengenai isu ini. Perbezaan pendapat ini berlanjutan terlalu lama dan kita tidak lagi boleh mengheret anggota biasa PKR dan rakyat keseluruhannya ke dalam kancang ini.

Saya mengesyorkan satu Kongres Khas kebangsaan dipanggil dengan segera untuk memutuskan perkara ini dengan melibatkan pengundian perwakilan cabang-cabang PKR dari seluruh negara seperti yang diperuntukkan Perlembagaan Parti. Setelah undian dibuat dan kedua-dua pihak ada peluang yang adil untuk membentangkan hujah masing-masing, saya yakin apa pun keputusannya keseluruhan anggota PKR dari atas hingga bawah bertanggungjawab memikul apa-apa kesan dari keputusan itu tanpa boleh menuding jari kepada satu pihak lagi.

Warisan

Oleh **NURIMAS SN**

ANGIN perubahan tetap akan berlaku. Yang lama bertapak pasti akan tumbang juga. Tiada yang kekal di dunia ini. Itu kepastian! Jangan bimbang atau gusar kepada apa yang berlaku. Cumanya, yang tidak sedap didengar, tak seronok dirasa adalah apabila yang terkena itu batang hidung kita sendiri. Itu sahaja!

"Ah, hujan makin lebat ni, Mempari..." Kempas yang telah sekian lama menjadi jirannya jelas resah. Mempari melenggukkan dahannya ke arah Kempas sambil tiupan lengkisau terus menarik-narik ranting dan daunnya seakan berdansa layaknya.

Dua batang pokok yang menjadi warga emas sejak zaman kolonial itu mencongak nasib. Di bawah mereka sebatang jalan usang yang menjadi kebanggaan sejak bertahun. Setiap orang yang lalu-lalang, ulang-alik masuk dan ke luar kampung akan menggunakan perkhidmatannya. Mempari bangga kerana menjadi ikon kampung tersebut sejak sekian lama.

"Iyalah, dah tiba masanya," ujar Mempari.

Sebenarnya bagi Kempas dan Mempari, turunnya hujan menjadi lebih menguntungkan kerana mereka tidak perlu bersusah-payah untuk meneguk air. Tidak perlu mengarahkan banir yang telah tua menjalar jauh ke perut bumi untuk menyerap air galian.

Cuma kadang-kadang kehadiran hujan sesekali menjadi kuat dan diiringi taufan akan memberi risiko kepada dahan dan tubuh mereka sendiri seperti tragedi tahun lepas. Anak remaja Merawan dan Perapat terkorban dilanda beliu yang melanda habitat mereka. Begitu juga dengan Pulau dan Balau yang cacat seumur hidup apabila dahan induknya patah. Keruing, Cengal dan Gaharu juga mengalami nasib serupa walaupun tidak sampai ke tahap ICU kecederaannya.

Lebih merisaukan lagi apabila hujan menggilakan menjadikan struktur jalan menjadi lekit dan rosak. Al maklum jalan itu terbina bukan dari kerikil tiga suku atau aspal mewah. Ia hanyalah sebatang jalan tanah merah yang diambil dari kaki bukit. Itu yang termampu pemerintah bagi, menurut kata Tuk Ketua Jajahan, Ilham Semelai.

Jalan itu adalah warisannya yang kedua

selepas nama kampung itu sendiri. Mempari tidak mahu nama Mempari itu akan tercemar, apa lagi pupus dari muka bumi seterusnya padam dari litar sejarah. Jalan itu walaupun cuma dari tanah laterit, tetapi itulah laluan utama penduduk kampung. Pendek kata jalan itu merupakan lebu utama.

Hujan yang berterusan sejak tiga hari lalu itu telah mengubah tekstur dan rupa wajah jalan tersebut. Penunggang basikal dan motosikal selalu tersekat kerana tanah terselit di sepit udang atau 'mudguard'. Cuma traktor pengangkut balak sahaja tidak hirau, terus sahaja bergerak memunggah hasilan. Hingga akhirnya jalan menjadi semakin punah kerana asakannya.

Malang bagi anak-anak ke sekolah, ramai yang terpaksa ponteng kerana tidak tahan mencuci kasut dan uniform yang sentiasa kotor apabila melalui jalan tersebut. Musim hujan, menyukarkan ibu-ibu mencuci dan mengeringkan kain-baju.

Dari pucuk Mempari yang mereyup itu, dia dapat melihat pula papan tanda 'Jalan Mempari' yang menjadi petunjuk pengguna mulai condong dan bila-bila masa sahaja akan tumbang. Gementar hatinya bukan main kerana jika tumbang pasti orang tidak dapat lagi mengenal nama jalan tersebut. Dan legasinya akan hilang jika tidak dibaik pulih segera. Mempari debar.

Selang dua hari, hujan mulai reda. Tidak jadi bah tahun ini, bisik Kempas. Segunung kesyukuran bernaung di empulur jantungnya. Cuaca kembali terik. Penduduk Kampung Mempari menjalani rutin harian seperti biasa.

Namun kegundahan lain pula menyerang Mempari. Papan tanda yang rosak telah rebah dan tidak diganti lagi hingga sekarang. Apa tindakan Tok Ketua Ilham Semelai dalam hal ini, makan gaji butakah? Mempari menyumpah-nyumpah.

Sedang Mempari bermonolog, tiba-tiba dia dikejutkan dengan kehadiran segerombolan manusia berjentera berat. Ada yang manaiki traktor, lori dan pacuan empat roda. Dalam kalangan mereka Tok Ketua dan setiausahanya Yanur ada sama. Seorang lelaki Cina bertopi koboi keluar dari kenderaan pacuan empat roda tadi. Mereka menuding-nuding ke arah Gaharu di hujung sana. Entah apa yang mereka perkatakan tidak jelas di deria Mempari.

Dua hari kemudian, kelihatan beberapa

jentera berat meratah flora dan membersihkan laluan sepanjang kira-kira 200 meter. Tidak lama, lori-lori pengangkut tanah berpusu-pusu ke lokasi tersebut memuntahkan muatan. Tiga buah jentera jengkaut pantas pula menyambut dan meratakan longgokan tanah membentuk seakan-akan jalan. Semakin lama semakin jauh dan besar jalan yang dibuat itu.

"Mempari, Mempari... kau tahu tak?" jiran baiknya Kempas terkocoh-kocoh mengejutkan Mempari yang sememangnya tidak lena sejak semalam, segera memalingkan muka pucatnya ke arah Kempas.

"Tahu apa, Kempas?" sejarang resah memerangkap wajah tuanya. Memang sejak sekian lama tiada siapa yang berani mencabar posisinya sebagai herba paling senior di petempatan itu. Kempas juga menghargainya.

"Tok ketua nak bina jalan baru! Yang Berhormat sudah luluskan peruntukan," utus Kempas beriya-ya. "Mereka akan menggantikan jalan lama kau itu."

Ayat terakhir itu paling menyakitkan pendengaran Mempari. Habishlah satu legasinya yang gah sekian lama. Sudah tentu akan pupus nama Jalan Mempari yang menjadi ikon kampung itu. Patutlah Tok Ketua Jajahan dan Yanur tak hirau pun pasal papan tanda yang tumbang lewat seminggu lalu itu.

"Ceh, ini tak boleh jadi! Mereka lupakah sebab akulah kampung ini mendapat nama. Mereka juga lupakah selama ini mereka menggunakan kulit badanku, dicampur daun kelici dan sembung untuk jadi terapi demam dan kencing manis penduduk," Mempari menghitung koloni jasanya. Mahu dilupakankah segalanya?

Mempari menghitung-hitung setiap jasa dan budi yang kononnya telah diberi sekian lama. Betapa dia menaungi anak-anak herba lain di bawahnya dari pancaran mentari terik. Mempari akui itu hasil kukuh batangnya dan rimbun daunnya.

"Celaka betul tauke Cina dan drebar-drebar lori itu. Dia tak tahu ke itu jalan aku, mengambil sempena nama aku. Mempari, satu-satunya pohon hutan yang paling berpengaruh di sini," ia mengomel sendiri.

Semakin dia berleter, semakin rancak pula lori-lori mengangkut tanah, traktor dan jengkaut itu beroperasi.

Habis anak-anak merapuh, akasia dan sebaris

kelapa sawit Apai Jebat dan Tun Zaza ranap menjadi mangsa untuk membina jalan baru itu. Rumput dan herba kecil seperti sendayan, kenduduk dan setan gondol tak payah kiralah. Lunyai semua dilenyek jengkaut tak berhati perut.

Kini, jalan baru yang belum bernama telah siap terbina. Paling dicemburui Mempari ialah apabila jalan itu siap dialas batu putih dan tidak berapa lama lagi tentu akan ditar. Kampung Mempari akan berwajah baharu dengan jalan dan persekitaran yang lebih cerah. Pokok-pokok di kiri kanan jalan telah ditebas dan diganti pohonan hiasan seperti bourgenvile, dan tumbuhan renek seperti pokok saga dan bunga raya.

Mempari kerling sinis ke arah jalan yang semakin ramai orang melaluinya. Meninggalkan jalan lama yang kini terbiar dengan seri pagi serta herba lain menjalar sampai ke tengah. Tiada siapa lagi yang melalui Jalan Mempari itu kecuali beberapa orang jemaah ke surau.

Mempari renta tunduk pilu mengenangkan batang tubuhnya yang juga kian uzur dimamah usia. Dia lihat papan tanda Jalan Mempari yang makin musnah dimakan anai-anai. Dan dia mula merasakan banir dan perduanya terasa sakit seakan ada makhluk perosak yang mula menusukkan bisa racunnya.

Epidermisnya terasa ngilu dan seram sejuk pula sesekali lengkisau kuat menggoncangkan batang tubuhnya. Seakan tanah maha mereka mahu memisahkan cengkaman akarnya pada laterit dan batuan yang selama ini membantunya berdiri tegap.

Di sebelah jalan baharu yang gah itu, sepon Gaharu yang juga memiliki legasi tersendiri kelihatan seakan mengukir senyuman penuh misteri. Mempari dan timbalannya, Kempas memandang gusar dari jauh sambil cuba mentafsir apakah erti senyuman Gaharu itu.

Begitulah edaran dunia dan kronologi kehidupan. Akan tiba juga masanya kehancuran dan kejatuhan sesuatu legasi. Apatah lagi kalau sepanjang kekuasaannya itu banyak berlaku ketidakadilan dan kerosakan. Pasti akan ada yang bakal mengganti. Empulur hati Mempari dan Kempas semakin kecut. Tunggalah!



Kirim cerpen dan puisi kepada karyakreatifamanah@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu.

MERDEKAKAN DARI KLEPTOKRASI

60 tahun berlalu
pejuang tanahair syahid demi pertiwi
menentang tanahair ini dari dijajah
akhirnya dihalau keluar dan digelar Merdeka!

Merdeka!
tanahair ku sudah merdeka
60 tahun sudah bebas dari penjajah
berkembang dan membangun dengan peluh dan perih
akhirnya pertiwi ini gah di persada dunia

Namun
ada jajahan baru di tanahair ini

bukan penjajah datang bertandang
ianya lahir dan besar subur di sini
meragut kemerdekaan insani
meragut harta pertiwi
dialah si kleptokrasi

Ayuhlah wahai pencinta merdeka
kita mengembeling tenaga bersama
kita nyahkan si kleptokrasi ini
agar hasil pertiwi sama rata kita rasa
jerih lelah dan peluh kita bangunkan negara
dinihari telah dimamah oleh mereka
usah lagi percaya dengan nyanyian lagu indah

yang sering mereka perdengarkan ke kita
cukup, cukup sudah
kita penat bekerja
mereka yang kaya raya

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

AZIZ AL-QADRI



Rumah mampu milik jadi alat pindah pengundi

BATU PAHAT: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digesa menyiasat penyalahgunaan kuasa pemimpin Umno dalam proses permohonan rumah mampu milik Johor (RMMJ) bagi membolehkan parti itu menambah pengundi di sesuatu kawasan secara terancang melalui kaedah yang tidak sah di sisi undang-undang.

Malah Pakatan Harapan (PH) Johor mahu akuan bersumpah bekas broker jualan rumah, Umi Kalsom Jaafar dan Abdul Hamid Soaip pada 23 Februari 2017 yang mengakui kegiatan penambahan pengundi di parlimen Gelang Patah dilakukan dengan pertukaran kepentingan dalam proses permohonan RMMJ di bawah Kuota Menegak Kerajaan (KMK) disiasat SPRM.

Dalam satu kenyataan media bersama AMANAH, DAP, PKR dan PPBM Johor, SPRM juga digesa segera membuka kertas siasatan terhadap kes ini termasuk membuat siasatan terhadap amalan KMK yang bukan merupakan polisi Dasar Perumahan Rakyat Johor 2012.

Siasatan SPRM ini, ujar PH penting terutama dalam usaha

menghapuskan budaya rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kerajaan negeri Johor.

"Pada bulan Mac yang lalu, media telah melaporkan bahawa seorang pemimpin Pemuda Umno ditahan polis di bawah Seksyen 420, Kanun Keseksaan berhubung dengan kes penipuan pembelian RMMJ. Walau bagaimanapun, tiada sebarang perkembangan lanjut tentang kes tersebut sehingga sekarang.

"Mengikut maklumat terkini yang diperolehi, kes ini bukannya kes penipuan biasa, tetapi melibatkan salahguna kuasa dan dipercayai mempunyai unsur rasuah dalam proses permohonan RMMJ. Justeru itu, SPRM wajib menyiasat kes ini," kenyataan media itu dipetik.

Umi Kalsom Jaafar @ Jaffery dan Abdul Hamid Soaip dalam kenyataan bersumpah mereka bertarikh 23 Februari 2017 mengakui kegiatan penambahan pengundi di Parlimen Gelang Patah dilakukan dengan pertukaran kepentingan dalam proses permohonan RMMJ di bawah KMK.

Umi Kalsom mengakui bahawa beliau bertindak sebagai broker permohonan RMMJ melalui Kuota KMK dengan dibantu Ketua

Pemuda Umno Gelang Patah Abdul Hamid Soaip dan Ketua Umno Gelang Patah Mohammad Khairi A. Malik.

"Kedua-dua pemimpin Umno ini telah memberikan pertolongan kepada perniagaan broker Umi Kalsom dan sebagai balasan Umi Kalsom telah melaksanakan kerja-kerja penambahan seramai 3,000 orang pengundi di Parlimen Gelang Patah khususnya di Dun Nusajaya.

"Umi Kalsom juga mengakui menerima sejumlah bayaran yang ditetapkan oleh beliau sendiri daripada setiap pemohon RMMJ," kenyataan bersama itu dipetik.

Setiasua politik menteri besar Johor Mohammad Khairi A. Malik diyakini mengetahui urusan niaga tersebut malah terlibat dalam memberi pertolongan kepada Umi Kalsom.

"Jelas sekali Mohammad Khairi A. Malik telah menyalahguna kuasa jawatan yang disandangnya dalam kerajaan untuk tujuan tersebut.

"Oleh itu, Pakatan Harapan Johor mendesak supaya Mohammad Khairi A. Malik meletakkan jawatan sebagai Setiausaha



Timbalan Pengerusi AMANAH Johor Dzulkefly Ahmad membacakan kenyataan media PH Johor.

Politik kepada YAB Menteri Besar Johor," ujar kenyataan itu.

PH Johor menegaskan bahawa pemimpin Umno negeri terbukti telah menyalahguna kuasa dalam proses permohonan RMMJ demi menjaga kepentingan kroni-kroni dalam rangkaian politik mereka.

Kes ini juga, tambah mereka membuktikan Umno telah melakukan aktiviti menambah pengundi di sesuatu kawasan secara terancang melalui kaedah yang tidak sah disisi undang-

undang.

"Dengan ini, Pakatan Harapan Johor mendesak SPRM agar segera membuka kertas siasatan terhadap kes ini termasuk membuat siasatan ke atas amalan kuota KMK yang mana ianya bukanlah merupakan sebahagian daripada polisi dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor 2012.

"Siasatan SPRM ini penting terutama dalam usaha untuk menghapuskan budaya rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kerajaan negeri Johor," kenyataan itu dipetik.

PH Johor akan cabar semua kerusi BN

JOHOR BAHRU: Pakatan Harapan (PH) Johor sudah bersiap siaga untuk bertanding di semua kerusi Umno-BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Dalam sidang media di ibu pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di Taman Kempas Utama Johor, 22 Ogos lalu, Pengerusi PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata situasi dan keadaan di Johor sudah sampai ke tahap matang untuk PH mengambil alih pentadbiran negeri daripada BN.

"Ini berdasarkan fakta, data dan tinjauan yang telah dibuat sejak beberapa tahun kebelakangan ini," katanya.

Menurut Muhyiddin, Pengarah Pilihan Raya PH Salahuddin Ayub diberi tugas untuk menggerakkan jentera parti di semua peringkat,

menyusun strategi dan menentukan persiapan PRU di setiap kawasan Parlimen dan Dun.

"Kesemua kerusi akan dicabar terutama kerusi di BN. Kita mahu persiapan sampai ke PDM (Pusat Daerah Mengundi) dalam kerangka yang diputuskan oleh SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya).

"Jentera parti di peringkat akar umbi di bilik gerakan sudah disediakan bagi meninjau tahap kesiapsiagaan setiap parti di peringkat negeri Johor," ujarnya.

Muhyiddin menjelaskan, proses rundingan kerusi PH di Johor sudahpun dimulakan di peringkat Parlimen dan sebahagiannya sudah diputuskan disusuli perundingan bagi kerusi peringkat Dun.

"Hari ini kita ada bincang untuk

segerakan perundingan itu (sebahagian kerusi Dun) untuk memudahkan parti beri perhatian di kawasan berkenaan.

"Secara rasmi sudah diputuskan dan menunggu di bawa rundingan ke peringkat nasional. Jika ada pertindihan antara parti kita akan selesaikan bersama.

"Semangat yang kita mahu wujudkan dalam perbincangan adalah persefahaman," katanya.

Menurut beliau, keputusan muk-tamad pembahagian kerusi pilihan raya akan dibuat pucuk pimpinan PH di peringkat pusat.

Muhyiddin turut menolak tanggapan bahawa beliau akan dipilih sebagai menteri besar jika PH berjaya membentuk kerajaan di Johor.

Peralihan 15% undi Melayu menangkan PH di Kelantan, T'ganu

KUALA LUMPUR: Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang yakin peralihan 15 peratus undi Melayu kepada Pakatan Harapan (PH) membolehkan pakatan itu menang di Kelantan dan Terengganu

Menurutnya, peralihan 15 peratus undi Melayu itu membolehkan PH memenangi 37 daripada 45 kerusi

Dun di Kelantan dan 22 daripada 32 kerusi Dun di Terengganu walaupun dalam pertandingan tiga penjuru dengan Pas.

"Sebelum ini, saya telah mengatakan formula 10 dan 5, iaitu 10 peratus peralihan undi Melayu terhadap BN dan 5 peratus peralihan bukan Melayu terhadap BN membolehkan

Pakatan Harapan menawan 113 kerusi Parlimen PRU14.

"Tetapi formula ini tidak mencukupi untuk Pakatan Harapan menawan Kelantan dan Terengganu. Ini kerana kedua-dua negeri ini, bilangan undi bukan Melayu sedikit dan ini bermakna tumpuan kedua-dua negeri ini adalah pada pengundi

PH akan bentuk kerajaan di Melaka, kata Kit Siang

KUALA LUMPUR: Peralihan 15 peratus undi Melayu dan lima peratus undi bukan Melayu di Melaka akan memberikan kemenangan kepada Pakatan Harapan (PH) sekaligus membentuk pentadbiran baharu, kata Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang.

"Jika ini berlaku, PH akan menang 17 daripada 28 kerusi negeri (Dun) dan mengambil alih pentadbiran kerajaan BN di Melaka," katanya.

Bagaimanapun, tugas merampas kerusi dari BN katanya bukanlah perkara yang mudah dan memerlukan kerjasama padu semua pihak dalam PH.

"DAP akan mula bekerja dalam semangat mendiang Kerk Kim Hock, bekas setiausaha agung parti dan juga bekas Ahli Parlimen Kota Melaka," katanya.

Menurut Kit Siang, cabaran demi cabaran dalam kepimpinan DAP Melaka sebelum ini tidak wajar dijadikan alasan untuk tidak bekerjasama demi masa depan Melaka yang lebih baik dalam pilihan raya umum akan datang.

"Jika DAP Melaka tidak boleh bersatu dalam misi kita menumpaskan Najib dan kerajaan kleptokrasi dalam PRU14 ini, maka peluang berlakunya tsunami rakyat Malaysia sebanyak 15 dan 5 peratus semakin kecil.

"Tetapi, jika kita boleh membuka jalan dan bekerjasama dalam satu pasukan Pakatan Harapan yang kukuh dan bersatu, kita pasti akan mewujudkan momentum tsunami politik di Melaka," katanya lagi.

Melayu," katanya.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu berkata, peralihan 10 peratus undi Melayu BN hanya bolehkan Pakatan Harapan menang 18 daripada 45 kerusi Dun di Kelantan dengan BN menang 19 dan Pas 8 kerusi.

Katanya, bagi memastikan kemenangan Pakatan Harapan, peralihan sokongan 15 peratus undi Melayu terhadap BN perlu berlaku serta undi Melayu pergi ke Pakatan Harapan.

Jentera pilihan raya AMANAH berpengalaman

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Walaupun baru dua tahun ditubuhkan, namun AMANAH mempunyai jentera pilihan raya yang berpengalaman luas memandangkan hampir semua yang memegang jawatan portfolio berkaitan pilihan raya pernah berkecimpung selama berpuluh tahun dalam kerja-kerja pilihan raya.

Presiden AMANAH, Mohamad Sabu ketika merasmikan Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan, 20 Ogos lalu berkongsi situasi tersebut sepanjang pengalamannya selama 40 tahun bersama Pas.

"Berpuluh tahun bersama parti lama (Pas) bila saya merasmikan, tidak pernah lihat ahli-ahli di Wilayah Persekutuan yang hadir begini ramai di muktamar seperti yang ada dalam dewan ini sekarang.

"Yang datang dalam AMANAH ini hampir semuanya dulu menggerakkan jentera pilihan raya. Merekalah dalam AMANAH sekarang," katanya di depan perwakilan dan pemerhati di dewan TKP, Central Plaza, Jalan Sultan Ismail, dekat sini.

Sehubungan itu, Mohamad menyeru supaya jentera pilihan raya di peringkat akar umbi masing-masing saling membantu bagi mengukuhkan Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) ini.

"Kita saling menampung. Kita saling bekerjasama, kalau tempat itu tiada jentera (pilihan raya), AMANAH akan bantu," ujarnya.

Beliau berkata, Wilayah Persekutuan dan semua negeri lain harus menyumbang

sebanyak mungkin kerusi kemenangan pada pilihan raya akan datang untuk mendapat mandat di Putrajaya.

"Mahu perintah perlu 120 (kerusi Parlimen), 112 paling sedikit, 130 agak selesa. Boleh sampai (menang 130). Kita harus menang semua di Wilayah (Persekutuan).

"Pulau Pinang kena menang 15 kerusi. Selangor begitu juga. Johor sekurang-kurangnya 12 daripada 26," jelas Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi dan Mobilisasi Pakatan Harapan itu.

Walau bagaimanapun, beliau berpendapat hasrat itu hanya akan tercapai sekiranya segenap lapisan rakyat Malaysia melakukan perubahan dengan menolak Umno-BN.

"Mood rakyat (undi Pakatan Harapan) memang ada. Sokongan Cina janganlah kita kalih. Jangan mana-mana kaum lari. Memang kita boleh dapat (menang pilihan raya)," katanya.

Tambah Mohamad, rakyat hanya mempunyai dua pilihan iaitu Pakatan Harapan atau BN untuk diangkat sebagai pemerintah kecuali segelintir penyokong taksu yang tegar dengan parti sendiri.

"Kita kuat kerana parti. Dalam pilihan raya, orang akan pilih siapa nak jadi pemerintah. BN atau Pakatan Harapan? Yang mana hendak memerintah, sebab itulah kita kena bekerjasama.

"Pilih Pakatan Harapan tolak BN melainkan ahli 'hardcore' atau pun istilah orang sebut sekarang 'walaun'," ujarnya lagi dalam nada berseloroh.

Undi teras Melayu



Dewan TKP Central Plaza di Jalan Sultan Ismail dipenuhi perwakilan dan pemerhati sempena Konvensyen AMANAH Wilayah Persekutuan.

Dalam hal berkaitan, Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam wawancara sebanyak dua muka surat di akhbar Berita Berita Harian edisi Ahad menguar-uarkan kekuatan partinya yang membentuk blok ketiga bersama Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

Beliau yang ditemu bual ketika masih lagi bercuti rehat selepas menjalani pembedahan penggantian injap di Institut Jantung Negara (IJN) pada 16 Mei lalu memberitahu, partinya mempunyai 195 kawasan daripada 222 kerusi Parlimen dan 7,063 cawangan di seluruh negara.

"Pada pilihan raya umum lalu, kebanyakan

jentera Pas yang membantu memenangi calon pakatan pembangkang daripada PKR dan DAP," katanya.

Abdul Hadi turut yakin gabungan Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM adalah pakatan rapuh yang tidak memberi keuntungan kepada Islam dan tidak berjaya mendapat undi teras Melayu.

Bahkan beliau menganggap kewujudan AMANAH sebagai tidak memberi sebarang kesan kepada politik tanah air.

"Parti itu (AMANAH) tidak boleh menggantikan Pas sebab tidak mendapat sokongan Melayu seperti Pas iaitu parti didukung oleh orang Melayu dan diterima oleh bukan Islam," katanya.

Tanding 42 kerusi hanya 'angan Mat Jenin' Pas

SHAH ALAM: Hasrat Pas untuk meletakkan 42 calon bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) pada pilihan raya umum akan datang disifatkan sebagai 'angan-angan Mat Jenin' oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Selangor Datuk Abdul Rashid Asari.

Abdul Rashid berkata, walaupun baru dua penggal mentadbir Selangor, pakatan parti pembangkang yang menerajui negeri semakin matang dan mendapat sokongan rakyat khususnya selepas penyertaan PPBM.

"Usaha dilakukan Umno dan Pas sekiranya mahu bekerjasama merampas Selangor hanya angan-angan Mat Jenin sekiranya Pas mahu bertanding 42 kerusi Dun.

"Kali ini dengan adanya PPBM akan bertambah kuat dan matang PH Selangor. Rakyat Selangor berpuashati dengan kerajaan Selangor yang ada hari ini," ujarnya kepada Malaysia Dateline.

Beliau mengulas laporan Straits Times Singapura tentang kerjasama politik Pas-Umno bagi menghadapi pilihan raya umum.

Pas masih kekal dalam pentadbiran negeri Selangor walaupun telah memutuskan hubungan politik dengan DAP, Keadilan dan Pakatan Harapan atas alasan menang di negeri itu dengan tiket Pakatan Rakyat yang telah berkubur.

Pakatan Harapan ditubuhkan pada 16 September 2015 bagi menggantikan Pakatan Rakyat dan kini dianggotai AMANAH, Keadilan, DAP dan PPBM.

Abdul Rashid menambah, walaupun PH Selangor belum mengumumkan secara rasmi pembentukan struktur kepimpinan

negeri, beliau optimis pembentukan struktur PH negeri dalam waktu terdekat akan lebih memantapkan PH.

"Apabila PH Selangor ditubuhkan secara rasmi ini akan memantapkan lagi PH.

"Jika berapa banyak kerusi pun yang mahu Pas bertanding kita akan lawan habis-habisan.

"Jika mereka nak berbincang tentang kerusi tidak akan berlaku kerana dalam PH kita ada jawatankuasa teknikal untuk membincangkan pembahagian kerusi pilihan raya khususnya di Selangor," katanya.

Majoriti ahli PPBM Tasek Gelugor bekas ahli Umno

Oleh MOHD ALI HASHIM

TASEK GELUGOR: Umno-BN tidak lagi mampu mengekalkan kemenangan di kawasan parlimen Tasek Gelugor pada pilihan raya umum (PRU) akan datang ekoran perubahan sikap pengundi dan penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang diterajui Tun Mahathir Mohamad.

Malah rekod kemenangan BN dengan kemenangan tipis pada PRU lalu di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Teluk Air Tawar yang diwakili Ketua Pembangkang Dun Pulau Pinang, Datuk Jahara Abdul Hamid dengan majoriti 840 undi serta Dun Sungai Dua dengan majoriti 357 undi sukar dipertahankan.

Timbalan Pengerusi PPBM Bahagian Tasek Gelugor Azmi Alang menjelaskan, keahlian PPBM yang telah mencecah lebih 3,000 orang adalah satu tamparan hebat kepada Umno

Bahagian Tasek Gelugor yang diterajui Datuk Shahbudin Yahaya yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor.

"Lebih 80 peratus ahli PPBM di Parlimen Tasek Gelugor terdiri daripada pemimpin Umno cawangan dan penyokong tegar mereka.

"Selain itu terdapat juga ahli Pas yang telah muak dengan permainan politik pemimpin atasan mereka menyertai PPBM dan AMANAH.

"Yang terbaru adalah penyertaan 120 orang ahli Umno yang menyerahkan borang keahlian PPBM dari cawangan Permatang Tok Bidan, Permatang Binjai, Permatang Tok Jaya dan Pekan Darat," ujarnya lagi.

Menurut Azmi lagi, kegagalan Umno membela golongan miskin dan orang kampung menyebabkan mereka semakin tertekan dan menyertai parti pembangkang.

"Para pemimpin Umno di Parlimen Tasek Gelugor hanya mementingkan kroni-kroni

mereka sahaja.

"Dahulu semasa Datuk Seri Shariff Omar memimpin Umno Tasek Gelugor, beliau telah berjaya melaksanakan pengambilan tanah untuk pembinaan Masjid Simpang Tiga yang berdiri megah kini.

"Namun kini Umno Tasek Gelugor sudah tidak lagi mempunyai keupayaan untuk memberi pembelaan kepada golongan marhaen di kampung-kampung," tegasnya.

Beliau menambah, kesedaran golongan luar bandar kini menyebabkan mereka mulai bangkit menolak Umno.

"Kehadiran Zahid Hamidi dengan program kenduri rakyat di Tasek Gelugor baru-baru ini tidak mampu menyuntik semangat ahli Umno di kawasan ini.

"Kedatangan Zahid di sini dan Najib di Permatang Pauh tidak memberi apa-apa manfaat kepada pengundi dan rakyat.

"Mereka kerahkan semua agensi kerajaan,

pelajar sekolah, maktab dan penjawat awam untuk hadir bagi menunjukkan sokongan kepadakedua-dua pemimpin Umno tersebut," katanya lagi.

Azmi yakin 60,000 pengundi Tasek Gelugor akan memberi tamparan hebat kepada Umno dan BN dalam PRU akan datang.

"Penduduk miskin di Tasek Gelugor yang menjual petai, menjual tapai, memanjat pokok buah kelapa juga tidak diberi pembelaan oleh Umno.

"Apa lagi yang menjual daun pandan, pisang dan ubi kayu serta kangkung dan bayam turut hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Manakala pimpinan Umno Bahagian hidup senang lenang, yang kaya semakin kaya, yang papa dan kedana tidak dibela sehingga kini," keluhnya kesal.

Sehubungan itu beliau menyeru pengundi di Tasek Gelugor memberikan mandat kepada Pakatan Harapan untuk membawa perubahan yang lebih baik dalam PRU akan datang.

PH akan menang kerana bersatu, kata Tun M

MACHANG: Pakatan Harapan (PH) akan menempa kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang kerana semangat untuk bersatu di kalangan semua anggotanya.

"Kita akan menang kerana kita bersatu," kata pengerusi PH, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan pelancaran PH peringkat negeri Kelantan dekat sini, 25 Ogos lalu.

Peribahasa "bersatu itu teguh bercerai robah", katanya telah disebut sejak lama oleh rakyat negara ini dan beliau yakin ia sedang diperkukuhkan dalam agenda PH.

"Kita semua berjuang untuk seluruh rakyat dan bukannya melakukan kerja untuk parti masing-masing.

"Memang kita datang dari pelbagai latar belakang, fahaman dan ideologi serta kaedah dan cara kerja tersendiri.

"Tetapi kali ini kita bersama untuk mencapai niat dan sasaran sama untuk menjatuhkan kerajaan (Datuk Seri) Najib dan penyokongnya," tegas beliau.

Rakyat katanya, kini jelas bahawa yang sedang merosakkan negara ini ialah Najib.

"Hanya mereka yang disumbat dedak oleh Najib saja yang tidak akan bersama kita menyelamatkan negara," katanya.

Kaedah pemerintahan Umno dan BN di bawah Perdana Menteri sekarang me-

nurut beliau adalah melalui cara sogokan.

"Dalam mesyuarat Umno sekarang semua diam dan hanya angguk dan langsung tak ada suara.

"Untuk berkata 'ya' pun tak boleh takut terkeluar dedak yang disumbat penuh mulut," katanya.

Dalam PH beliau tidak mahu tradisi angguk ini menjadi amalan parti-parti yang menganggotainya.

"Kita bebas bersuara dan amalkan demorasi.

"Percayalah bila kita menang dan menubuhkan kerajaan, rakyat bebas bersuara seperti yang dikehendaki oleh lunas-lunas demokrasi," katanya.

Menurut beliau, bagi memastikan kemenangan dapat dicapai, semua parti hendaklah melupakan sementara kepingan masing-masing dan memberi tumpuan kepada agenda besar bersama.

"Tugas terpenting semua kita sekarang adalah menjatuhkan parti lawan Barisan Nasional (BN) dan sekutunya.

"Semua mesti bersama rakyat menjatuhkan kerajaan kleptokrasi yang ada sekarang," katanya.

Beliau mahu rakyat disedarkan supaya tidak takut untuk menjatuhkan kerajaan melalui kaedah demokrasi.

"Ini negara kita semua dan bukannya



Tun Mahathir berucap pada majlis pelancaran PH Negeri Kelantan di Machang.

negara Najib seorang. Kerajaan kleptokrasi memang mahu rakyat dipaksa tunduk tanpa soal kepada pemerintah.

"Kita mahu cara ini dihentikan dan demokrasikan yang memberi hak kepada semua rakyat bersuara dikembalikan semula," katanya.

Pengerusi PH itu tiba di tapak pelancaran PH Kelantan sekitar jam 11 pagi disambut

meriah dengan bacaan selawat, laungan takbir dan "Hidup Tun!".

Turut berucap di majlis itu Timbalan Presiden PH yang juga Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Ketua Wanita PH Nasional Zuraidah Kamaruddin, Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang, Timbalan Presiden PPBM Datuk Mukhriz Mahathir dan Penasihat PH Kelantan Datuk Husam Musa.

Hilang 3% sokongan tamatkan penguasaan Pas Kelantan

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

KOTA BHARU: Pas tidak akan mampu mempertahankan kerajaan negeri yang diterajunya jika hilang 3% undi yang diperolehinya pada pilihan raya umum lalu, kata Naib Pengerusi AMANAH Kelantan Che Ibrahim Mohamad.

Che Ibrahim mengulas kenyataan Pengarah Pusat Penyelidikan Pas Dr Zuhdi Marzuki kononnya sokongan terhadap AMANAH merosot kepada hanya 0.5% kerana parti itu didakwa berdolal dalik dalam isu Memali.

Seorang ahli akademik pro-Pas dari UUM, Dr Kamarulzaman Yusof menularkan kajian yang didakwa dibuat sebuah badan penyelidik bahawa sokongan terkini rakyat terhadap AMANAH adalah 1%.

Dapatan kajian itu bagaimanapun dipertikaikan profesor sains politik UKM, Dr Mohd Agus Yusof yang menyifatkannya sebagai

tidak masuk akal.

"Antara faktor penyumbang kepada kehilangan 3% undi ini katanya termasuklah keberuntungan melampau Pas Kelantan kepada arwah Tok Guru Nik Aziz (TGNA) sehingga selepas kematiannya, menyebabkan ramai pengundi tidak berparti tidak lagi menyokong Pas.

"Pemimpin pengganti pula gagal meneruskan gaya pentadbiran Almarhum terutama di sudut gaya hidup dan sikap yang ditunjukkan," kata Che Ibrahim.

Beliau menambah, kelemahan tadbir urus sehinggalah hampir tiada dasar atau pendekatan baru pasca TGNA yang boleh memikat hati rakyat.

"Imej buruk yang ditonjolkan oleh beberapa pemimpin baru Pas juga mengecewakan.

"Krisis pentadbiran kerajaan dan parti sehingga terpecahnya Datuk Husam Musa dan penyingkiran

dan penyisihan siapa saja yang dilihat sebagai 'orang Husam' dari lantikan politik dan jentera Pas," ujarnya.

Menurutnya lagi, kelahiran AMANAH dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang bergabung dalam PH sebagai parti alternatif kepada Pas dan BN untuk mentadbir Kelantan turut memberi kesan.

Oleh itu, beliau yakin persepakan dan tawaran terbaik PH sebagai kerajaan baru Kelantan akan menjadi pilihan pengundi tidak berparti dan mereka yang kecewa dengan Pas dan BN.

"Kehilangan kepercayaan rakyat kepada Pas dan penolakan rakyat ke atas Umno dan BN akan membuka ruang seluas luasnya kepada AMANAH bersama rakannya dalam PH mengambil tempat sebagai pengganti kerajaan Pas di Kelantan dan BN di Putrajaya," katanya.

Khairul Amin diantik Ketua AMK Kelantan

KOTA BHARU: Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Tumpat Mohd Khairul Amin Abd Rahman dilantik sebagai Ketua AMK Kelantan menggantikan Mohd Hafidz Rizal Amran.

Pelantikan itu dikeluarkan Ketua AMK Pusat, Nik Nazmi Nik Ahmad melalui satu surat rasmi bertarikh 28 Ogos.

"Berdasarkan apa yang diperuntukkan melalui Perkara 124 Peraturan Angkatan Muda Keadilan 2014, saya dengan ini melantik saudara sebagai Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Negeri Kelantan berkuat kuasa serta merta," kandungan surat itu dipetik.

Pada hari yang sama, Hafidz digugurkan sebagai Ketua AMK negeri atas alasan memenuhi permintaan ahli parti di negeri itu.

Nik Nazmi berkata, keputusan itu dibuat selepas AMK Pusat dan

negeri mengadakan perbincangan minggu lepas.

"Keputusan ini dibuat selepas 'follow up' minggu lepas semasa saya berada di luar negara, pimpinan Pemuda Pusat turun ke Kelantan dan bertemu Pemuda Kelantan termasuk Hafidz Rizal.

"Jadi kita dapat maklum balas daripada Pemuda Kelantan, dari situ kita buat keputusan dan disampaikan kepada presiden dan keputusan untuk tukar dibuat," katanya kepada FMT.

Nik Nazmi juga menafikan keputusan menggugurkan Hafidz Rizal susulan kecenderungan beliau bekerjasama dengan Pas dan membantah keputusan Keadilan Pusat mengarahkan ahli parti melepaskan jawatan dalam kerajaan negeri.

"Keputusan itu tidak ada kaitan dengan dakwaan itu, ia dibuat disebabkan permintaan daripada pemuda sendiri," katanya.

Janji BN bina Hospital Parit Buntar tinggal janji

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

PARIT BUNTAR: Lebih 50,000 pengundi Lebih 50,000 pengundi dalam Parlimen Parit Buntar hanya dapat menggigit jari menanti siapnya pembinaan Hospital Parit Buntar yang dijanjikan BN sejak pilihan raya umum (PRU) ke-12 pada 2008.

Kini setelah hampir PRU ke-14 apa yang dijanjikan BN masih belum menjadi realiti.

Malah janji-janji pilihan raya ini lumrah buat BN untuk meraih sokongan pengundi.

Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa menzahirkan kekecewaan ketika

ditemui selepas program ceramah Pakatan Harapan di Pekan Tanjong Piandang, dekat sini, baru-baru ini.

"Sejak zaman Datuk Tajol Rosli menjadi MB Perak lagi mereka dah janji nak bina hospital itu.

"Ketiadaan hospital tersebut amat menyukarkan penduduk kerana mereka terpaksa mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang dan Hospital Taiping yang jaraknya amat jauh.

"Ini juga menelan kos yang besar termasuk masa perjalanan yang memakan masa lama," jelasnya lagi.

Dr Mujahid yang juga Naib Presiden AMA-

NAH yakin 'permainan politik janji' BN akan hanya memakan diri mereka sendiri.

"Mereka janji dan janji dari setahun hingga setahun. Dari pilihan raya 2008 sehinggalah ke pilihan raya 2013.

"Kemudian mereka janji lagi sehinggalah ke pilihan raya ke-14, tapi apa yang mereka janjikan hanyalah pembohongan yang mengecewakan harapan rakyat bagi mendapatkan kemudahan tersebut," ujarnya.

Menurut Dr Mujahid, sukar untuk BN mengotakan janji-janji pilihan raya kerana ketirisan kewangan yang melampau di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib Razak.

Hospital dengan 76 katil itu dirancang dibina di atas tanah seluas 21 hektar.

Ia juga akan dilengkapi wad bersalin, bilik pembedahan, ortopedik, pediatrik serta rawatan pesakit luar dan haemodialisis.

Dr Mujahid yakin BN akan sekali lagi melaungkan janji yang dibuat hampir 10 tahun lalu pada kempen PRU kali ini.

Justeru itu, beliau menyeru para pengundi di kawasan Parlimen Parit Buntar agar menolak calon Umno-BN dan memberi peluang kepada Pakatan Harapan untuk membentuk kerajaan pada PRU akan datang.

Johor: Berakhirnya era MCA dan BN

JOHOR adalah kubu kuat MCA sehingga 2008. Negeri itu melahirkan beberapa presiden MCA – Lee San Choon, Neo Yee Pan, Ling Liong Sik, Ong Ka Ting dan Chua Soi Lek.

Liong Sik meninggalkan kerusi berisiko di Pulau Pinang (dulu Mata Kuching, kini Bagan) untuk kerusi selamat di Johor manakala Ka Ting berasal dari Perak sebelum berpindah ke Johor.

Ketika tsunami politik melanda pada 2008, MCA masih boleh dianggap mempunyai rekod pilihan raya yang agak baik di Johor. Hanya pada pilihan raya umum 2013 MCA hampir dikuburkan.

Kekuatan MCA di Johor jika dibandingkan di negeri lain bergantung kepada tiga faktor utama.

Pertama, ekonomi kebanyakan pekan kecil di Johor bergantung kepada pertanian dan perladangan, dan selalunya lebih dipengaruhi politik berbanding kelas pekerja di kawasan bandar.

Kedua, parti BN di Johor terutama Umno, MCA dan MIC bukan sekadar parti politik. Mereka juga memerintah dengan mendapat sokongan daripada golongan elit penduduk di pekan-pekan kecil. Dalam kes Umno, guru, aktivis budaya dan seniman, mahupun penjawat awam, meletakkan kepercayaan mereka kepada Umno. Di peringkat tempatan, Umno adalah organisasi sosial yang rapat dengan akar umbi. Mereka merupakan orang pertama yang akan tiba di tanah perkuburan untuk membantu keluarga si mati.

Bagi MCA pula, selepas 2013 sekalipun, pemimpin tempatannya masih menguasai pertubuhan dan persatuan, dengan peniaga-peniaga generasi tua di pekan kecil menyokong MCA, ataupun sekadar tidak bersedia menentang MCA secara terbuka.

Bagaimanapun, semua ini perlahan-lahan terhakis apabila generasi muda yang bekerja di Kuala Lumpur atau Singapura tidak tertarik kepada MCA dan BN. Malah sesetengah mereka berjaya meyakinkan generasi lebih tua di kampung halaman untuk tidak mengundi BN.

Ketiga, kebanyakan kerusi di Johor dimanipulasi melalui proses persempadanan semula pada 1993. Ditambah dengan proses yang sama pada 2013 yang melibatkan kawasan pilihan raya pengundi berbilang kaum, ia memustahilkan pembangkang yang berpecah-belah menang sebelum 2008.

Kini situasi yang dicipta BN itu memudaratkan mereka sendiri kerana kerusi-kerusi ini dengan mudah boleh terjadi jatuhnya domino yang akan menyebabkan kekalahan BN. Lapan belas daripada 26 kerusi parlimen Johor mempunyai kurang daripada 60 peratus pengundi Melayu. Dengan 80 peratus sokongan bukan Melayu dan 50 peratus sokongan Melayu, kesemua 18 kerusi ini dijangka akan jatuh ke tangan Pakatan Harapan.

Suasana untuk perubahan

Suasana beberapa majlis kutipan derma DAP yang saya hadiri bersama Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang di Johor beberapa minggu kebelakangan ini seperti pengukur situasi dalam pilihan raya akan

datang. Ia mencerminkan pola pengundi bukan Melayu, terutama pengundi kaum Cina.

Pekan Nanas adalah kawasan separa bandar tidak jauh dari Pontian, dengan kebanyakan generasi mudanya bekerja di Johor Bahru atau Singapura. Hadirin di 80 meja makan malam kutipan derma anjuran DAP pada 11 Ogos lalu begitu bersemangat sehingga keberatan untuk pulang meskipun majlis sudah tamat.

Penghujung malam itu, ketika kami berdiri di pintu untuk mengucapkan terima kasih dan selamat tinggal, ramai datang menghulurkan salam dan kata-kata semangat seperti "Terima kasih! Kami bersedia untuk kerajaan baru."

Kita dapat merasakan suasana sedang berubah, terutama di kawasan separa bandar. Minggu sebelumnya di Muar, DAP Grisek menganjurkan acara politik paling besar dalam sejarah kawasan itu pada 5 Ogos yang menarik lebih daripada 1,100 hadirin.

Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga Ahli Parlimen Pagoh berucap kepada hadirin yang mengalu-alukan kedatangan beliau. Hadirin berdiri dan memberi tepukan gemuruh sebelum mendengar ucapan dengan penuh perhatian.

Pekan Nanas, Grisek dan kawasan pilihan raya saya di Kluang adalah kawasan separa bandar. Kerusi-kerusi seperti ini yang akan menjadi kunci untuk Pakatan Harapan memenangi pilihan raya umum akan datang.

DAP bukan parti kaya. Majlis makan malam kutipan derma kami dibayar oleh penyokong yang bekerja keras. Di kawasan bandar, kebanyakan mereka adalah golongan kelas pekerja, peniaga gerai, bekerja sendiri; manakala di kawasan separa bandar dan pedalaman, mereka terdiri daripada pen-gusaha kedai runcit, selain penduduk setempat yang bekerja di sektor perladangan atau pertanian.

Tidak seperti BN, kami tidak mempunyai dana besar atau organisasi media. Menganjurkan acara makan malam seperti itu merupakan salah satu cara kami mengutip sumbangan dan menghebahkan idea-idea kami, selain bertujuan untuk merasakan sendiri situasi di akar umbi.

Sumbangan seperti ini selalunya merupakan kayu ukur untuk sokongan yang diterima. Ia

juga cara berkesan untuk berinteraksi dengan rakyat selain dapat memahami masalah yang wujud di kawasan itu. Pada majlis makan malam kutipan derma yang dianjurkan bersama oleh DAP Kluang dan PPBM pada 29 Julai lalu, tiket habis dijual dengan cepat, antara lain kerana Pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir Mohamad dijadual berucap meskipun beliau tidak dapat hadir hari itu atas faktor kesihatan.

Pada 11 Ogos, kami mengutip RM25,000 dari 'kutipan lantai' untuk 136 meja makan malam di Johor Jaya, dua kali ganda lebih banyak daripada yang selalunya kami kutip dalam acara seumpamanya. 'Kutipan lantai' adalah derma yang dikumpulkan ketika acara berlangsung, selain tiket yang perlu dibayar untuk menghadiri majlis makan malam kutipan derma itu. Suasana sangat menggalakkan dan hadirin seperti sudah bersedia untuk pilihan raya umum akan datang.

Sentimen pengundi Cina

Selepas keputusan pilihan raya umum ke-13 diketahui, kebanyakan pengundi berasa marah, namun masih menyimpan harapan. Beberapa peristiwa mendorong sentimen ini. Ketika banjir besar di Kelantan, sambutan terhadap usaha DAP Johor membantu mangsa banjir begitu menggalakkan. Manakala Himpunan Bersih 4.0 pada 30 dan 31 Ogos 2015 pula menyaksikan penyertaan ramai pengundi Cina. Saya berjenaka bahawa sangat jarang untuk melihat orang Cina tidur di pinggir jalan menghadiri protes yang diadakan dalam bulan perayaan Hantu Cina. Ia menunjukkan tekad mereka untuk perubahan.

Semangat pengundi Cina bagaimanapun mula memudar selepas keputusan mengecewakan dalam pilihan raya negeri Sarawak dan pilihan raya kecil di Kuala Kangsar dan Sungai Besar pada 2016. Ketika itu kemungkinan untuk melihat pertukaran kerajaan semakin tipis dan pengundi Cina kecewa dengan senario politik.

Hanya pada 14 Julai suasana berubah setelah pengumuman rasmi struktur pimpinan Pakatan Harapan dan berakhirnya dua dekad perseteruan politik antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dr Mahathir serta penyokong kedua-duanya yang berbaik semula untuk menyelamatkan negara.



Pakatan Harapan mampu mencipta perubahan politik di Johor.



PENDAPAT
LIEW CHIN TONG

Perubahan pengundi Melayu

Parti-parti Pakatan Rakyat, terutama DAP, meraih hampir 85 peratus sokongan pengundi Cina pada PRU13. Prestasi itu semestinya sesuatu yang susah untuk dicapai sekali lagi.

Ketika saya diwawancara oleh Edge Weekly pada Jun lalu, saya katakan bahawa pembangkang kini mempunyai 65 peratus sokongan pengundi Cina. Pemimpin MCA dan BN dengan mudah menterjemah kenyataan saya bahawa BN mendapat 35 peratus undi Cina dalam poket. Saya hanya boleh ketawa pada 'keterdesakan' seperti itu.

Ketika pilihan raya kecil berkembar Kuala Kangsar dan Sungai Besar, parti majoriti Melayu, AMANAH, sebagai parti baru mewakili Pakatan Harapan menerima 65 peratus sokongan pengundi Cina. Kedua-dua kerusi itu terletak di kawasan separa bandar yang merangkumi kawasan pertanian dan perladangan, terletak di pinggir bandar-bandar besar, yang bererti lebih terpengaruh dengan politik.

Ini bererti undi untuk Pakatan Harapan di kalangan pengundi Cina berada pada tahap 65 peratus. Berbanding undi yang diraih pada pilihan raya umum sebelumnya, Pakatan Harapan perlu meyakinkan 20 peratus lagi pertukaran undi (swing) untuk mengulangi pencapaian pada 2013.

Siapakah pengundi-pengundi yang membuat pertukaran undi (swing) ini? Bagaimana untuk meyakinkan mereka untuk mengundi pakatan Harapan? Mereka adalah golongan yang hanya akan mengundi Pakatan Harapan jika mereka dapat rasa kemungkinan kekalahan BN dan pertukaran kerajaan.

Persis seperti inilah bagaimana pilihanraya seterusnya akan berlangsung: pertukaran pola undi besar-besaran di kalangan pengundi Melayu kepada Pakatan Harapan seiring dengan pengundi Cina dan India. Dalam kata mudah, tsunami Melayu melawan Umno akan menghasilkan tsunami rakyat Malaysia menjatuhkan BN.

Selepas penubuhan Pakatan Harapan pada 14 Julai 2017, bukan hanya suasana di kalangan pengundi Cina yang berubah tetapi juga suasana politik seluruh negara. Kini Pakatan Harapan mempunyai peluang lebih cerah untuk menang dalam pilihan raya akan datang.

■ Liew Chin Tong ialah Ahli Parlimen Kluang dan Pengerusi DAP Johor.

Dialog mantapkan perjuangan AWAN



Mohamad dan Dr Mariah berkongsi pengalaman dan menjawab kemusykilan peserta.

Oleh ANFAAL SAARI

KUALA LUMPUR: Dialog antara Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Ketua AWAN Nasional Dr Siti Mariah Mahmud dengan wakil-wakil AWAN berumur 40 tahun ke bawah, telah diadakan di sebuah hotel di Kepong, 5 Ogos lalu.

Majlis minum petang dan dialog itu telah mengumpulkan aktivis AWAN dari Kelantan, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Presiden AMANAH telah berkongsi

sejarah dan perkembangan keterlibatan wanita dalam politik kepartaian di Malaysia.

Wanita kata beliau memainkan peranan penting sebagai suara mewakili kepentingan isu-isu berkaitan kaum wanita, kanak-kanak dan keluarga di Malaysia.

Dr Mariah pula berkongsi cabaran dan pengalaman sepanjang berkecimpung dalam politik dan memberi suntikan semangat kepada para peserta untuk tampil membantu masyarakat melalui jalan kebajikan dan kepedulian.

Beliau menekankan sikap yang betul



Peserta dan pemimpin bergambar ramai seusai majlis.

dalam menangani cabaran sebagai aktivis dan juga pada masa yang sama tidak mengabaikan tanggung jawab sebagai isteri dan ibu.

Kesediaan untuk belajar dan melalui latihan kepimpinan secara 'hands-on' (belajar secara praktikal dengan turun padang) juga penting.

Presiden dan Ketua AWAN turut menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh peserta.

Rosmayana dari Gombak mencadangkan pelaksanaan konsep 'mentoring' dan

modul khusus AWAN untuk meningkatkan partisipasi wanita muda dalam politik.

Aishah dari Wilayah Persekutuan pula mengkritik aktivis wanita di kawasan yang sering diberi tugas tipikal seperti menguruskan pendaftaran dan makanan.

Isu kebajikan aktivis wanita seperti terpaksa pulang lewat malam kerana menghadiri mesyuarat juga dibangkitkan.

Majlis dialog berakhir pada jam 5.00 petang dengan membawa semangat baru ke negeri masing-masing untuk terus bergiat aktif meramaikan ahli wanita AMANAH.

Program 'Sayangi Anak Gadis Kita'



Peserta menjalankan aktiviti berkumpulan.

SENAWANG: Menyedari golongan remaja adalah aset penting negara ini, Angkatan Wanita Amanah (AWAN) Negeri Sembilan telah menganjurkan Program Untukmu Puteri Kesayangan, dekat sini, 27 Ogos lalu.

Program yang diselenggarakan perunding dari PLF International, Nura Muna ini memberi pendedahan kepada anak remaja perempuan tentang persediaan menghadapi cabaran alam dewasa.

Mengulas program yang berlangsung di Dewan Aspirasi dekat sini, Ketua AWAN Negeri Sembilan Norwani Ahmat berkata, pengisian program lebih tertumpu kepada kombinasi aspek pendidikan seksual dan motivasi untuk menghasilkan akhlak mulia di kalangan remaja puteri.

Tambah beliau lagi, program ini penting bagi memberi garis panduan kepada anak remaja puteri akan kewajipan dan larangan yang mereka perlu patuhi bagi



Bergambar ramai bersama pemimpin AWAN seusai program.

menempuh alam kedewasaan yang lebih cemerlang dari sudut duniawi dan ukhrawi.

Usaha ini, ujarnya di harap dapat melahirkan generasi yang lebih berakhlak dan produktif bagi membangunkan negara.

Beliau juga berharap program seumpama ini dapat dilaksanakan secara berkala bagi memberi manfaat kepada lebih ramai anak-anak remaja di Negeri Sembilan khususnya.



Nura Muna... moderator program

Pas 'suicide bombers' to ensure victory of Umno

In the "Mood of the Nation Ahead of GE14" survey from August 11 to 15, the Institut Darul Ehsan (IDE), it was found that a united opposition comprising Pakatan Harapan and Pas can control seven states and the federal territory in peninsular Malaysia and gain 59% of the national popular vote.

The seven states are Penang, Selangor, Kelantan, Kedah, Perak, Pahang and Malacca.

Furthermore, BN will lose its two-thirds majority in the almost all remaining states.

IDE chief executive director Dr Mohammad Redzuan Othman who presented the results of the survey which involved 4,486 respondents said the respondents were asked which party they would vote for if GE14 was held six months from now.

He said: "If you obtain 52% of the popular vote (which Barisan Rakyat did in the 13GE) you are still not secure, like what happened in Perak.

"But in the Malaysian context, if you get more than 58% you are secure. It is beyond reach and this is what happened in Selangor in the last general election when Pakatan obtained 58%."

The survey, which covers 130 parliamentary seats in the peninsula, also found that 50% of respondents have already decided which political party to vote for, 22% after nomination, 9% a week before I accept the findings of the IDE survey, except that it was working on a wrong premise.

Pas under its present President, Datuk Seri Abdul Hadi Awang and his five lieutenants is

a very different Pas from the Pas under former Pas Mursyidul Am Datuk Nik Aziz Nik Mat and former Pas Presidents Fadzil Nor and Yusuf Rawa.

Pas has gone into a transmutation from the Amanat Hadi of 1981 which was delivered to destroy Umno to the Hadi and the 'tembikai' Pas leadership of today which has become the greatest apologist and defender of Najib as the global kleptocrat of the 1MDB scandal and MO1.

Hadi and his five "tembikai" (coined by PPBM strategist Rais Hussein) lieutenants in the leadership only want Pas candidates in the 14GE to be 'suicide bombers' to ensure victory of Umno candidates in 14GE to protect Najib as Prime Minister and not to be elected as Members of Parliament or State Assemblies.

The proclamation of Hadi and his five 'tembikai' leadership that Pas wants to win 40 parliamentary seats and five state government is only 'pie in the sky'.

The results of the general elections since 1959 show that Pas achieved its best results in the 1999, 2008 and 2013 general elections when it was a member of the Barisan Alternative or Pakatan Rakyat opposition coalition, as illustrated by the following chart: (right)

I do not think Pas' Hadi and his 'tembikai' leadership will dare to unveil the identity of the 40 parliamentary seats and the five state governments they are certain of winning, for it will show that in all these parliamentary

MP	PAS		Total seats
	Won	Contest	
1959	13	58	104
1964	9	53	104
1969	12	62	144
1974	-	-	154
1978	5	88	154
1982	5	82	154
1986	1	98	177
1990	7	30	180
1995	7	45	192
1999	27	62	193
2004	6	86	219
2008	(1+) 23	66	222
2013	21	73	222

and state assembly seats, Pas candidates will be mere 'suicide bombers' to help Umno candidates to win.

The political situation would be different if the Pas leadership under Hadi had not caused the disintegration of Pakatan Rakyat and taken Pas in a new political direction to aid and abet Najib in facing the international infamy and ignominy of a global kleptocracy and 'MO1' in the multi-billion dollar 1MDB money-laundering scandal.

Looking back, it is now clear that Hadi's political inclinations and tendencies did not start after the 13GE.

Hadi had never publicly supported Datuk



OPINION
LIM KIT SIANG

Seri Anwar Ibrahim as the Pakatan Rakyat Prime Minister-designate in the 13GE campaign. When the issue was forced in 2014, Hadi declared his opposition to the PKR President, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail as the PR Selangor Menteri Besar.

A few months before the 13th General Elections in May 2015, Hadi came to DAP headquarters in Kuala Lumpur to persuade the DAP to support Tengku Razaleigh instead of Anwar as the Prime Minister of Pakatan Rakyat should PR win the 13th General Election.

When the DAP leadership rejected his proposal, and stressed the need for maintaining credibility and integrity in supporting Anwar as the Prime Minister-designate, the seeds of the present behavior of Hadi and 'tembikai' leadership may have been planted.

■ **Lim Kit Siang is DAP Parliamentary Chief and MP for Gelang Patah.**

Don't forget the Indian community in Malaysia

By **CHARLES SANTIAGON**

AFTER 60 years of Independence, there has been no significant upward mobility in the Indian community.

The economic equity of Malaysian Indians is at 1.3% and not 3% as promised by Prime Minister Najib Razak in 2013. And this 1.3% is likely in the hands of less than five people.

Income inequality is highest amongst the Indians. 81% of Indians only have three months' savings at the most. Indians make up only a meagre 4% of university entries between 2014 and 2015.

And the community is further compounded by a sub-culture of violence and gang-related crimes, brought about by structural issues relating to discrimination.

Earlier this month, I attended a refugee festival where I had the opportunity of meeting refugees from a variety of countries. For the most part, all had the same story to tell: one of poverty, hopelessness, inability to find jobs, inability to put food on the table for their families.

The poor in the Indian community face similar issues as well. The only difference is that the refugees I spoke with are stateless and fleeing violence in their home countries.

Many years ago I warned about the emergence of an Indian underclass brought about by government neglect

and the politics of disengagement.

Now it looks as if the Indians will descend even further to become refugee-like in their very homeland: isolated and marginalised – if the government does not act immediately.

This points us in one direction and that is the failure of the development model embraced by Malaysia, which promotes inequality and punishes the poor quite harshly.

So instead of listing out the success stories of the Indian community as the country approaches its 60th year of Independence, we are all talking about the continuing woes plaguing the community.

The New Economic Policy (NEP), was aimed at achieving national unity through the socio-economic restructuring of society and to look into ways of reducing the level of poverty in the country for all Malaysians. The catch-phrase here being "ALL Malaysians"

But the NEP, which on paper called for the improvement of the economic status of all citizens, including opportunities for all, ended up according the Malays with special privileges.

Ironically, instead of creating a rich Malay community across the board, this model of development created a wealthy elite within the community.

Today the Bottom 40% (B40) of the Malays, Chinese and Indians are poor, marginalised, and left behind in the socio-economic and political development of Malaysia.

I see these people every week in my office in Klang. Whether the person is a Malay, Chinese or Indian, they come to me with similar problems – inability to make rent, put food on the table for their family, pay school fees, buy school books, find jobs or pay medical expenses as the cost of medicines are high.

Just two weeks back, a Chinese man told me that his salary has remained stagnant for years now while the cost of living has gone up many folds. He said that sending his children to school was becoming a problem.

Therefore, the Indian problem is not one which is exclusive or unique. It is a national problem and should therefore be handled more comprehensively.

The government has recently made an effort through the Malaysian Indian Blueprint (MIB) – another compartmentalised approach – to close the economic gap between the Indians and the rest of Malaysian society.

But the glue that holds the sexy narrative of the Blueprint will melt because it lacks sincerity and the political will to really fix the nagging, thorny issues that continue to haunt the Indians.

In addition, the MIB promotes a silo approach to Indian development without addressing macro-economic challenges affecting the poor such as low wages.

Today, we are presented with an opportunity to re-write the Indian narrative envisioning a better Malaysia for all. We need a radical new approach

that harnesses the good of what works and changes what does not.

In this approach, the government can actually turn around the Indian community in the next five to seven years.

We demand that the federal government, including state governments, and this includes the states of Selangor and Penang, mandate by law or regulation...

1. an increase in the intake of Indian students into universities, vocational and technical centres and this includes opening up MARA to Indian students from the B40 group;

2. an increase in the awarding of government procurement contracts to Indian small and medium entrepreneurs;

3. an increase in employment at the federal, state and local councils;

4. an increase in loans and grants as well as easy access to funds to create young Indian entrepreneurs from the B40 category including women and single mothers;

5. to make affordable houses available to B40 Indians as a matter of urgency;

6. an increase in real wages across the board for all Malaysians, especially in jobs where the B40 group works.

It is the job and the responsibility of the government to make these changes happen, for the Indians are Malaysian citizens. And the general election is around the corner, and you know what to do.

■ **Charles Santiago is MP for Klang.**

Sekiranya PRU ke-14 tahun ini

RAMAI yang bertanya saya mengenai tarikh pilihan raya umum (PRU) ke-14. Hakikatnya setakat ini, tiada yang tahu secara pastinya. Mungkin tidak juga Najib sendiri. Saya yakin dia sedang meneliti keadaan dan suasana dan menimbang tarikh yang terbaik bagi dirinya.

Semestinya beberapa perkara diambil kira Najib dalam menentukan tarikh PRU ke-14. Tarikhnya ditetapkan dengan tujuan menentukan peluang kemenangan adalah yang terbaik bagi dirinya. Saya menyenaraikan di sini tiga perkara yang bagi pendapat saya adalah perkara terpenting yang diambil kira Najib dalam menentukan tarikh PRU.

1. KEADAAN EKONOMI RAKYAT DAN NEGARA

Di antara perkara terpenting untuk diambil kira adalah bacaannya mengenai suasana dan keadaan ekonomi negara. Adakah sekarang lebih baik berbanding akan datang? Atau adakah ia akan bertambah baik berbanding sekarang?

Sekiranya keadaan akan menjadi semakin buruk dan mencabar, dengan terpaksa dinaikkan kadar GST, serta akan merudumnya lagi nilai ringgit dan bertambahnya pengangguran dan sebagainya, maka PRU ke-14 akan diadakan seberapa segera.

Sekiranya tidak maka bebanan yang dirasakan rakyat akan menyebabkan Umno/BN ditolak dan PH akan mencapai satu kemenangan yang cemerlang. Pada masa itu, segala bantuan BR1M, mahupun pingat emas sukan SEA

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD

tidak akan dipandang rakyat.

Tetapi, sekiranya sebaliknya, di mana melalui apa yang sedang diusahakan Najib, yang sebahagian besar darinya kita tidak mempunyai maklumat, maka diyakini keadaan akan bertambah baik, maka PRU ke-14 akan ditunda kepada tahun depan.

Mungkin di antara yang diusahakan adalah duit dari China dibawa masuk dengan berbilion-bilion dan dengan itu dihasilkan 'feel good' (keadaan selesa) di kalangan nasyarakat. Walaupun duit itu hanya pinjaman dan kesan buruknya akan terpaksa ditanggung kemudian, tetapi untuk PRU ini masalah Najib dapat diselesaikan dengannya.

Yang penting di sini adalah sekiranya PRU diadakan tahun ini, dan BN terus menang, maka rakyat perlu bersedia untuk menghadapi ekonomi yang semakin membebaskan tahun depan. Kerana kemenangan BN tidak mengubah hakikat ekonomi negara akan bertambah buruk.

2. KEADAAN KEKUATAN PEMBANGKANG (PH)

Pada masa sama, saya yakin akan juga diambil kira keadaan pembangkang khususnya PH. Adakah akan semakin kuat atau terus terumbang-ambing dengan isu kerjasama dengan Pas dan sebagainya? Sudah pasti Pas diminta



untuk berperanan melanjutkan lagi tempoh berolak-dalik sehingga tiada keputusan mengenainya sehingga PRU! Maka dengan itu PH dalam keadaan kurang mantap dan kukuh.

Maka sekiranya diyakini PH akan akhirnya berjaya dipecahkan, sama ada melalui Pas atau mungkin juga, melalui bom jangka yang telah diadakan di kalangan PH yang tidak diketahui PH, maka akan ditunda PRU sehingga tahun depan. Selain faktor Pas, kita tidak tahu apa lagi yang sedang dirancang Najib. Mungkin RCI mengenai Forex dan Memali antara strateginya. Di mana RCI boleh diperalatkan untuk disasarkan terhadap pemimpin tertentu PH untuk melumpuhkan PH.

Sekiranya sekiranya dikhuatiri keadaan pembangkang akan semakin kuat pada masa depan, maka PRU ke-14 akan diadakan tahun ini juga. Berdasarkan keputusan Majlis Presiden pada 28hb Ogos lepas, keberkesanan Pas untuk melemahkan atau memecahbelahkan PH mungkin telah berakhir.

Yang penting untuk difahami rakyat, sekiranya PRU ke-14 diadakan tahun ini juga, maka ini bermakna PH sedang semakin kuat dan tidak mampu dibendung lagi oleh Najib. Segala usahanya untuk lemahkan PH telah gagal dan oleh itu diadakan PRU

ke-14 dengan seberapa segera!

Dan dengan itu diharapkan PH dinantikan kemenangan yang merupakan miliknya kerana masih belum sempat mencapai kekuatan sepenuhnya. Dan dengan mandat baharu selama 5 tahun, Najib akan memecahbelahkan PH seperti mana dia berjaya memecahbelahkan PR.

3. SIASATAN ANTARABANGSA

Dan mungkin pertimbangan terakhir, yang merupakan perkara yang sukar untuk dikawal beliau adalah isu siasatan antarabangsa terhadap 1MDB dan Scorpene. Najib mungkin mampu membendung dan mempengaruhi apa jua siasatan terhadap dirinya dalam negara Malaysia. Tetapi apabila ianya melibatkan siasatan di negara lain, lebih-lebih lagi di Amerika Syarikat atau di Eropah, amat sukar ianya dikawal.

Bagi tujuan menentukan tarikh PRU ke-14, yang dipertimbangkan adalah sama ada siasatan ini akan menghasilkan dakwaan terhadap dirinya atau rakan-rakannya dalam masa dua tiga bulan ini dan bagaimana ianya akan mempengaruhi sokongan rakyat terhadap beliau.

Sekiranya dianggap ianya masih

lama lagi atau dapat dimanfaatkan supaya diperlihatkan dirinya sebagai 'mangsa konspirasi antarabangsa', sebagai contoh, maka Najib tidak terdesak untuk mengadakan PRU ke-14 tahun ini juga. Tetapi sekiranya sebaliknya, maka PRU terpaksa dipercepatkan.

Sekali lagi, sekiranya PRU ke-14 diadakan pada tahun ini, ada maksud tersiratnya. Najib sedar segala salah lakunya akan terdedah dan pendedahannya tidak mampu dibendung oleh dirinya dan dengan itu sokongan rakyat terhadapnya akan terjejas. Oleh itu PRU perlu dipercepatkan.

Namun kemenangan ini tidak akan berjaya mengubah hakikat siasatan yang akan berterusan. Akan tetapi dengan mandat baharu ini, Najib berkedudukan untuk merundingkan jalan keluar bagi dirinya.

KESIMPULAN

Kemenangan adalah teramat penting bagi Najib. Dia tidak mungkin selamat (survive) sekiranya BN kalah. Oleh itu tarikh PRU perlu dipilih dengan sebaik mungkin. Akhirnya kemampuan Najib untuk menanggung dan mengurus tekanan yang semestinya sedang dialaminya akan menentukan sejauh mana beliau mampu membuat keputusan yang tepat.

Walau apapun, ketidakmampuan Najib untuk membuat keputusan dalam keadaan tertekan sebegini mungkin juga akan melihat keputusan berhubung tarikh PRU ke-14 akhirnya ditangguh sehingga tarikh akhirnya.

Penulis ialah Ahli Parlimen Shah Alam dan Pengarah Komunikasi AMANAH.

Bersedia hadapi ekonomi lemah jika Najib terus berkuasa

SAYA ambil maklum kenyataan Pengerusi CIMB Group Holdings, Nazir Razak yang menasihati rakyat Malaysia supaya bersedia untuk menghadapi ekonomi yang perlahan pada separuh kedua tahun ini.

Katanya, sekiranya melihat jangkaan penganalisis, mereka menjangkakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada lebih kurang 5 peratus bagi 2017 yang mengikut definisinya bersamaan dengan separuh kedua yang perlahan.

Nasihat itu juga perlu dihulurkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga abangnya sendiri. Dalam keadaan ekonomi yang semakin lemah, sudah tentu kerajaan perlu mengurus kewangan secara berhemat daripada segi hutang dan defisit fizikal.

Kerajaan perlu menguruskan



PENDAPAT
DATU' SAIFUDDIN NASUTION

kewangan sebaiknya agar dapat berdaya tahan. Tetapi saya rasa keadaan itu tidak mungkin berlaku, jika pentadbiran kerajaan Umno-BN di bawah pemerintahan Najib secara terus melakukan pemborosan, ketirisan, penyelewengan dan rasuah, akhirnya hutang negara akan kian bertambah.

Tambahan pula, Ringgit Malaysia pernah menjadi mata wang

paling lemah di kalangan negara Asia Tenggara pada 2016. Ramai pelabur asing menarik diri keluar dari negara ini kerana tidak yakin dengan pengurusan kewangan sedia ada.

Menurut majalah, The Economist dalam laporan Ogos 2015, nilai ringgit telah jatuh sebanyak 9.8 peratus berbanding dolar Amerika penurunan yang ketara berbanding dengan baht Thailand yang merosot 6.4 peratus.

Sekiranya kerajaan tidak mengambil tindakan untuk mengukuhkan polisi kewangan, maka nilai ringgit berkemungkinan akan jatuh lebih teruk lagi pada tahun 2017. Sehingga hari ini, kejatuhan nilai ringgit masih berada pada paras RM4.28 untuk AS\$1.

Bukan itu sahaja, imej negara juga terjejas disebabkan oleh skandal

1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang sedang disiasat oleh beberapa buah negara sehingga menggusarkan pelabur.

Saya berharap kerajaan Umno-BN perlu lebih berhemat memandangkan kedudukan kewangan masih dalam kedudukan sukar disebabkan ekonomi yang perlahan.

Dengan beban hutang yang ada, kerajaan jangan sesekali menjadikan rakyat sebagai taruhan atau mangsa untuk menanggung segala ketirisan yang dilakukan oleh mereka sendiri.

Antara kebimbangan yang turut disuarakan rakyat adalah menyentuh aspek gaji lebih rendah serta pengurangan peruntukan bagi pendidikan pada tahun lepas.

Menurut Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), gaji rendah serta

pengangguran belia sememangnya membimbangkan selain peningkatan mendadak harga makanan berbanding inflasi secara menyeluruh.

Malaysia juga tidak boleh berpuas hati dengan kejayaan dan melihat kebimbangan yang dibangkitkan berikutan laporan Forum Ekonomi Dunia 2016-2017 yang menunjukkan penurunan ranking daya saing global Malaysia pada kedudukan ke-25 pada tahun 2015.

Malaysia perlu juga memerhatikan hutang isi rumah yang 'agak tinggi' dan kekal di landasan yang betul untuk memacu penggabungan fiskal dan matlamat menurunkan defisit belanjawan kepada 3.0 peratus pada 2017.

Datuk Saifuddin Nasution Ismail ialah Setiausaha Agung Keadilan.



Aminolhuda (berbaju putih) bergambar bersama sebahagian ahli jawatankuasa AMANAH kawasan.



AMANAH Kawasan Sri Gading bertekad **pertahan** Dun Parit Yaani

SEPANJANG tugasnya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Yaani, banyak masalah penduduk telah diselesaikan Pengerusi AMANAH Johor Aminolhuda Hassan. Di samping itu, pelbagai usaha kebajikan telah disalurkan kepada penduduk Dun Parit Yaani dan juga Dun Parit Raja.

Antara usaha yang dilakukan adalah mengumpul dana untuk bantuan bulanan anak-anak yatim dengan kadar RM100 sebulan bertujuan meringankan beban hidup mereka. Pada mulanya bilangan penerima hanya 45 orang namun kini telah mencapai 116 orang. Penyerahan sumbangan dilakukan di lokasi berbeza setiap bulan dan membabitkan kampung-kampung di sekitar kawasan Dun Parit Yaani.

Usaha-usaha kebajikan ini tambah berkembang dengan sokongan ahli jawatankuasa AMANAH Sri Gading dan ahli jawatankuasa Pusat Khidmat Wakil Rakyat (PKWR) Dun Parit Yaani.

Dengan sokongan isteri Aminolhuda, Prof Dr Naomie Salim, para petugas menyusun program menyalurkan sumbangan kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Program yang diberi nama Rice4U ini menyalurkan barangan keperluan harian seperti beras, gula dan lain-lain kepada keluarga kurang mampu.

Jumlah penerima keseluruhan ialah 275 keluarga melibatkan 4 zon iaitu Zon 1 Pt Yaani (84 keluarga) membabitkan Pt Yaani, Pt Suratman, Kg Baru Mk.7, Seri Bengkal dan Jambi; Zon 2 Beroleh (46 keluarga) melibatkan Kampung Panchor, Pt Hj Salleh, Pt Imam dan



Aminolhuda Hassan

Pt Hj Sidek; Zon 3 Parit Besar (72 keluarga) merangkumi Kampung Pt Besar, Solok Wan Moh, Tmn Perpaduan dan Lada Hitam; manakala Zon 4 Tongkang Pechah (73 keluarga) melibatkan Kampung Tongkang Pechah, Bt.7, Putera Indah, Jorak Senawi, Bindu dan Pt Buloh.

Antara masalah penduduk yang berjaya diselesaikan Aminolhuda adalah banjir yang melanda kawasan rumah penduduk. Masalah banjir ini berlarutan sejak sekian lama dan gagal diselesaikan pihak berwajib.

Dengan inovasi dan kreativiti para petugas AMANAH, tambakan telah dibuat bagi menghalang air banjir mengalir masuk ke kawasan rumah penduduk. Hasilnya, rumah-rumah penduduk tidak lagi dimasuki air tatkala hujan lebat. Kerja-kerja menurap dan menyimen turut dilakukan sehingga selesai bagi menguatkan benteng yang dibina.

Menurut Aminolhuda, pihaknya berusaha sedaya mungkin bagi menyelesaikan masalah penduduk yang diwakili.

"Kita membantu mengikut kemampuan kepada pihak yang sewajarnya dibantu. Politik bukan tempat mengumpul kekayaan tetapi ruang berkorban tenaga dan wang ringgit demi kesejahteraan rakyat. Semoga bantuan yang sedikit ini dilihat sebagai amal saleh oleh Allah SWT," katanya.

Atas kegigihan yang ditunjukkan Aminolhuda, seluruh ahli jawatankuasa AMANAH Kawasan Sri Gading yang diketuai Mohd Salleh Abd Samad memberi sokongan padu kepada beliau bagi mempertahankan Dun Parit Yaani pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.



Adik Hakim ceria menerima sumbangan daripada Adun Parit Yaani, Aminolhuda sambil diperhatikan Dr Naomie.



Antara petugas yang berkhidmat menambak benteng bagi menghalang air banjir memasuki perkarangan rumah penduduk.



Wakil parti-parti komponen Pakatan Harapan dan sebahagian perwakilan yang menghadiri mesyuarat agung AMANAH Kawasan Sri Gading.



Pengarah Roadmap AMANAH Negeri Johor Ishak Salleh menyampaikan ucapan pada majlis Konvensyen AMANAH Sri Gading.

**JAWATANKUASA AMANAH
KAWASAN SRI GADING**

Ahli Jawatankuasa

- AMINOLHUDA HASSAN
- UST RIZALMAN A.AZIZ
- NAZRI KHAMIS
- MOHD ISMAIL ABD KADIR
- KHAIRUL RIZAL ARSHAD
- MAHMUD IDRIS
- MOHD SAID OTHMAN
- MOHD EZAM TASLIM
- ALIUDDIN KAMAT
- MOHD NAZREEN ABD SAMAD
- HOSNI ATAN
- AHMAD RASIDI MERY
- SARONI SAID
- NOOR AKMALATOLAKMAL SAKIB

Ketua : MOHD SALLEH BIN SAMAD

Timbalan Ketua : NOORKHALIM SAKIB

Naib Ketua 1 : MOHD ALIAS SABU

Naib Ketua 2 : MAHADZIR MD ZILI

Naib Ketua 3 : BAHARUDDIN MOHD SALLEH

Setiausaha : NOORAZAM SAKIB

Pen. Setiausaha : MOHD SALIHAN HAMDI

Bendahari : ABU AZAM YAHYA



Aminolhuda bergotong-royong membaiki dinding sebuah rumah penduduk di Zon Bindu.

PROMOSI OGOS & SEPT

**JOM IKLAN DENGAN
AKHBAR AMANAH**

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

**TEMUI
50 RIBU
PEMBACA
ANDA
SEKARANG**

**APA YANG ANDA AKAN
DAPAT JIKA BERIKLAN
DENGAN KAMI?**

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

**BETULKAH
SHAFEE**

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

6 Pakatan Keadilan - Pas akan kecewakan pengundi

12 Najib jangan jadi ayam jantan!

1MDB IPI

15 Isu Memali, 1MDB uji akauntabiliti



ms23

Rumah mampu milik jadi alat pindah pengundi

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 66 | 3 - 9 SEPTEMBER 2017

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3.9.2017	5:41	5:51	7:07	13:15	16:22	19:20	20:29
4.9.2017	5:41	5:51	7:07	13:15	16:21	19:19	20:29
5.9.2017	5:41	5:51	7:06	13:15	16:20	19:19	20:28
6.9.2017	5:41	5:51	7:06	13:14	16:19	19:18	20:28
7.9.2017	5:41	5:51	7:06	13:14	16:18	19:18	20:27
8.9.2017	5:40	5:50	7:06	13:14	16:17	19:17	20:27
9.9.2017	5:40	5:50	7:05	13:13	16:16	19:17	20:26

HANCUR LULUH HATI TUN RAZAK

"**AKAN** luluhlah hati Tun Abdul Razak, mengikuti pendedahan demi pendedahan, tangkapan demi tangkapan kerana perbuatan rasuah yang berlaku secara besar-besaran, melibatkan penjawat tinggi dan individu terpelajar, dengan amaun yang banyak, yang amat mencalar nama baik negara bangsa," titah baginda Raja Nazrin Shah, Sultan Perak ketika melancarkan buku "Fulfilling a Legacy: Tun Razak Foundation" baru-baru ini.

Laporan penuh ➔
muka 2



Tun Abdul Razak, andai kata masih bernafas, pastinya pada hari ini akan kecewa dan ralat, kata Raja Nazrin.



Pemimpin AMANAH akan ketuai Kelantan, Terengganu dan Melaka

MAJLIS Presiden Pakatan Harapan bersetuju melantik pemimpin AMANAH menjadi pengerusi PH di negeri Kelantan, Terengganu dan Melaka.

Pemimpin Bersatu pula akan menjadi pengerusi PH di negeri Kedah, Johor, Perak dan Perlis.

Pemimpin PKR pula akan menjadi pengerusi PH di Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Sabah.

Manakala pemimpin DAP pula

akan menjadi pengerusi di negeri Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Sarawak.

Sabah pula dipercayai diserahkan kepada Parti Warisan Sabah yang diketuai Datuk Mohd Shafie Apdal.

Sehingga kini, timbalan presiden PKR yang juga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali telah diumumkan sebagai pengerusi PH Selangor manakala Setiausaha Agung DAP yang juga Ketua Menteri Pulau

Pinang, Lim Guan Eng sebagai Pengerusi PH negeri itu.

Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga telah diumumkan sebagai Pengerusi PH Johor.

"Walaupun pemimpin parti dalam PH mengetuai sesuatu negeri, parti-parti lain juga akan bergiat cergas di negeri berkenaan atas nama PH bagi memastikan kemenangan PH dalam PRU 14 nanti," kata sumber PH.

Natural Safe Effective

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare